



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

Jilid II

Bil. 28

Hari Jumaat

16hb Disember, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 34)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) (Ruangan 35)

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) (Ruangan 78)

Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (Ruangan 38)

Rang Undang-undang Kewangan (Ruangan 120)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 16hb Disember. 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D0A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**RTM - PELUANG KEPADA PESERTA CACAT**

1. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih minta Menteri Penerangan. menyatakan tentang inisiatif Radio Televisyen Malaysia (RTM) khususnya dalam mengembangkan bakat semulajadi orang-orang cacat penglihatan melalui rancangan hiburan yang diterbitkan oleh RTM seperti yang diberikan kepada penyanyi-penyanyi baru walaupun kurang bermutu persembahannya,

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, RTM sentiasa membuka peluang kepada peserta-peserta baru termasuklah yang cacat untuk mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan terbitannya. Peserta-peserta baru yang dipilih itu mestilah mempunyai kebolehan yang memenuhi standard yang telahpun ditetapkan sama ada di dalam bidang nyanyian, lakonan ataupun dalam upacara penyampaian. RTM dalam beberapa rancangan-rancangan. yang lepas telah memberi kesempatan kepada orang-orang cacat untuk mengambil bahagian dalam bidang lakonan dan nyanyian. Walaupun setakat ini tidak ada rancangan khas tetapi dari masa ke semasa kesempatan akan diberikan kepada peserta-peserta cacat untuk mengambil bahagian dalam penerbitan-penerbitan RTM.

Tuan Haji Hamid Araby bin. Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan bolehkah saya tahu berapakah rancangan yang telah disertai setakat ini oleh orang-orang cacat yang berbakat kerana saya pernah mengikuti satu rancangan di mana beberapa orang cacat telah menyertainya.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana tidak dapat memberikan bilangan rancangan yang disertai oleh orang-orang cacat, tetapi pada masa lalu memang banyak rancangan-rancangan yang telah kita beri. Walau pada masa ini agak berkurangan tetapi saya akui bahawa pada masa lalu sama ada melalui TV mahupun radio ada kita berikan peluang kepada orang-orang cacat dalam rancangan-rancangan yang sedemikian.

Tuan V. K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rancangan lagu-lagu selamat doa atau "arulisai", dengan izia, di rancangan Merah Radio Malaysia dan rancangan Tumpuan Minggu di rangkaian kedua TV Malaysia adalah salah satu rancangan bahasa Tamil yang disiarkan oleh RTM sejak dahulu lagi, tetapi malangnya baru-baru ini kedua-dua rancangan-rancangan ini telah diberhentikan. Bolehkah Timbalan Menteri Penerangan menjelaskan sebab-sebab asas yang menyebabkan rancangan-rancangan tersebut di atas diberhentikan?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak kena mengena dengan soalan asal.

KENDERAAN PENGANGKUTAN AUTO TIGA RODA

2. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan auto tiada roda di negeri kita untuk memberi layanan yang lebih mudah dan murah kepada rakyat seperti di Thailand, Filipina dan India. Jika tidak, apa sebabnya.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam tidak bercadang untuk memperkenalkan auto tiga roda dijadikan sebagai kenderaan pengangkutan awam di negara ini. Ini adalah kerana

kelas-kelas lesen kenderaan pengangkutan awam yang sedia ada seperti bas berhenti-henti, bas mini, teksi dan kereta sewa boleh menampung keperluan pengangkutan awam di negara ini. Kementerian ini bersedia menambahkan bilangan lesen-lesen kenderaan pengangkutan awam sedemikian sekiranya didapati perlu untuk menampung permintaan-tambahan. Kementerian berpendapat kenderaan roda tiga adalah tidak sesuai dari segi keselamatan penumpang-penumpang dan kenderaan jenis ini akan menambahkan lagi masalah kesesakan lalulintas terutamanya di bandar-bandar besar di negara ini.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, baru-baru ini JPJ telah memutuskan tidak dibolehkan kepada penunggang-penunggang motosikal yang membawa barangan perniagaan mereka. Oleh kerana itu penjaja kecil terutama sekali pengedar suratkhbar akan mengalami masalah untuk perniagaan. Bolehkah Kementerian Yang Berhormat menimbang untuk memberi lesen kepada mereka untuk menggunakan auto beca?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan yang di-Pertua, soal pembaharuan lesen adalah di bawah pertimbangan untuk mendapatkan lesen dan ini adalah di bawah Kementerian Pengangkutan. Berdasarkan kepada apa yang telah diputuskan oleh dasar kita, maka tidak ada kemungkinan auto tiga roda akan dicadangkan untuk mengambil alih kenderaan yang berkenaan.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Perusahaan Awam. Memandangkan perlunya, pengangkutan jenis ini sama ada untuk kegunaan awam atau tarikan kepada para pelancong adakah pihak Kerajaan akan membuat kajian semula bagi membenarkan penggunaan auto tiga roda ini?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan, Kementerian tidak bercadang kerana dalam lawatan-lawatan saya sendiri ke negara-negara Thailand, Filipina dan Indonesia baru-baru ini, saya dapati kenderaan jenis auto roda tiga ini sememangnya menyebabkan kesempitan jalan lalu-lintas dan merbahaya kepada orang awam, Saya yakin kenderaan jenis ini tidak boleh dilaksanakan di Malaysia kerana keadaan tekanan jiwa yang akan dikenakan kepada pembawa-perabawa kenderaan lain seperti teksi, motokar dan sebagainya kerana kita dapati boleh dikatakan pembawa—pembawa kenderaan di negara kita ini kurang sabar sedikit. Kalau di Indonesia mereka mempunyai kesabaran yang lebih, sebab itu saya yakin mungkin kenderaan roda tiga boleh dilaksanakan di Indonesia, tetapi kalau di sini mungkin pergaduhan akan berlaku, setiap kali...

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Kita faham dengan masalah beca-beca yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan-Menteri tadi menghalang kesesakan lalulintas, mungkin ini berlaku di bandar-bandar besar. Saya ingin mencadangkan kalau boleh, kenderaan jenis ini dibolehkan di kawasan-kawasan bandar baru yang kekurangan pengangkutan, misal kata di rancangan FELDA, gugusan-gugusan yang baru ditubuhkan yang sentiasa kekurangan pengangkutan. Saya rasa dengan sebab murah kenderaan ini patut dicadangkan ataupun dikaji semula supaya diadakan di kawasan-kawasan ini.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Bolehlah dipertimbangkan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, berapakah beca yang kita masih ada sekarang, misalnya di

Pulau Pinang dan di Kuala Lumpur atau Kelantan? Adalah lebih baik jika kita menggantikan beca dengan auto tiga roda di negara kita, kesihan kepada mereka yang mesti menggunakan tenaga yang kuat untuk mengayuh beca.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, dasar kita ialah tidak hendak melanjutkan perkhidmatan mereka kerana kita percaya semakin hari taraf hidup rakyat bertambah tinggi dan harapan kita kepada mereka ini mempunyai keluarga yang boleh mempertingkatkan taraf hidup dan dengan demikian di masa akan datang kemungkinan teksi roda tiga ini tidak boleh didapati lagi jenis kenderaan ini yaag berada di negara kita. Saya tidak mempunyai jumlah angka-angka beca di Pulau Pinang kerana ini tertakluk di bawah Municipal Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi pertanyaan, Yang Berhormat Pandikar Amin.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menurut jawapan Timbalan Menteri Perusahaan Utama sebentar tadi bahawa transportasi secara ini adalah tidak harus dibuat di Malaysia kerana ianya akan mempunyai kesan tekanan jiwa kepada masyarakat Malaysia, terutama sekali kepada pemandu-pemandu. Yang saya mahu tahu, Tuan Yang di-Pertua, macam mana Timbalan Menteri tahu bahawa orang-orang di Malaysia ini kurang penyabar, statistik mana beliau baca? **[Ketawa]**

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, kerana selalu kita anggap jumlah accident yang banyak dan jika kita pergi dalam bandar Kuala Lumpur, kita akan lihat kalau seorang potong

motokar kita di lebuhraya ataupun di jalan-jalan raya, kita pasti kereta yang telah dipotong itu akan cuba memotong balik ataupun menekankan honnya tanda menunjukkan kemarahan, tetapi ini tidak berlaku di tempat-tempat di Indonesia sana.

**BANK PEMBANGUNAN ISLAM (IDB) DAN BANK KEMAJUAN
PERUSAHAAN MALAYSIA BERHAD**

3. Tuan Haji Jaafar bin Harun minta Menteri Kewangan menyatakan apakah yang dikatakan "Bank Pembangunan (IDB) yang berpusat di Jeddah itu dari juga "Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad". Bila ditubuhkan kedua-dua bank ini, apakah tujuan-tujuan dan peranan masing-masing dalam membantu peniaga-peniaga tempatan, dan bagaimana caranya jika seseorang peniaga tempatan berkehendakkan bantuan bank tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Pembangunan Islam (IDB) adalah sebuah institusi kewangan antarabangsa yang telahpun ditubuhkan lanjutan daripada Perisytiharan Hasrat ataupun, dengan izin, Declaration of Intents yang dikeluarkan oleh persidangan Menteri-menteri Kewangan Negara-negara Islam yang ber-sidang di Jeddah, Saudi Arabia pada Disember 1973. Ianya ditubuhkan dengan rasminya pada tahun 1975 dan beribu pejabat di Jeddah, Saudi Arabia.

Tujuan utama IDB ditubuhkan ialah untuk menyediakan kemudahan kewangan berdasarkan prinsip-prinsip syariah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial bagi negara-negara Islam.

khasnya negara-negara ahli IDB serta masyarakat Islam di negara-negara yang mempunyai penduduk minoriti Islam. Malaysia merupakan salah sebuah negara anggota IDB yang sehingga 30hb November, 1988 telah memperolehi kemudahan pembiayaan sebanyak IDS82.285 juta iaitu lebih kurang sama dengan Ringgit Malaysia \$294.748 juta.

Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (BKPM) yang kini telah ditukar namanya kepada Bank Industri Malaysia Berhad ataupun Bank Industri adalah sebuah institusi kewangan tempatan yang telah ditubuhkan pada tahun 1979 di bawah Akta Syarikat yang bertujuan menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman berjangka panjang bagi industri-industri berintensifkan modal, ataupun capital intensive, dengan izin, dan juga yang berteknologi tinggi dan berorientasikan eksport.

Bank Industri juga merupakan salah sebuah bank yang dilantik oleh Kementerian Kewangan sebagai agen pelaksana dan penjamin skim-skim kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh IDB kecuali skim ekuiti. Selain daripada Bank Industri, Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) juga telah dilantik sebagai agen kepada skim-skim kemudahan kewangan IDB.

Untuk makluman Yang Berhormat, kemudahan kewangan yang ditawarkan bagi sektor perindustrian oleh IDB ialah kemudahan penyertaan ekuiti, sewa pajak (leasing), jualan ansuran (instalment of sales), pembiayaan perdagangan untuk import dan eksport.

Untuk mendapat kemudahan tersebut di atas, seseorang peniaga tempatan atau syarikat-syarikat tempatan bolehlah membuat permohonan ataupun mengemukakan projek-projek cadangan mereka kepada IDB

melalui pihak Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan. Permohonan bagi projek-projek yang mempunyai kos lebih daripada IDS2 juta acaupun USS2.3 juta, bolehlah dipertimbangkan secara terus oleh IDB, manakala permohonan yang kurang daripada nilai tersebut bolehlah dipertimbangkan oleh Bank Industri Malaysia Berhad ataupun Bank Pembangunan Malaysia. Walau bagaimanapun, IDB akan dimaklumkan mengenai permohonan tersebut apabila menerimanya.

Puan Law Jack Yoon: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, selain daripada di Jeddah, sila nyatakan tempat-tempat lain negara kita telah menubuhkan Bank Pembangunan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Taan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada berkenaan dengan soal pokok. IDB adalah ditubuhkan seperti yang saya terangkan, selepas Menteri-menteri Kewangan Negara-negara Islam bersidang di Jeddah selepas Perisytiharan Hasrat (Declaration of Intents). Jadi, bukan Malaysia yang menubuhkan IDB ini.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau dapat memberitahu hasil-hasil yang telah diperolehi oleh negara kita dengan pelaburan yang berjumlah \$264 juta tadi?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada lebih kurang 8 muka maklumat-maklumat ataupun kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Bank Pembangunan Islam Jeddah kepada Malaysia sehingga 30hb November, 1988. Tetapi sebagai contoh, saya ambil satu dua bentuk pembiayaan yang dibuat:

- (i) sebagai pembiayaan secara pinjaman (loan) untuk projek Pelabuhan Air Dalam Bintulu sebanyak 6.4 juta Islamic Dinar - 'ID' ini tadi, saya minta maaf kerana tidak menerangkan apakah 'ID' tadi, ialah Islamic Dinar - 6.445 juta Islamic Dinar.

Projek 3 buah sekolah vokasional di Kelantan, Pahang dan Johor dapat sebanyak ID 7.641 juta. Maktab Perguruan Islam, Bangi, Selangor dapat 8 juta Islamic Dinar. Jumlahnya lebih kurang ID 22 juta.

Ada juga pembiayaan secara penyertaan ekuiti macatn Pahang Cement sebanyak ID 0.008 juta. Kemudian, pembiayaan secara kredit atau penyertaan ekuiti (line of equity) ada diberi kepada Bank Pembangunan (Malaysia) Berhad untuk projek seperti Steel Mill dan Cocoa Processing Plant di Teluk Intan, Perak. Kemudian projek yang sedaag dikenalpasti di Malaysia yang dibiayai secara kredit sewa-pajak ialah sebanyak ID 1.4 juta dan ID 5 juta untuk projek yang sedang dikenalpasti untuk Bank Industri dan banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya dan kalau Yang Berhormat ingin jawapan yang lebih lanjut atau lebih detail, bolehlah saya menyalurkan jawapan ini secara bertulis.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah pihak Kerajaan bercadang untuk menubuhkan cawangan IDB ini di Malaysia?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, IDB berpusat di Jeddah dan saluran wangnya disalurkan melalui bank-bank yang saya sebutkan tadi. Jadi itu terpulanglah kepada mungkin Menteri-menteri Kewangan. negara-negara Islara untuk berbincang sama ada patut ataupun tidak satu cawangan bank tersebut ditubuhkan di Malaysia ataupun di mana-mana tempat yang lain di dutiia.

KESEDAR - PERTINDIHAN BIDANG KUASA

4. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kementeriannya sedar terdapatnya masalah pertindihan bidang kuasa kawasan di antara pihak Berkuasa Tempatan dengan Rancangan-rancangan Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah seperti yang dihadapi oleh KESEDAR serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menyatakan sedikit sebanyak kedudukan yang sebenar, ekoran daripada komentar yang agak dramatik semalam oleh saudara Senator Azman Acar, kerana ianya timbul di masa Soal-Jawab ini. Ada dua perkara iaitu kenapa Menteri, Timbalan Menteri ataupun saya tidak berada di Dewan ini semalam. Sebabnya ialah Menteri uzur, hampir 4 bulan Menteri uzur di hospital.

Kedua, Dato' Timbalan Menteri sekarang bercuti. Sepertimana orang lain, beliau juga suka berihat daripada menjalankan tugas.

Ketiga, saya mengikuti Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat dan merasmikan satu upacara di Penggeli berhampiran dengan Johor Bharu semalam. Saya pergi pagi dan saya balik petang.

Soalan yang kedua, sama ada kita semua tidak menghormati Dewan yang mulia ini, tentu sekali kali kami menghormatinya. Sebagai contoh di Dewati Rakyat baru-baru ini ramai Ahli-ahli Parlimen tidak berada dalam Dewan bukan kerana mereka tidak menghormati Dewan Rakyat, Tetapi pada waktu itu banjir di Johor, Terengganu, Kelantan, Pahang, Kedah dan satu dua tempat lagi. Jadi semua Ahli-ahli

Parlimen yang terlibat di kawasan-kawasan itu terpaksa berada di kawasan-kawasan sendiri termasuklah setengah-setengah Menteri, Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen. Itu pembetulan saya. Mengapa kita tidak suruh umpamanya Yang Berhormat Tuala Mohd. Kassim Ahmed menjawab kerana datang notis kepada saya itu terlambat, meminta pembantu kita berhubung mana sahaja yang dapat, 2-3 orang pun tidak dapat, akhirnya dapat Yang Berhormat Tuan Railey Jaffrey. Jadi itulah kedudukannya.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kena minta izin dari Yang Berhormat.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Sila.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Taaah dan Kemajuan Wilayah, maksud saya semalam tidaklah saya menuduh bahawa Menteri dan Timbalan Menteri tidak bertanggungjawab, tetapi oleh kerana minta di masa hadapan kalau ada apa-apa jawapan yang patut disampaikan kepada Dewan Negara ini untuk bahan kepada kami semua Ahli-ahli Senate bila berdialog dengan rakyat, maka biarlah benar-benar jawapan itu, diminta Menteri atau Timbalan Menteri yang benar-benar faham dalam masalah Kementerian itu. Jadi itulah yang saya minta. Walau bagaimanapun saya haraplah perkara ini tidak berlaku lagi.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan awal-awal tadi, saya tidak mengatakan saudara Yang Berhormat Tuan Azman Atar mengatakan kita tidak bertanggungjawab - saya tidak pernah kata itu. Saya hanya meminta izin untuk menyatakan

sedikit sebanyak kedudukan sebenar.

Kedua, sama ada kita akan berhubung dengan pihak yang mengetahui tentang perkara **ini**, saya pun sudah cakap tadi. Kita tahu bahawa yang pernah menjadi Timbalan Menteri di Kementerian saya ini ialah Yang Berhormat Tuan Mohd. Kassim Ahmed dan juga Dato' Haji Dusuki, tetapi apabila kita hendak berhubung semalam tidak dapat, jadi keadaan begitu mendesak akhirnya-dapatlah Yang Berhormat Tuan Railey Jaffrey untuk menjawab. Selalunya apabila kita suruh menjawab itu adalah orang kata supporting information itu diberikan kepada beliau tetapi. kenapa maklumat demikian tidak sampai wallahualam.

Tuan Yang di-pertua, izinkan saya menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Beres, ya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar terdapatnya pertindihan bidangkuasa kawasan antara pihak Berkuasa Tempatau dan Agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah, tetapi perkara ini telah diselaraskan. Umpamanya, DARA, KEJORA dan KETENGAH telah diberikuasa oleh Kerajaan Negeri berkenaan untuk menjalankan tugas-tugas Kerajaan Tempatan, manakala di KEDA, PERDA dan JENGKA terdapat penyelarasan yang rapat antara Agensi-agensi tersebut dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

Di KESEDAR, pada mulanya memang terdapat pertindihan bidangkuasa-antara kawasan Pihak Kerajaan Tempatan dan kawasan KESEDAR, tetapi langkah-langkah telah diambil. Ada tiga langkah besar yang diambil iaitu:

- (i) Kerajaan Negeri Kelantan telah melantik Pengurus Besar KESEDAR sebagai Ahli dalam keempat-empat Majlis Daerah yang ada dalam kawasan Kelantan Selatan mulai 1 Oktober 1981, iaitu kira-kira 7 tahun dahulu.
- (ii) Kerajaan Negeri Kelantan telah meluluskan pemakaian Akta Kerajaan Tempatan 1976 dalam kawasan KESEDAR dan melantik Pengurus Besar KESEDAR sebagai Pihak Berkuasa seperti terkandung dalam Warta Kerajaan bertarikh 9hb Jun, 1983.
- (iii) Pengurus Besar KESEDAR adalah dilantik menjadi Ahli Majlis Daerah Gua Musang. Ketua Jajahan pula iaitu Ketua Jajahan Gua Musang yang juga bertindak sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang diantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah KESEDAR sejak tahun 1981 lagi.

RUNDINGAN PERDANA MENTERI DENGAN PRESIDEN KOREA SELATAN

5. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Luar Negeri menyatakan persetujuan yang telah dicapai dalam perundingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Korea Selatan semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat lawatan rasmi ke negara itu baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan. Yang di-Petua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Presiden Roh Tae-Woo telah membuat

lawatan ke Malaysia pada 3-5hb November, 1988. Rundingan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Roh telah diadakan pada 4hb November, 1988. Semasa rundingan tersebut beberapa perkara penting telah dibincangkan dan kedua-dua belah pihak telah mencapai persetujuan dalam pelbagai hal.

Di antara persetujuan yang telah dicapai ialah penubuhan Suruhanjaya Bersama di peringkat Menteri Luar Negeri kedua-dua negara. Penubuhan Suruhanjaya Bersama ini kelak akan menyelaraskan kerjasama di dalam bidang politik, perdagangan, ekonomi dan juga penyelidikan saintifik. Buat masa ini Kementerian Luar Negeri sedang mengkaji struktur Suruhanjaya ini untuk perlaksanaannya.

Kedua-dua negara juga mencapai persetujuan untuk memperluaskan lagi perdagangan melalui penambahan jumlah barang dagangan dan penglibatan secara aktif sektor swasta Republik Korea di dalam pasaran di Malaysia.

Kerajaan Republik Korea juga telah bersetuju menimbangkan tawaran Malaysia untuk membeli gas asli secara kontrak jangka panjang bagi kegunaan dalam negerinya pada 1995. Dalam hubungan ini, Kerajaan Korea Selatan bersedia untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam usaha-usaha eksplorasi sumber-sumber tenaga yang terdapat di negara kita.

Malaysia dan Republik Korea bersetuju untuk memperluaskan lagi usaha sama melalui pelaburan dengan lebih aktif lagi. Kedua-dua pihak beranggapan bahawa gabungan teknologi dan modal Republik Korea dengan bahan-bahan mentah keluaran Malaysia akan dapat membantu memperluaskan lagi usahasama serta menarik lebih ramai pelabur-pelabur

Republik Korea melabur di Malaysia.

Republik Korea telah bersetuju untuk menggalakkan lebih ramai rakyat negaranya melancong ke Malaysia. Mulai 1hb Januari, 1989, Kerajaan Republik Korea akan menghapus semua peraturan yang menyekat rakyatnya dari raelancong keluar negeri. Malaysia adalah dianggap salah satu negara yang akan menjadi tumpuan pelancong-pelancong dari Republik Korea.

Persefahaman-persefahaman di atas perkara yang telah disebut akan membantu mempereratkan lagi hubungan Malaysia-Korea.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. EC. S. Nijhar.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 6.

RUMAH PEKERJA LADANG

6. Puan Valli Muthusamy [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan pemilikan rumah sendiri di kalangan pekerja-pekerja-ladang, menyatakan rancangan-rancangan perumahan pekerja ladang yang telah siap dan juga yang masih dalam pelaksanaan setakat ini.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa skim memiliki rumah pekerja ini adalah satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kerajaan untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka. Skim ini adalah bertujuan untuk membantu pekerja-pekerja ladang dan lombong memiliki rumah kediaman sendiri.

Untuk menggalak dan mendorong penglibatan para majikan dalam skim ini, Kementerian Buruh telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Mendapatkan kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan yang terlibat untuk mempercepatkan pelaksanaan skim ini.

- (ii) Pegawai-pegawai Buruh dalam siri lawatan mereka ke ladang-ladang dan lombong-lombong telah menyarankan dan menggalakkan majikan supaya menyertai skim ini.
- (i) Pegawai-pegawai Buruh juga memberi nasihat kepada majikan-majikan ke atas perkara-perkara mengenai skim ini yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan.

Setakat: ini 8 buah ladang yang menyertai skim ini telah menyiapkan rancangan perumahan mereka seperti berikut:-

1. Ladang Batu Pekaka, Kuala Kedah	232 unit
2. Ladang Dovenby, Sungai Siput, Perak	108 "
3. Ladang Tenamaram, Batang Berjuntai, Selangor	110 "
4. Ladang Teluk Merbau, Sepang, Selangor	196 "
5. Ladang Glenmarie, Kelang, Selangor	121 "
6. Ladang Sungai Buluh, Kuala Selangor	212 "
7. Ladang Kemas, Kuala Selangor	66 "
8. Ladang Temiang South, Seremban, Negeri Sembilan	35 "
	1,080 unit

Skim Memiliki Rumah Pekerja yang sedang dalam pelaksanaan di lain-lain ladang adalah seperti berikut:-

- | | |
|--|----------|
| 1. Ladang Pasir Pinji, Ipoh, Perak | 463 unit |
| 2. Ladang Bukit Mertajam, Kulim, Kedah | 286 " |
| | 749 unit |

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara Kerajaan-kerajaan. Negeri mana satu negeri menyambut rancangan perumahan pekerja-pekerja ladang. Sekiranya sambutan dingin, apa sebabnya?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memahami maksud Yang Berhormat Senator tentang Kerajaan Negerikah ataupun negeri-negeri mana yang sambutan ini tidak menggalakkan. Kalau misalan Kerajaan. Negeri pun ada masalah di sini, meluluskan tanah, tukar syarat, pecah sempadan dan sebagainya. Majikan-majikan di dalam itu juga pun ada masalah. Jadi kalau dapat penjelasan.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Buruh puas hati dengan kemajuan skim ini, kerana skim ini dikenalkan saya ingat 15 tahun dahulu?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada dua approach ataupun pendekatan untuk dilihat perkara ini, Yang pertama, kalau dari segi menganggap perkara ini sukarela, kita sangat puas hati kerana dengan sukarela pun kita sudah mempunyai

hampir 1,800 unit rumah yang akan siap. Kalau kita mengatakan bahawa ini adalah sukarela iaitu kita pujuk, kita saran mereka menyambut dengan baik. Jadi kita puas hati, Tetapi kalau secara umumnya berbanding dengan jumlah ladang-ladang yang ada dengan pekerja-pekerja yang ada dalam sektor ini, memanglah kita tidak puas hati lagi dan kita sedang mengambil berbagai-bagai langkah untuk memperbaiki keadaan ini. Tetapi seperti yang saya sebut rancangan ini adalah rancangan yang sangat istimewa kerana apakah lagi sektor lain, pekerjaan lain umpamanya kilang ataupun kerja-kerja lain yang mana majikannya mendirikan rumah untuk pekerjanya memiliki, Mengapa sektor ladang ini yang menjadi istimewa sangat. Kalau mengambil perkiraan ini maka kita tahulah kita harus bersyukur dan bergembira bahawa majikan-majikan menyambut baik saranan daripada Kerajaan ini.

MALAYSIA SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN

7. **Cik Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah usaha-usaha yang akan dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi memajukan lagi sektor perindustrian di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah dan sedang giat mengambil langkah-langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian. Bagi membantu Kerajaan untuk mencapai

matlamat tersebut, dua bentuk perancangan telah digubal untuk dilaksanakan iaitu Pelan Induk Perindustrian (1986-1995) dan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Melalui pelaksanaan kedua-dua perancangan ini, Kerajaan mementingkan pembangunan di sektor pembuatan serta peningkatan pasaran eksport sebagai 'engine of growth' bagi pembangunan ekonomi negara keseluruhannya. Adalah dijangkakan melalui pembangunan sektor pembuatan ini, jumlah peluang pekerjaan serta peningkatan eksport keluaran kilaug negara dapat ditingkatkan.

Di antara usaha-usaha yang telah dan akan terus diambil oleh Kerajaan bagi menarik lebih banyak pelaburan baru demi untuk memajukan sektor pembuatan negara adalah seperti berikut:-

- (i) meningkatkan dan mempergiatkan misi menarik pelaburan asing dan, pelaburan tempatan;
- (ii) menyediakan dan menyemak semula galakan-galakan cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 supaya ianya dapat menyaingi galakan-galakan cukai yang disediakan oleh negara serantau;
- (iii) mempercepatkan proses kelulusan pelaburan-pelaburan baru melalui pembentukan pusat-pusat penyelarasan pelaburan di peringkat pusat dan negeri;
- (iv) melonggarkan syarat-syarat mengenai pegangan saham oleh pelabur asing terutama bagi syarikat-syarikat berorientasikan eksport;

- (v) memudahkan pelabur-pelabur asing mendapatkan jawatan-jawatan asing;
- (vi) menyediakan kemudahan asas yang mencukupi bagi membantu pelabur-pelabur mendapat faedah dari segi mengurangkan kos operasi kilang masing-masing;
- (vii) memajukan projek-projek di bawah kumpulan industri kecil dan sederhana untuk membantu pengwujudan rangkaian dan industri sokongan kepada industri utama;
- (viii) mengurangkan karenah pentadbiran Kerajaan terutamanya bagi projek-projek yang bercorak eksport; dan
- (ix) menyediakan lain kemudahan-kemudahan di peringkat pusat dan negeri seperti 'rubber rebate scheme', 'electricity discount scheme' dan pengurangan bayaran premium tanah.

Jika ditinjau dari segi pencapaian pelaburan baru bagi tempoh sehingga bulan Oktober, 1988, sejumlah \$8,117 juta pelaburan telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Untuk perbandingan, 53,933.9 juta diluluskan bagi tahun 1987. Dengan peningkatan yang besar ini adalah jelas bahawa usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menarik pelaburan baru mendatangkan hasil. Dengan kedudukan **itu**, usaha-usaha tersebut wajarlah diteruskan demi untuk menarik lebih banyak pelaburan baru ke negara ini.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bahawasanya rancangan dan strategi Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan sekarang ini hanya menguntungkan Pantai Barat dan dengan secara sedar ataupun tidak sedar negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan, Terengganu dan lain-lain lagi tidak akan dapat menikmati sepenuhnya usaha-usaha untuk menarik para pelabur sama ada dari dalam atau luar negeri. Apakah juga Kementerian berkenaan dan pihak Kerajaan tidak menganggap ketidakseimbangan ini kelak akan menimbulkan masalah-masalah yang boleh mengagalkan pencapaian penyusunan semula masyarakat mengikut Dasar Ekonomi Baru dan juga pembasmian kemiskinan di masa hadapan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan kita menggalakkan pelaburan-pelaburan di seluruh Malaysia bukan di Pantai Barat sahaja tetapi di Pantai Timur juga. Tetapi di sini kita mesti menyedari bahawa pelabur-pelabur ada kebebasan memilih tempat-tempat yang mereka hendak melabur. Di sini saya hendak menerangkan bahawa Kerajaan kita, terutamanya Kementerian kita selalu menggalakkan pelabur-pelabur prospektif ke Pantai Timur, tetapi akibatnya pilihan mesti bergantung dengan perniagaan pelabur-pelabur masing-masing. Di sini saya hendak menitikberatkan lagi sekali, Kerajaan tidak mengabaikan kemajuan di Pantai Timur. Tetapi di sini oleh kerana pelaburan-pelaburan bergantung kepada pelabur-pelabur peribadi, itulah yang kita menghadapi masalah.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan dengan secara tidak langsung Yang Berhormat Timbalan Menteri mengaku bahawa sukar bagi hendak menarik pelabur-pelabur ke tempat-tempat yang saya sebutkan tadi kerana sebab-sebab business consideration bottom line dan sebagainya, apakah rancangan-rancangan alternatif untuk compensate kemungkinan tidak berlakunya pelaburan di Pantai Timur supaya perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di Pantai Timur tidak ketinggalan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, di sini Kerajaan kita adalah menggalakkan pelaburan di tempat-tempat yang berkurangan kemajuan infrastruktur seperti Pantai Timur dan oleh kerana itu kita beri insentif-insentif yang istimewa sebagai insentif tempatan atau insentif lokasi di sana. Di sini saya ingin menyatakan lagi bahawa dalam Pelan Induk Perindustrian ia ada menekankan kita untuk menggunakan infrastruktur-infrastruktur yang ada sekarang. Kalau kita membangunkan projek-projek di tempat-tempat yang kurang infrastrukturnya, kos pembangunan itu mungkin sangat tinggi dan Kerajaan kita takut ianya tidak boleh membebankan kos yang tinggi itu.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Sungguhpun banyak usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi memajukan bidang perindustrian di negara ini, saya masih ragu adakah pihak swasta mengambil bahagian yang aktif dalam bidang perindustrian di negara kita. Adakah benar kalau kita hendak memulakan perniagaan sebagai misalnya sebuah restoren, kita pula memohon lebih 30 lesen. Ini sangat susah.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan kita tidak mendiskriminasikan pelabur-pelabur dari negara-negara

asing dan pelabur-pelabur tempatan. Di sini saya hendak membetulkan satu miskonsepsi di negara kita ia itu ada lebih pelaburan tempatan di negara kita kalau dibandingkan dengan pelaburan-pelaburan dari negara asing. Di sini kita tidak, saya mengulangi, mendiskriminasikan dari segi insentif-insentif untuk pelabur-pelabur yang datang sama ada dari negara asing atau dari negara kita.

Berkaitan dengan lesen-lesen restoran, itu saya tidak berapa pasti, tetapi saya harap menurut peraturan-peraturan atau regulations di negara kita, kalau restoran-restoran terpaksa mengambil 30 lesen, saya harap itu satu masalah yang kita boleh mengkaji dan kita boleh mengurangkan lesen-lesen yang ada.

KUIL DAN TANAH, PERKUBURAH- PERMOHONAN PENEROKA

8. **Tuan A.K. Sivalingam** minta Menteri, Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan walaupun ada peruntukan dalam Akta GSA untuk kemudahan-kemudahan seperti Kuil Hindu dan tanah perkuburan Hindu, kaum India masih lagi menghadapi masalah untuk mendapatkan kemudahan ini. Didapati Kerajaan-kerajaan Negeri dan FELDA tidak memberi perhatian serius pada perkara ini. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada kaitan dengan Kerajaan Negeri dan Kementerian ini khasnya FELDA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi pertimbangan terhadap permohonan-permohonan peneroka untuk mendapat tempat perkuburan dan kuil-kuil. Faktor-faktor yang diberikan pertimbangan utama ialah jumlah peneroka di dalam sesebuah rancangan tertentu. Bagaimanapun, permohonan-permohonan begini perlulah dirujukan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk diberikan pertimbangan

dan mendapatkan persetujuan terlebih dahulu. Pihak Kementerian sentiasa menyokong permohonan-permohonan daripada mereka yang menganut agama Hindu dan pertimbangan seperti itu sentiasa mendapat sokongan daripada Kementerian ini untuk pertimbangan selanjutnya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

FELDA - SISTEM HAKMILIK INDIVIDU

9. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah benar Kerajaan bercadang memberikan hakmilik kepada peneroka FELDA di seluruh Negara dan membatalkan pemilikan saham. Jika benar, apakah syarat-syarat yang akan dikenakan dalam, surat hakmilik supaya ianya tidak berpindah milik kepada orang lain.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya semua rancangan FELDA yang beroperasi secara sistem saham dan sistem hakmilik kumpulan dimansuhkan dan dikekalkan kepada sistem hakmilik individu-individu melalui keputusan Kabinet pada 26,10.88.

Berdasarkan keputusan itu syarat-syarat yang dikenakan adalah:-

- (1) Tanah hendaklah diurustadbir oleh atau melalui FELDA termasuklah memberi khidmat pertanian, perolehan bahan-bahan pertanian, benih, kawalan musuh, pengangkutan, pemerosesan, penjualan hasil dan penanaman semula.
- (2) Syarat hakmilik individu yang dikeluarkan dikenakan syarat iaitu tanah berkenaan tidak boleh dijual melainkan kepada FELDA dan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
- (3) Mempastikan pendapatan peneroka adalah seimbang tanpa mengira perbezaan rupa bumi dan kesuburan dan terjamin dalam keadaan ladang-ladang mengalami kerosakan dan bencana alam.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, adakah FELDA akan dapat menimbangkan atau mencadangkan supaya menambah keluasan lot-lot peneroka kepada 10 ekar kerana sistem yang dijalankan. saya difahamkan jalan-jalan besar (main road), dikeluar keluasan lot-lot berkenaan. Kerana didapati boleh dikatakan setiap rancangan ada lebih tanah hingga 500 ekar yang sekarang ini dikelolakan oleh FELDA.

Yang kedua, adakah FELDA dapat menyelesaikan masalah-masalah jalan. Maksud saya apabila seseorang mendapat 10 ekar satu kawasan setempat, dia akan mengalami kawasan yang besar dan luas dan terdapat kemungkinan besar tidak ada jalan untuk mengeluarkan hasil pertanian mereka. Jadi, adakah ini diselesaikan supaya tidak timbul masalah nanti di antara peneroka-peneroka; maknanya setengahnya akan mendapat satu kawasan yang ada jalan, dan setempat pula langsung tidak ada jalan dan terpaksa keluar biaya sendiri untuk membina jalan baru.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tadi bagi tahaman saya ialah sama ada keluasan tanah hendak diperluaskan sehingga 10 ekar, itu maksudnya, ataupun lebih daripada 10 ekar?

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Cukup 10 ekar.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Cukup 10 ekar. Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya, pada keseluruhannya tanah-tanah yang diallocatekan kepada peneroka-peneroka ialah pada pukol rata 10 ekar

bagi tiap-tiap seorang. Ada pula yang lebih daripada 10 ekar.

Soalan yang kedua ialah masalah jalan. Sepertimana yang telah diumumkan selama ini manfaat yang akan pergi kepada peneroka setelah sistem hakmilik individu iai dilaksanakan, manfaatnya tidak akan lebih buruk daripada yang telah mereka dapati selama ini. Jadi, selama ini pun masalah jalan bukan merupakan satu masalah yang boleh menjejaskan keluasan tanah pertanian ini. FELDA akan merancang dan melaksanakan supaya jalan ini tidak akan menjejaskan kecekapan ataupun produktiviti peneroka-peneroka di dalam kerja-kerjanya hari-hari menghasilkan hasil-hasil pertanian daripada tanah-tanah yang diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, pertanyaan No. 10.

TRAJEDI MAKANAN BERACUN - SIASATAN

10. **Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim [di bawah S.O 23(2)]** minta Menteri Kesihatan menyatakan hasil siasatan keracunan yang mengorbankan nyawa di Perak; apakah tindakan yang diambil kepada mereka yang menyebabkan kematian-kematian tersebut.

Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat sekarang hasil siasatan keracunan yang mengorbankan nyawa di Perak itu menunjukkan bahawa satu "batch" bahan mentah yang digunakan untuk membuat makanan mee jenis "Loh See Fun" telah tercemar dengan jenis racun bernama Aflatoksin.

Tindakan awal telahpun diambil untuk memberhentikan pengeluaran Loh See Fun dan mee oleh pengilang-pengilang yang terlibat di kawasan Kampar yang disyaki tercemar dengan racun aflatoksin. Sebelum kilang-kilang itu boleh memulakan pengusahaan Loh See Fun dan mee mereka perlulah mematuhi beberapa syarat-syarat seperti berikut:-

- (1) Semua bahan-bahan mentah yang sedia ada dimaterikan atau seal, dengan izin, dan hanya boleh digunakan setelah disahkan selamat oleh siasatan makmal.
- (2) Memperolehi bahan-bahan mentah baru dari punca yang selamat untuk membuatkan Loh See Fun dan mee.
- (3) Mengamalkan cara pengusahaan yang mementingkan kebersihan dan kesihatan.
- (4) Tidak menggunakan bahan aditif yang dilarang seperti asid borik.
- (5) Setiap kilang diperiksa dan disahkan boleh beroperasi semula oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Tindakan sewajarnya telahpun diambil oleh pihak-pihak berkuasa tempatan ke atas pengilang-pengilang yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan dalam Akta Makanan 1983 serta peraturan-peraturannya.

Tuan Tan Chai Ho: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan sejauh manakah keadaan kedua-dua orang kanak-kanak di Ipoh yang berjaya disembuhkan dari keracunan makanan dan adakah mereka masih terus diberi rawatan hingga kini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua kanak-kanak itu telah dapat dirawat dengan selamat dan mereka masih berada di dalam jagaan Hospital Besar Ipoh dan kita masih memberikan penyeliaan kepada mereka.

Puan. Law Jack Yoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita hidup dalam masyarakat yang progresif yang penuh dengan teknologi moden, pil-pil untuk mempercepat pertumbuhan semua benda sehingga peniaga-peniaga hanya hendak mendapat keuntungan besar sahaja. Memandangkan ini adakah pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan sebuah pusat keracunan makanan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, Kalau Yang Berhormat hendak menjawab, sila.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap dengar saya tadi Yang Berhormat kata pil-pil pertumbuhan...

Puan Law Jack Yoon: Pil-pil untuk mempercepat pertumbuhan...

Dato' Chan Siang Sun: ...Mencepatkan pertumbuhan...

Puan Law Jack Yoon: Sebab sekarang ini masyarakat yang progresif ada banyak masalah, adakah pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan satu pusat keracunan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa ini adalah soalan lain. Saya rasa tidak payah Yang Berhormat Menteri menjawab.

Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan, izin, soalan yang ke 11.

HOSPITAL DAERAH KEMAMAN

11. **Tuan Abdul Majid bin Haji Abdullah [di bawah 3.0.23(3)]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk memperbesarkan Hospital Daerah Kemaman, Terengganu atau mahu diubah ke kawasan yang lebih sesuai memandangkan pertambahan penduduk yang begitu pesat di daerah teresbut.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan bagi memperbesarkan Hospital Daerah Kemaman atau dipindah ke kawasan yang lain kerana kegunaan katil hospital tersebut adalah hanya 50%. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan mengkaji keperluan bagi menambahkan kacil hospital tersebut semasa penyediaan Rancangan Malaysia Ke Enam.

UEM - JUMLAH KUTIPAN TOL

12. **Tuan Haji Dahlan bin Haji Embun** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sejak United Engineers of Malaysia (UEM) mengambil alih kendalian dan pengurusan jalan-jalan tol berapa banyakkah jumlah kutipan dikumpul. Bagaimanakah kedudukan pekerja-pekerja yang dahulunya di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Adakah mereka diserap ke dalam UEM dan dibayar gaji oleh UEM.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Lahat Wan]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Projek Lebuhraya Utara/Selatan (PLUS) Bhd. mengambil alih Lebuhraya Utara/Selatan pada 31hb Mei, 1988 sehingga 29hb November, 1988, jumlah kutipan tol yang dipungut ialah sebanyak lebih kurang S31 juta. Berhubung dengan pekerja-pekerja yang dahulunya di bawah pengurusan LLM, perjanjian konsesi telah menetapkan supaya Syarikat PLUS Bhd. menawarkan kerja kepada pekerja-pekerja yang berkaitan dengan pengurusan tol yang berjumlah seramai

lebih kurang 700 orang. Surat-surat tawaran pilihan option telah pun dikeluarkan pada 26hb November, 1988 yang lalu kepada semua pekerja-pekerja yang terlibat. Pekerja-pekerja yang memilih untuk diserapkan ke dalam Syarikat PLUS Bhd. akan dibayar gaji oleh syarikat berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi itu juga telah menetapkan supaya tawaran yang akan diberikan kepada pekerja-pekerja berkenaan itu mestilah tidak kurang daripada apa yang mereka nikmati sekarang ini daripada Kerajaan.

HOSPITAL BARU DAERAH BATU PAHAT

13. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Hospital baru untuk daerah Batu Pahat akan dibina untuk keperluan 4 kawasan Parlimen di sana.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebuah projek untuk membina hospital baru di Batu Pahat telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) dengan anggaran kos sebanyak \$66 juta tetapi pelaksanaannya terpaksa ditunda kerana tidak diberi peruntukan. Namun demikian, projek tersebut telah dikemukakan semula dalam Kajian Separuh Penggal RML dan kali ini telah diberi peruntukan. Pembinaan dijangka mula pada pertengahan tahun 1990 dan siap pada tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut telahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.14 hingga 44 adalah

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Kasitah bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan,
Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Perataran Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb' Disember, 1988).

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat C. Krishnan untuk menyambung ucapannya pada petang semalam. Dipersilakan.

4.08 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka terpaksa balik ke rumah kerana hujan, saya difahamkan mereka dibayar separuh gaji sahaja. Oleh sebab itu mereka menghadapi beberapa masalah-sosio-ekonomi. Di masa hujan turun pada bulan Oktober dan November mereka ini menghadapi masalah kewangan kerana bukan kesalahan mereka tetapi ini adalah satu yang di luar kuasa-mereka. Oleh sebab itu apabila perjanjian bersama dibuat saya merayu kepada Kementerian Buruh supaya Kementerian Buruh memujuk pihak majikan perladangan supaya tuntutan NUPW untuk gaji bulanan ini diberi layanan. Ini adalah satu tuntutan yang sudah lama yang perlu mendapat sambutan dari pihak Kerajaan. Cuma sektor perladangan sahaja yang menghadapi masalah ini.

Oleh sebab itu seksyen 14(3) memastikan perjanjian bersama tidak kurang faedahnya daripada Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 dan Akta Kerja 1955 ini saya mengalu-alukan satu cadangan pindaan ini ialah untuk memastikan supaya peruntukan-peruntukan dalam perjanjian bersama mengandungi faedah-faedah yang tidak kurang dari

peruntukan-peruntukan di bawah kedua-dua Akta tersebut di mana satu-satu perjanjian itu sekiranya ada apa-apa perbezaan maka pindaan ini boleh memberi kuasa kepada pihak Kerajaan untuk campur tangan. Oleh sebab itu saya merayu kepada Kementerian Buruh mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang.

Tuan Yang di-Partua, seperti kita sedia maklum, perhubungan perusahaan ini amat disanjung tinggi kerana barulah pelabur-pelabur dari luar negeri akan melabur di dalam negara kita. Maka majikan dan pihak kesatuan atau pihak buruh itu perlu ada satu perhubungan baik.

Baru-baru ini beberapa kejadian telah berlaku di mana auxiliary polis mengambil undang-undang di dalam tangan mereka. Baru-baru ini di Ladang Limabelas, Slim River, Perak ada satu kejadian berlaku di mana tidak persefahaman antara pengurus dan pekerja di mana auxiliary polis menggarikan seorang perempuan sampai dua jam. Siapa yang beri kuasa kepada auxiliary polis ini? Ini akan menjejaskan satu perhubungan baik antara pekerja dan majikan dengan sewenang-wenangnya. Saya telah timbulkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian ini bukan di Ladang Limabelas sahaja, satu lagi tempat yang berlaku ialah di Parit Buntar. Baru-baru ini mereka mengambil undang-undang dengan sewenang-wenangnya. Apabila ada perselisihan faham antara pengurus dan pekerja, auxiliary polis mengambil tindakan sampai menggari. Ini adalah keterlaluan kuasa majikan ini. Saya berharap apabila perkara-perkara ini keluar di dalam akhbar, Kementerian Buruhlah yang harus ambil tindakan sewajarnya. Pegawai-pegawai Buruh terpaksa dihantar ke tempat itu untuk menyiasat perkara ini, baru sahaja kita boleh bawa persefahaman ketenteraman, baru sahaja rakyat boleh ada satu kepercayaan kepada Kementerian Buruh dan kepada Kerajaan. Sekiranya siapa yang bersalah pun mereka perlu didenda, tetapi kuasa itu pengurus ladang tidak boleh ambil. Ini bukan masa penjajahan. Ini adalah kita duduk di dalam satu negara yang telah merdeka 31 tahun. Kejadian-kejadian seperti ini akan menjejaskan bukan sahaja persefahaman, akan menjejaskan produktiviti, pengeluaran. Di satu tempat di mana mereka telah bermogok sampai penolong pengurus terpaksa keluar dari estet itu.

Saya merayu kepada Timbalan Menteri sekiranya perkara-perkara ini berlaku di dalam tempat-tempat kerjanya, pegawai-pegawai buruh haruslah ambil tindakan-tindakan yang sewajarnya demi ketenteraman perhubungan perusahaan negara.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, semalam di Televisyen Malaysia sudah keluar satu berita mengenai kedudukan perladangan. Ada beberapa interview oleh pihak RTM dengan pihak NUPW. Di dalam wawancara itu pihak RTM mendapat tahu bahawa belia dan beliawanis yang pada masa sekarang tidak berminat bekerja di dalam perladangan estet-estet itu. Apa sebabnya? Adegan kedua akan keluar di dalam RTM hari ini. Pada pendapat saya kemudahan-kemudahan di dalam estet itu belia dan beliawanis tidak minat kerja di estet-estet, mereka kebanyakan keluar daripada estet mencari kerja di bandar-bandar. Ini satu hari nanti kita akan menghadapi masalah yang besar. Sekarang pun kita menghadapi masalah di negeri-negeri selatan seperti Johor, pihak majikan terpaksa memberi perlindungan kepada pendatang-pendatang haram daripada Indonesia supaya mereka boleh kerja di ladang-ladang mereka. Ini tidak boleh dielakkan kerana pemuda-pemudi kita tidak berminat kerana mereka berpendapat bahawa pekerjaan di estet itu adalah satu pekerjaan yang tidak memuaskan ataupun mereka berpendapat ini adalah satu tanda sebagai kuli di estet. Ini perlu kita menghapuskan. Kita tidak boleh beri alasan-alasan dengan kemudahan-kemudahan asas.

Walau bagaimanapun, kita mengucapkan syabas kerana beberapa kemudahan asas dengan daya usaha Kementerian telahpun majikan dapat disempurnakan. Penyediaan perumahan ini mestilah diambilkira kerana kalau kita hendak tarikkan pemuda-pemudi dan kekalkan mereka di dalam estet untuk mengeluarkan komoditi-komoditi utama, kita

perlulah adakan beberapa rancangan untuk mereka bekerja dengan selesanya. Mereka perlu adakan beberapa kemudahan sosial di mana selepas kerja mereka boleh mengadakan beberapa aktiviti-aktiviti sosialnya. Ini adalah satu seruan kepada Kementerian Buruh pada keseluruhannya supaya kita perlu meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan asas -di dalam estet-estet di mana kita boleh beri pekerjaan kepada pemuda-pemudi di perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah bahas di dalam Akta Kesatuan, beberapa pindaan yang telah dibentangkan iai saya amat mengalu-alukan. Ini perlu untuk masa depan di mana kita boleh adakan satu musim atau satu suasana di mana pihak majikan, pihak pekerja-pekerja ladang, pekerja-pekerja dalam lain-lain sektor itu dapat satu suasana di mana mereka boleh menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurnanya.

Satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Buruh. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun telah beri satu perjanjian bahawa apabila seksyen 2, 'schedule of essential services', dengan izin, mengklasifikasikan industri-industri penting yang diisytiharkan oleh Menteri Buruh sebagai perkhidmatan penting (essential service) di mana beliau telah beritahu Dewan yang mulia ini bahawa apabila Yang Berhormat Menteri Buruh mengumumkan satu-satu industri sebagai 'essential service' dengan berawas-awasnya. Walau bagaimanapun, ini perlu kita adakan demi untuk kepentingan ekonomi kita, tetapi saya ada beberapa pandangan di atas seksyen 2 ini.

Di bawah seksyen ini Menteri Buruh diberikan kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu industri itu sebagai industri mustahak ataupun essential service.

Cuma satu sahaja, Tuan Yaag di-Pertua, untuk mengelakkan industrial unrest, dengan izin, saya harap kalau boleh jangan seorang Menteri sahaja memutuskan perkara ini. Ini adalah satu perkara yang mustahak. Jika boleh kuasa untuk menentukan sesuatu industri sama ada essential service atau tidak hendaklah dirujuk kepada satu badan penasihat dan dipengerusikan oleh Menteri Buruh di mana keanggotaannya tidak kurang daripada 5 orang supaya satu-satu perkhidmatan ini untuk mengklasifikasikan atau pengisytiharan itu sebagai essential service itu tidaklah kuasa diberikan semata-mata kepada seorang. Kalau boleh dengan satu badan penasihat di mana Yang Berhormat Menteri Buruh boleh menjadi Pengerusi.

Dengan kata-kata **ini**, Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak peluang untuk perbincangan di dalam Akta Kerja, maka ketiga-tiga Akta ini yang mana satu kita hendak timbulkan, itu sudah mengelirukan. Sekiranya mungkin pandangan-pandangan yang kita keluarkan di dalam Akta ini terkeluar daripada Akta ini pun ia boleh menimbulkan kekeliruan di dalam Akta Kesatuan Sekerja. Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong penuh suatu Akta Berhubungan Perusahaan 1967. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Dahalan bin Embun.

4.23. ptg.

Tuan Dahalan bin Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyokong dan

seterusnya membahaskan secara ringkas Rang Undang-undang Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1988. Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berucap semalam lagi atas Rang Undang-undang **ini**, tetapi oleh sebab semalam saya ternampak saudara saya Senator C. Krishnan sudah bangun dulu, oleh sebab saya fikir beliau lebih arif dalam hal trade union ini maka saya pun beri jalan kepada beliau. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah tumpangkan sedikit untuk memberi sedikit-sebanyak pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang wajar Rang Undang-undang ini dibawa pada ketika ini supaya apa yang dialami di negara-negara industrial yang maju tidak diimpot masuk ke negara kita. Adalah tidak boleh dinafikan bahawa trade union dan kepimpinanya di negara kita masih lagi berbau budaya luar, dari segi tuntutan mereka dengan menggunakan apa sahaja saluran sama ada politik ataupun pertubuhan sosial untuk mencapai matlamat mereka. Selain mengguna union sebagai pressure group, dengan **izin**, mereka menggunakan badan-badan politik, sosial dan apa jua badan sukarela untuk menekan Kerajaan dan majikan supaya tunduk kepada demand mereka itu yang sentiasanya tidak mengambil kepentingan kedudukan industri dan rakyat. Mereka menggunakan taktik sosial agak condong untuk mendapat apa yang disebut sebaik equality. Sering juga pertubuhan ini menjadi front atau alat untuk kepentingan badan-badan luar yang telah dibutikan tidak memberi faedah kepada negara, sebaliknya merbahaya kepada politik negara dan ekonomi negara.

Bila tuntutan begitu tinggi syarikat ataupun pihak majikan akan rugi dan Kerajaan pun tidak akan dapat cukai dan kemungkinan juga

pekerja-pekerja sendiri pun akan kehilangan kerja dan ini akan menambahkan pengangguran dan dengan tuntutan tinggi ini kadangkala sekiranya dipatuhi akan menyebabkan harga-harga barang yang meningkat dan ini akan menyebabkan pula inflasi. Maka dengan latar belakang ini, Tuan Yang di-Pertua, rasa saya Rang Undang-undang ini kena pada masanya di bawa ke Dewan ini untuk diluluskan agar kendalian kesatuan sekerja terkawal dan tidak memudaratkan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa mendengar bagaimana kegiatan trade union boleh menumbangkan Kerajaan jika tidak dikawal. Ini seringkali berlaku di Australia, Eropah dan USA hingga menyebabkan kemusnahan sistem ekonomi dan komunikasi dalam dan luar dan hampir melumpuhkan segala perjalanan Kerajaan. Ini masih lagi berlaku di Eropah. Dengan demikian, inginlah saya sekali lagi menegaskan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini, sebelum negara kita lumpuh oleh sebab kegiatan trade union.

Tuan Yang di-Pertua, seringkali berlaku mogok, ini disebabkan oleh tuntutan gaji. Jarang sekali disebutkan tuntutan mengenai working conditions, dengan izin. Apakah ini tidak penting? Dengan ini saya ingin sarankan supaya pihak kesatuan sekerja lebih pentingkan working conditions demi keselesaan dan keselamatan mereka dan agar pihak majikan menunaikan tanggungjawab sosial mereka, bukan hanya kepada pekerja-pekerja tetapi juga kepada rakyat umum. Pihak pengurusan mestilah tekankan kepentingan ini melalui industrial relations atau personnel-employer relations department, dengan izin, masing-masing supaya keseimbangan kepentingan antara gaji dan

working conditions, dengan izin, tercapai. Employer-employee relations, dengan izin, adalah penting supaya suasana persefahaman selalu ada dan bila sahaja ada collective bargaining, ini boleh dijalankan dengan jaya tanpa tindakan industrial seperti mogok.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak ada bukti trade union di bawah naungan parti-parti politik seperti Labour Party di United Kingdom, Singapura dan Australia. Sekiranya ada parti-parti politik hendak mengguna trade union sebagai alat mereka, saya berharap pihak-pihak trade union akan lebih pentingkan kebebasan mereka sendiri sebagai badan untuk kepentingan kaum-kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, ada slogan "workers of the world unite", dengan izin, saya harap slogan yang bercorak sosialis ini tidak akan menular masuk ke negara kita, di kalangan pekerja-pekerja sendiri. Saya tahu pemimpin-pemimpin trade union memanglah ada hubungan fraternity ini sehingga mereka sanggup menjual maruah dan kepentingan negara tanpa hirau kedudukan pekerja-pekerja sendiri yang mungkin menganggur selepas tindakan pemimpin-pemimpin mereka itu. Kadangkala mereka membuat tuntutan yang lebih tinggi dari apa yang sebenarnya diminta oleh pekerja-pekerja sendiri. Ini mungkin ada udang di sebalik batu.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang **ini**, objektifnya ingin saya tempuh sedikit mengenai perkara-perkara yang agak penting. Rang Undang-undang ini adalah wajar-untuk mengimbangkan kepentingan pekerja-pekerja dan majikan melalui saluran undang-undang di mana Kerajaan memainkan peranan sebagai moderator, dengan izin.

Ini mustahak demi kepentingan pekerja, majikan, rakyat umum dan Kerajaan supaya kedudukan masing-masing tidak terjejas dalam usaha pekerja-pekerja melalui Trade Union membuat apa-apa tuntutan. Dengan cara ini kesemua pihak akan dapat menikmati faedah bersama.

Tuan Yang di-Pertua, seperti disebut oleh Timbalan Menteri semalam, bukan semua pekerja menjadi ahli Trade Union. Seringkali mereka ini ketinggalan dan kerap kali dimangsakan oleh Trade Union sebagai menyebelahi pihak majikan. Maka sekiranya undang-undang yang sama digubal untuk kedua-dua golongan pekerja ini, memanglah wajar dan adil supaya kepentingan bersama dapat dinikmati sama ada ahli-ahli atau tidak. Ini termasuklah hal-hal berkaitan perjanjian bersama, hal gaji, hal rundingan damai dalam kes pembuangan kerja, hal-hal rayuan dan lain-lain tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai majikan-majikan yang tidak patuh kepada keputusan Mahkamah Perusahaan demi kepentingan pekerja, patutlah kiranya kes-kes itu dihantar ke Mahkamah Sivil untuk penentuan supaya enforceraent, dengan izin, dapat dilakukan terhadap majikan-majikan yang engkar dengan keputusan Mahkamah Perusahaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada hasrat Kerajaan untuk mengadakan hubungan harmoni di antara pekerja dan majikan, melalui Rang Undang-undang ini, demi kepentingan kestabilan ekonomi dan politik negara dan rakyat jelata, maka dengan sukacitanya sekali lagi saya sokong di atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby.

4.33 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh semalam.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh tentang pindaan tersebut, saya ingin melahirkan dukacita saya atas kelembapan dan kurang inisiatif Kementerian berkenaan untuk mendesak Jabatan Peguam Negara untuk menterjemahkan Akta Perhubungan. Perusahaan, 1967 yang masih termaktub dalam bahasa Inggeris yang mana menggambarkan seolah-olah kita ini masih berada dalam pemerintahan British. Jika Akta-akta ini dan Rang undang-undang yang ada di kesemua Kementerian sudah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia, maka suburlah bahasa kita itu iaitu Bahasa Malaysia dan dapat dipergunakan dalam semua mesyuarat-mesyuarat agung atau kesatuan ataupun pertubuhan dan di mana sahaja dalam ertikata yang sebenarnya.

Di Mahkamah Perindustrian pula kerjasama semua pihak boleh ditekankan bagi mendorong atau bagi mendaulatkan penggunaan Bahasa Malaysia. Alasan-alasan yang cuba diadakan selama ini konon-aya mutu dan darjah perbicaraan akan menurun jika Bahasa Malaysia digunakan, adalah satu alasan yang bukan sahaja tipis tetapi hujah yang tidak dapat mampu dipertahankan. Kerap kali kita dengar Menteri-menteri dan Timbalan Menteri melahirkan kesungguhannya menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam semua urusan, lebih-lebih lagi dalam Mahkamah. Saya sedar ada kesulitan dalam terjemahan undang-undang

dan Akta-akta tersebut, tetapi perlulah bermula sedikit-sedikit dengan menggunakan perkataan-perkataan legal, dengan izin, 'coin words' misalannya, yang payah kalau digunakan dalam Bahasa Malaysia yang memberi makna yang sebenarnya. Cubalah kita lihat pindaan-pindaan ini di atasnya disebut "Naskhah Sahih Bahasa Inggeris" dan kita boleh lihat kandungannya, kecuali Huraianya sahajalah yang saya berasa puas hati membacanya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 bertujuan meminda Seksyen 12 Akta bagi melanjutkan masa menunggu dari 3 bulan kepada 6 bulan sebelum sesuatu kesatuan sekerja boleh dibenarkan mengemukakan satu tuntutan pengiktirafan baru setelah tuntutan pengiktirafan yang terdahulu ditolak - ada baik, ada buruknya, dengan izin, the pros and cons. Semua pekerja-pekerja yang mahu kesatuannya mendapat keputusan lebih awal dalam tempoh yang pendek, bukan berlarutan sehingga 6 bulan akan melahirkan perasaan bosan. dan tidak bersabar dan cuba pula cabar-mencabar ataupun menjalankan sesuatu aktiviti yang boleh memarahkan pegawai-pegawai kesatuan sekerja. Pegawai-pegawai kesatuan sekerja seringkali dicabar kerana mereka tidak berani membuat sesuatu, tidak dapat menghasilkan apa-apa yang diharapkan. Di sinilah pegawai-pegawai kesatuan sekerja pula melempar tohmahan dan kesalahan terhadap Kerajaan kononnya ada niat buruk terhadap sesuatu ikhtiar yang mereka menjalankan itu untuk pekerja-pekerja.

Kepada Kerajaan pula, masa panjang itu adalah lebih bermakna kerana pegawai-pegawai kesatuan, sekerja ini pandai putar-belit sesuatu tuntutan yang dibuatnya. Perkara tidak puashati sudah jadi lumrah hidup, memang keazaman ketua-ketua kesatuan sekerja. Itulah

hasrat perjuangannya, mesti dapat banyak, tidak boleh dapat kurang, mesti dapat banyak segala faedah yang dituntutnya mesti banyak, tidak mengira apa cara sekalipun.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, perlulah pengkajian lebih mendalam diberi agar tidak keterlaluan pula pihak kesatuan sekerja dalam usaha mereka dan mengemukakan sesuatu tuntutan pengiktirafan baru itu. Biarlah memakan masa lebih lama asalkan tidak pula dimasukkan dalam jerat mereka.

Saya ingin sentuh Fasal 8 bertujuan meminda Seksyen 20 supaya kesemua kes pembuangan-pembuangan kerja sama ada yang melibatkan pekerja yang ada adalah seorang anggota kesatuan sekerja atau sebaliknya hendaklah dikendalikan di bawah peruntukan itu. Pada lazimnya, pekerja-pekerja yang tidak menjadi ahli kesatuan-kesatuan sekerja kerana ada beberapa pemimpin dan kesatuan sekerja mereka" sentiasa bersikap negatif terhadap dasar-dasar Kerajaan dan menyokong parti-parti Pembangkang untuk menegak benang yang basah. Maka saya ingin syorkan agar pertimbangan yang sewajarnya diberi kepada pekerja-pekerja yang bukan ahli kesatuan sekerja yang dibuang kerja sama ada dengan notis atau tidak, jika mereka gagal membawa representasinya oleh kerana beberapa pengkhianatan atau sabotaj yang dijalankan oleh pihak kesatuan sekerja yang tidak mahu melihat mereka yang tidak menyertai kesatuan sekerja dapat pemeliharaan ataupun pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Fasal 10 bertujuan meminda Seksyen 22 untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Mahkamah Perusahaan memilih anggota-anggota Panelnya. Saya ingin

tahu apa kriteria pemilihan itu. Kalau boleh, harapan saya, janganlah memilih bekas pegawai atau jawatankuasa kesatuan sekerja untuk menduduki Panel tersebut. Memadailah dengan mereka seperti Pengarah-pengarah Perhubungan Perusahaan ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang sudah bersara.

Saya ingin, mengambil peluang ini untuk merayu kepada Kementerian Buruh agar dapat monitor, dengan izin, kilang perindustrian dan kilang elektronik atau dengan izin, labour-intensive factories, agar Kementerian itu mengikuti perkembangan pengurusan kilang-kilang ini supaya tidak berlaku kekecohan di mana pekerja-pekerjanya menjadi mangsa apabila tuannya kilang itu menggulung tikar dengan tanpa memberi notis atau, dengan izin, fly by night. Ini sudah berlaku di Pulau Pinang, kilang yang terkenal - ATLAS, dengan notis yang pendek telah memberhentikan pekerja-pekerjanya yang menimbulkan banyak masalah.

Oleh kerana beberapa perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan tadi, maka saya tidak ingin mengulangi kerana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi memang benar, mereka yang bankrap politik mewakili pekerja-pekerja dan mereka seperti saya kata dua hari lepas cuba menangkok di air keruh, ini terang, tetapi sudahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan, maka saya tidak ingin menyentuhnya lagi...

Tuan Yang di-Pertua: dengan ini saya memohon menyokong Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Kalau tidak ada, saya akan menjemput Yang Timbalan Menteri untuk memberi jawapan. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh.

4.42 ptg.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:
Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Pindaan Akta Perhubungan Perusahaan, iaitu Yang Berhormat Senator C. Krishnan, Yang Berhormat Senator Dahalan bin Haji Embun dan yang terakhir tadi Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada mengulas ataupun memberikan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator C. Krishnan membangkitkan masalah mengapa seseorang pekerja kehilangan hak kelepasan am bergaji, jika dia tidak hadir bekerja pada hari sebelum dan pada hari berikutan dengan kelepasan am berkenaan tanpa sebab dan alasan yang munasabah. Tuan Yang di-Pertua, pemerhatian dibuat di masa-masa yang lampau menunjukkan bahawa adalah menjadi amalan pekerja-pekerja tidak hadir bekerja pada hari sebelum dan hari berikutan dengan kelepasan am yang dibayar gaji penuh. Perkara seperti ini biasa dilakukan oleh pekerja-pekerja dengan sengaja untuk mengambil kesempatan bercuti panjang tanpa kebenaran daripada majikan. Ini menjejaskan produktiviti dan merugikan pihak majikan. Peruntukan ini diwujudkan dalam Akta Kerja 1955 adalah satu peruntukan yang baik, yang bertujuan untuk mengawal disiplin pekerja-pekerja.

Berkenaan dengan perkara atau peristiwa di mana yang berlaku di Slim River, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator C. Krishnan tadi, peristiwa ini pada pandangan kita adalah tidak sepatutnya berlaku sekiranya kedua-dua pihak iaitu majikan dan kesatuan ataupun pekerja yang terlibat berbincang dan berunding. Sepatutnya masalah-masalah seperti ini boleh diselesaikan dengan secara aman melalui perundingan antara kesatuan yang mewakili pekerja-pekerjanya dan majikan.

Kesatuan di sini yang terlibat ialah NUPW, sepatutnya mengambil peranan yang lebih besar lagi dalam menyelesaikan masalah yang seumpama ini untuk mewujudkan satu perhubungan perusahaan yang harmoni di antara kedua-dua belah pihak dan jika mereka memerlukan khidmat daripada Kementerian Buruh bolehlah membawa perkara itu

kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan ataupun Jabatan Buruh untuk diselesaikan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator C. Krishnan juga sekali lagi membangkitkan masalah tentang sebab-sebab kenapa belia dan beliawanis enggan bekerja di ladang-ladang.

Saya juga meneliti dan menonton TV pada malam tadi, Tuan Yang di-Pertua, daripada situ jelas di antara sebab sebab tergambar dan terpancar di dalam jawapan kanak-kanak iaitu bakal belia-belia dan beliawanis-beliawanis ini bila ditanya apakah cita-cita ataupun pekerjaan yang mereka inginkan bila mereka dewasa nanti. Kebanyakan menjadi mahu menjadi doktor, ada yang hendak jadi peguam, hendak menjadi macam-macam, seorang pun daripada mereka tidak ada menjawab hendak menjadi penoreh getah ataupun bekerja di ladang itu. Itu adalah temuduga yang dibuat pada anak-anak pekerja ladang dan ibu bapanya, sendiri pun bila ditemuduga menyatakan hasrat, mereka tidak mahu anak mereka kembali bekerja di ladang, mereka mahu anak-anak mereka ini mendapat peningkatan.

Tujuan saya membangkitkan perkara **ini**, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk menggambarkan kepada Dewan ini bahawa soal kekurangan buruh di ladang atau keengganan belia-belia dan beliawanis-beliawanis bekerja di ladang-ladang ini adalah satu masalah yang besar pada negara kita dan dia bukanlah sahaja disebabkan kurangnya kemudahan asas di ladang-ladang itu, pendek kata sebagai kesimpulan perkara ini, banyak sebab mengapa berlaku kekurangan pekerja di sektor perladangan. Di antaranya ialah:

- (i) mungkin tawaran gaji dan faedah tidak begitu menarik;
- (ii) kekurangan kemudahan asas; dan

- (iii) oleh kerana kemajuan peningkatan taraf pelajaran warganegara kita menyebabkan ramai rakyat kita yang terpelajar dan tentulah mereka tidak berminat bekerja di ladang dan kalau boleh untuk mendapat pekerjaan di sektor yang lain, dan beberapa sebab yang lain lagi.

Jadi oleh sebab itu masalah ini penyelesaiannya haruslah kita cari berdasarkan kepada sebab-sebab yang saya sebutkan tadi iaitu satu program yang besar juga harus dirancang untuk memperbaiki keadaan ini.

[Timbalan Yaag di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah boleh kita menyalahkan tentang kemudahan asas sahaja dan banyak perkara-perkara lain juga perlu dibaiki. Kementerian Buruh sentiasa mengadakan langkah-langkah yang penting ataupun yang mustahak yang dilakukan demi untuk mengatasi masalah ini seperti yang pernah saya telah jelaskan dalam Dewan ini sama ada melalui soalan-soalan Dewan Negara ataupun semasa saya menggulung pindaan Akta Kesatuan Sekerja baru-baru ini. Saya tidak bercadang untuk mengulang balik fakta-fakta yang telah saya terangkan pada Dewan ini.

Yang Berhormat Senator C. Krishnan juga telah membangkitkan masalah Fasal 20, iaitu tentang memberi kuasa kepada Menteri Buruh mengisytiharkan mana-mana industri sebagai perkhidmatan penting. Menurut pendapat Yang Berhormat Tuan C. Krishnan kuasa ini sepatutnya diberikan kepada satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Buruh dan selepas itu ahli-ahli yang lainnya menyertai Jawatankuasa ini untuk membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Akta ini mengikut Fasal 20 ini kita telah diperuntukkan bahawa kuasa untuk mengisytiharkan mana-mana industri sebagai perkhidmatan penting ini adalah diberikan kepada Menteri Buruh.

Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan di Dewan ini, bukanlah bermakna bila kita memasukkan fasal ini dan seterusnya Menteri Buruh boleh mengisytiharkan mana-mana industri sebagai perkhidmatan penting tidak bermakna kesatuan-kesatuan dalam industri itu tidak boleh mogok. Jadi saya ingin jelaskan. Kesatuan-kesatuan dalam perkhidmatan penting dibenarkan mogok, tetapi diperlukan memberi notis kepada majikan sekurang-kurangnya 21 hari. Jadi, saya menjelaskan perkara ini adalah kerana terdapat pihak-pihak tertentu membesar-besarkan perkara seolah-olah dengan memasukkan fasal ini kesatuan sekerja yang termasuk dalam industri perkhidmatan penting ini tidak boleh mogok lagi. Jadi ini pandangan yang tidak betul dan saya ingin menjelaskan kepada Dewan, sebenarnya seperti yang saya sebut, walaupun perkhidmatan penting itu diisytiharkan kesatuan-kesatuan masih lagi boleh mogok, iaitu dengan memberi notis kepada majikan sekurang-kurangnya 21 hari.

Saya juga telah memberi jaminan dalam ucapan saya itu bahawa peruntukan ini tidak akan digunakan dengan sewenang-wenangnya oleh Kerajaan atau khususnya Menteri Buruh tetapi setelah benar-benar memerlukan demi untuk kepentingan negara untuk menyelamatkan ekonomi negara dan secara umumnya untuk menyelamatkan kepentingan negara barulah kita menggunakan peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua. Itu

sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator C. Krishnan.

Yang Berhormat Senator Dahalan pula dalam ucapannya tadi menyentuh beberapa perkara dan di antara yang terpenting, Yang Berhormat menyentuh berkenaan dengan masalah perhubungan perusahaan iaitu supaya masalah percanggahan di antara pekerja dengan majikan ini tidak akan menyebabkan berlakunya ataupun melumpuhkan ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan dalam Akta seperti yang saya baca sewaktu membentangkan Akta **ini**, tujuan ataupun objektif utama Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ialah untuk mewujudkan dan mengekalkan perhubungan yang harmoni di antara pekerja-pekerja yang diwakili oleh kasatuan sekerja dan majikan.

Memanglah benar seperti pendapat Yang Berhormat Senator Dahalan pergerakan-pergerakan kesatuan-kesatuan sekerja di luar-luar negeri kadang-kadang menyebabkan berlakunya huru hara dalam negeri itu seperti sejarah yang dapat kita lihat. Walau bagaimanapun, sukaiah saya memberikan jaminan kepada Dewan **ini**, Kementerian Buruh melalui Akta-akta yang ada di bawah Kementerian kita sentiasa menjaga supaya kesatuan-kesatuan sekerja yang ada di dalam negara kita berfungsi sebenar-benarnya mengikut matlamat-matlamat yang telah ditetapkan dan tidak lari daripada matlamat **itu**. Pendaftar Kesatuan Sekerja yang selepas ini kita akan panggil Ketua Pengarah akan memastikan kesatuan-kesatuan sekerja ini tidak digunakan sebagai badan-badan politik ataupun apa Yang Berhormat sebut tadi, kumpulan pendesak yang akan digunakan oleh pemimpin-pemimpinnya untuk mencapai cita-cita peribadi mereka. Ini kita akan pastikan perkara itu supaya kepentingan negara akan dapat kita pelihara.

Berkenaan dengan pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan, seperti Yang Berhormat sebut tadi, mereka ini dilindungi oleh Akta Kerja yang sebentar lagi akan kita bahaskan, walaupun mereka tidak berkesatuan tetapi Akta Kerja melindungi mereka dari segi hak dan sebagainya.

Berkenaan, dengan ketidakpatuhan keputusan mahkamah, dalam pindaan Akta ini kita telah bawa supaya menjelaskan lagi dan membuat peruntukan supaya Mahkamah Perusahaan dapat menyelesaikan masalah ini, tidak seperti yang sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Senator Haji Hamid Araby bin Md. Salih. Yang Berhormat ini berpengalaman berkenaan dengan kesatuan sekerja ini 20 tahun lebih, sebab itu Yang Berhormat Senator Haji Hamid ini bercakap begitu lancar dalam soal Akta Perhubungan, Perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menyentuh Fasal 4 iaitu memanjangkan masa menunggu dari 3 bulan ke 6 bulan. Yang Berhormat berpendapat ada baik ada buruknya, tetapi suka saya menjelaskan kepada Dewan memanjangkan masa menunggu dari 3 bulan ke 6 bulan bagi kesatuan mengemukakan semula tuntutan pengiktirafan setelah tuntutan yang terdahulu gagal. Peruntukan ini diadakan kerana kita merasakan tempoh menunggu sekarang ini iaitu 3 bulan adalah terlalu pendek dan menimbulkan terlalu banyak masalah pentadbiran kepada pihak-pihak yang terlibat iaitu majikan, kesatuan sekerja dan juga agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Proses pengiktirafan lazimnya mengambil

masa lebih kurang 6 bulan dan melibatkan penyediaan dan penyemakan berbagai-bagai dokumen dari pihak-pihak berkenaan. Apabila selesai proses pengiktirafan ini dan sekiranya keputusan tuntutan itu berkesudahan dengan kesatuan gagal memperolehi pengiktirafan maka adalah dirasai tidak munasabah dimulakan semula proses itu dalam tempoh yang begitu singkat. Adalah difikirkan tempoh yang lebih panjang sangat perlu dan munasabah kepada semua pihak. Dalam hal ini tempoh 6 bulan yang dicadangkan dalam pindaan ini sebenarnya telah dipersetujui secara kompromi oleh pihak majikan dan pekerja. Cadangan asal Kerajaan sebenarnya ialah memohon tempoh 9 bulan. Tetapi kita telah memajukan dalam Akta ini hanya 6 bulan kerana sebab-sebab seperti yang saya sebut sebentar tadi.

Yang Berhormat Senator Haji Hamid Araby juga menyentuh soalan mengenai teks Bahasa Malaysia Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan, undang-undang yang dibuat sebelum September 1967 sememangnya tidak mempunyai teks Bahasa Malaysia. Ini termasuklah Akta Perhubungan Perusahaan. Difahamkan Jabatan Pegaam Negara sedang mengambil tindakan untuk menterjemah semua undang-undang yang dibuat sebelum September, 1967. Kalau perkara itu telah dilakukan maka masalah yang telah dibawa oleh Yang Berhormat tadi tentulah akan terjawab nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya dalam menjawab ulasan-ulasan Ahli Yang Berhormat, satu lagi perkara yang saya hendak menjelaskan yang saya terlupa hendak menjelaskan tadi, ialah perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dahalan iaitu tentang kesatuan-kesatuan ini cuma menuntut gaji sahaja dan bukan working conditions. Jadi, sebenarnya ada juga

betulnya apa Yang Berhormat sebutkan. Tetapi tuntutan kesatuan bagi kenaikan gaji akan melibatkan juga syarat-syarat pekerjaan. Tuntutan tersebut apabila dipersetujui oleh kedua-dua pihak, dia akan menjadi satu perjanjian bersama yang kemudiannya dihantar ke Mahkamah Perusahaan untuk pengiktirafan. Pada masa ini bilangan perjanjian bersama yang telah diiktiraf oleh Mahkamah Perusahaan ialah 1,327 dan melibatkan 587,538 pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya terdapat apa-apa perkara yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang tidak sempat saya jawab, perkara-perkara tersebut telah saya catatkan dan kita akan berikan perhatian di atas perkara-perkara yang telah dibawa.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu sekian sahajalah jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan .

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.03 ptg.**

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kerja 1955 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kerja 1955 merupakan undang-undang asas mengenai syarat-syarat pekerjaan yang menetapkan faedah-faedah minima untuk para pekerja, khususnya mereka yang tidak diwakili oleh kesatuan sekerja menikmati di bawah kontrak pekerjaan mereka. Akta ini berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja kerana negeri-negeri Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang mereka sendiri.

Tujuan pindaan dicadangkan pada Akta Kerja 1955 kali ini ialah untuk menyesuaikan kadar-kadar faedah yang terdapat dalam Akta tersebut dengan keadaan semasa di samping membetulkan beberapa anomali yang terdapat pada undang-undang itu.

Sekarang izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan penting yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang.

Yang pertama Fasal 24, Fasal ini mencadangkan pindaan pada bidang liputan Akta ini. Pada masa ini Akta tersebut meliputi semua pekerja manual labour, dengan izin, tanpa had gaji tetapi perlindungan bagi pekerja non-manual labour, dengan izin, adalah terhad kepada mereka yang bergaji \$1,000 sebulan dan ke bawah sahaja. Selaras dengan kemajuan ekonomi negara, pindaan di bawah Fasal 24 adalah bertujuan untuk meninggikan had maksima \$1,000 itu kepada \$1,250.

Seterusnya Fasal 2 mencadangkan pindaan kepada definisi gaji atau "wages", dengan izin. Definisi gaji yang sedia ada seringkali menimbulkan kontroversi dan pertikaian. Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menyatakan dengan jelas makna gaji iaitu gaji adalah terdiri dari pokok dan lain-lain bayaran tunai yang dibayar kepada pekerja bagi pekerjaan yang dibuat di bawah kontrak pekerjaannya. Di samping itu, mengikut definisi gaji yang sedia ada hanya bonus tahunan di luar kontrak dikeluarkan dari liputan pengertian gaji. Adalah dicadangkan supaya semua jenis bonus tahunan sama ada di luar kontrak atau di dalam kontrak dikeluarkan dari gaji. Ini difikirkan wajar kerana bonus tahunan merupakan pembahagian hasil keuntungan syarikat daripada majikan kepada pekerja yang tidak seharusnya disifatkan sebagai gaji. Pindaan untuk mengeluarkan bonus tahunan dari gaji adalah juga bertujuan untuk membetulkan satu anomali yang telah mewujudkan satu keadaan yang kurang logik. Jika bonus tahunan dikira sebagai gaji maka kadar gaji biasa seseorang pekerja pada hari ia tidak bekerja, misalnya pada hari ia bercuti sakit didapati lebih tinggi daripada hari-hari ia bekerja.

Di bawah Fasal 5 dicadangkan pindaan untuk membolehkan majikan yang menjual saham atau barangan syarikat kepada pekerja-pekerjanya mendapat bayaran balik harga saham atau barangan itu melalui potongan gaji pekerja-pekerja berkenaan.

Fasal 10 mencadangkan pindaan kepada seksyen 60(3) Akta Kerja 1955 untuk mengurangkan kadar bayaran kerja lebih masa yang dilakukan pada hari-hari cuti mingguan. Pengurangan yang dicadangkan ialah dari 3 kali ganda kepada 2 kali ganda kadar gaji biasa sejam.

Fasal 13 pula mencadangkan pindaan kepada seksyen 60D untuk mengurangkan kadar bayaran kerja lebih masa yang dilakukan pada hari-hari kelepasan am dari $4\frac{1}{2}$ kali ganda kepada 3 kali ganda kadar gaji biasa sejam.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 14 untuk memberi kelonggaran kepada majikan untuk mengambil tindakan tatatertib yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja mereka. Peruntukan yang ada sekarang hanya dibenarkan majikan mengenakan 3 jenis hukuman sahaja iaitu pembuangan kerja, penggantungan kerja dan penurunan gred atau pangkat.

Fasal 11 mencadangkan kepada seksyen 60A untuk melonggarkan sekatan-sekatan mengenai waktu kerja. Mengikut peruntukan yang ada sekarang, waktu kerja adalah tertakluk kepada 3 sekatan yang ketat iaitu:

- (a) seseorang pekerja tidak boleh dikehendaki bekerja 5 jam terus-menerus tanpa diberi masa rehat sekurang-kurangnya 30 minit;
- (b) seseorang pekerja tidak boleh dikehendaki bekerja lebih dari 8 jam sehari; dan
- (c) seseorang pekerja tidak boleh dikehendaki bekerja melebihi tempoh spread over period, dengan izin, 10 jam dalam sehari. Walaupun sekatan-sekatan tersebut perlu untuk melindungi kepentingan para pekerja, namun demikian ia berkuatkuasa dengan syarat yang ketat sehingga ia boleh menjejaskan rancangan majikan untuk menyusun sistem dan jadual kerja yang bersesuaian dengan jadual pengeluaran.

Untuk mengatasi masalah ini adalah dicadangkan supaya Ketua Pengarah Buruh diberi kuasa untuk memberi pengecualian kepada majikan-majikan tertentu yang benar-benar tidak dapat mematuhi sekatan-sekatan tersebut disebabkan oleh keadaan atau keperluan operasi syarikat-syarikat mereka.

Fasal 14, mencadangkan suatu peruntukan baru untuk membolehkan majikan membayar gaji sebagai ganjaran bagi cuti tahunan yang tidak habis diambil oleh pekerja.

Fasal 2, mencadangkan pindaan kepada definisi "hari". Selain daripada pekerja-pekerja shift terdapat beberapa golongan pekerja yang waktu bekerja biasanya merangkumi waktu tengah malam dan selepasnya. Contohnya ialah Pengawal Keselamatan yang bekerja dari jam 10 malam hingga jam 6 pagi. Mengikut definisi "hari" sekarang, Pengawal Keselamatan tersebut dianggap bekerja pada dua hari sedangkan sebenarnya dia hanya membuat kerja biasanya selama 8 jam. Untuk membetulkan anomali ini, adalah dicadangkan supaya pekerja-pekerja yang bukan bekerja shift yang waktu bekerja biasanya meliputi waktu tengah malam diletakkan dalam golongan yang sama dengan pekerja shift yang definisi "hari" bagi mereka ialah satu jangka masa 24 jam berterusan yang bermula pada bila-bila masa dan bukan seperti sekarang di mana definisi "hari" bagi mereka ialah satu jangka masa 24 jam berterusan yang bermula pada tengah malam.

Seterusnya saya akan menyentuh pindaan di bawah Fasal 7. Di bawah peruntukan undang-undang sekarang keutamaan gaji dari lain-lain hutang yang boleh dituntut bagi mendapatkan gaji pekerja di dalam keadaan di mana harta di tempat pekerjaan akan dijual melalui perintah mahkamah di atas permintaan pemiutang dihadkan kepada dua bulan gaji. Pindaan ini mencadangkan supaya quantum tersebut ditambah jadi 4 bulan gaji selaras dengan peruntukkan di bawah

Akta Syarikat 1965.

Fasal 16 mencadangkan pindaan kepada, cara-cara pengiraan kadar gaji biasa bagi pekerja-pekerja yang bergaji harian dan yang bergaji piece rated, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini pengiraan kadar gaji biasa bagi pekerja bergaji harian dan pekerja bergaji piece rated adalah berasaskan kepada gaji purata bagi tempoh 14 hari kebelakangan. Cara pengiraan sedemikian amatlah rumit dan menyusahkan. Cara baru yang dicadangkan ialah dengan berasaskan kepada jumlah gaji bagi tempoh gaji sebelumnya. Cara yang sedemikian lebih mudah dilakukan oleh majikan dan juga lebih mudah difahami oleh pekerja.

Fasal 19 mencadangkan pindaan kepada Seksyen 69(1) untuk menyatakan dengan jelas bidang kuasa Ketua Pengarah Buruh bagi membicarakan pertikaian di antara seorang pekerja dengan majikannya mengenai gaji dan lain-lain bayaran tunai yang patut dibayar pada pekerja itu seperti berikut:-

- (1) mana-mana syarat perkhidmatan yang telah dipersetujui di antara pekerja dengan majikan berkenaan;
- (2) mana-mana peruntukan Akta Kerja 1955 atau mana-mana peraturan perintah atau undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta tersebut;
- (3) mana-mana peruntukan Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 atau mana-mana perintah yang dibuat di bawahnya.

Adalah dicadangkan juga di bawah Fasal 19 supaya Seksyen 69(3) dipinda untuk menjelaskan kuasa Ketua Pengarah Buruh bagi membicarakan aduan-aduan pekerja yang berbangkit dari tindakan

tatatertib oleh majikan di bawah Seksyen 14(1) yang melibatkan:-

- (1) pemecatan tanpa notis;
- (2) penurunan gred; dan
- (3) pengenaan hukuman yang lebih ringan.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin];

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan C.Krishnan.

5.15 ptg

Tuan C.Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian membahaskan Suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional bersungguh-sungguh menjaga kebajikan rakyat, dengan pindaan-pindaan ini Kerajaan sentiasa menitikberatkan kebajikan rakyat khususnya pekerja-pekerja.

Daripada Seksyen 34 yang dikatakan pekerja-pekerja perempuan, di mana dalam Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "no female employee shall work" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "no employer shall require any female employee to work". Ini bermakna untuk menjaga pekerja-pekerja perempuan tidak perlu mereka kerja shift sebelah malamnya. Ini adalah satu pindaan yang perlu diberi pujian demi menjaga kebajikan kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh beri pandangan kepada saya sekiranya di dalam keadaan banjir seseorang tidak dapat hadir bekerja adakah mereka dianggap sebagai cuti sakit ataupun tidak hadir? Mungkin ini akan berlaku di masa-masa akan datang. Oleh sebab itu, ini adalah satu perkara yang di luar kuasa mereka bukan sahaja banjir mungkin sesuatu keadaan luar kekuasaan mereka menyebabkan mereka tidak dapat hadir. Ini tidak boleh majikan anggap sebagai absent from the work, dengan izin. Pada hal dari segi peri kemanusiaan mereka perlu dapat kelelasan di atas keadaan yang di luar kekuasaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 60D subseksyen (1B) cuti am gantian yang jatuh dalam tempoh cuti bersalin pekerja perempuan akan dimansuhkan. Pada masa sekarang cuti am yang jatuh dalam tempoh tersebut digantikan dengan hari yang lain. Pindaan ini bertujuan untuk tidak menggantikan sebarang cuti am yang jatuh dalam tempoh 60 hari, bercuti kerana dirasakan, tempoh cuti bersalin yang sedia ada sudah memadai.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham apa sebab kita perlu pinda satu kemudahan yang mereka sudah ada di mana pada masa dulu mereka menikmati 60 hari cuti, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya ada cuti am jatuh pada tempoh tersebut mereka dapat penggantian. Apa sebab kita perlu pinda di mana, mereka akan kerugian cuti itu. Saya harap Timbalan Menteri Buruh dapat memberi penjelasan berhubung dengan Seksyen 60D (1B).

Pada keseluruhannya pindaan-pindaan, dalam Akta Kerja ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengalu-alukan kerana ini adalah perlu pada masa sekarang dan ini akan meningkatkan kepercayaan golongan pekerja terhadap Kerajaan. Seperti yang saya katakan dahulu undang-undang buruh tidak boleh statis, ini perlu ada perubahan dari masa ke semasa selaras dengan kehendak dari suasana sosio-ekonomi.

Bagi tujuan ini pindaan-pindaan telahpun dibentangkan. Kita mengalu-alukan pindaan-pindaan seperti ini di mana pekerja-pekerja boleh menganggap bahawa mereka telah secured, dengan izin, dan pengeluaran akan bertambah di mana kedua-dua pihak - majikan dan pekerja akan berada dalam satu suasana yang baik supaya matlamat kita untuk menjadikan satu golongan yang berpuas hati demi kebaikan negara boleh dicapai.

Dengan kata-kata **ini**, saya mohon menyokong penuh Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta. Kerja 1955. Sekian, terima kasih.

5.22 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955.

Berdasarkan perkembangan ekonomi yang semakin pulih dewasa ini, terdapatnya usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat. Ini dapat dilihat daripada perkembangan struktur gunatenaga pekerja dari tahun ke setahun. Umpamanya, kadar peningkatan gunatenaga kerja didapati bertambah sebanyak 2.9% dari 5.92 juta dalam tahun 1985 kepada 6.09 juta dalam tahun 1986. Dari segi peluang pekerjaan, didapati pertambahan yang sedikit sebanyak

iaitu 1.8% dari 5,468.5 dalam tahun 1985 kepada 5,568.1 dalam tahun 1986. Dalam pada itu pekerja-pekerja yang diberhentikan perkhidmatan mereka juga semakin meningkat. Kadar pengangguran bertambah dari 7.62 dalam tahun 1985 kepada 8.5% dalam tahun 1986. Manakala jumlah pekerja yang diberhentikan adalah seramai 20.212 berakhir pada 31hb Disember, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hakikat bahawa pekerja-pekerja ini tertakluk kepada Akta Kerja 1955 jelas dengan adanya pindaan-pindaan dari masa ke semasa bertujuan untuk menjaga kebajikan pekerja mahupun majikan. Akta Kerja 1955 ini adalah merupakan principal legislation, dengan izin, di negara ini yang mana syarat-syarat minimum pekerjaan yang berhubung dengan pekerja-pekerja yang terletak dalam sektor swasta. Akta ini merangkumi semua manual workers tidak kira berapa pendapat-an mereka.

Di bawah pindaan-pindaan yang dicadangkan terdapat beberapa aspek yang ditekankan dalam memberi keadilan kepada semua pihak. Di antara pindaan-pindaan yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada asalnya melibatkan tiga prinsip asas yang dihasratkan seperti pindaan-pindaan yang akan membawa kesan dalam meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos buruh. Pindaan-pindaan yang bertujuan untuk menghapuskan kesamaran dan menjelaskan maksud peruntukan-peruntukan tertentu dan melonggarkah peruntukan-peruntukan yang bercorak ketat. Pindaan-pindaan yang bertujuan untuk memperbaiki pentadbiran dan penguatkuasaan Undang-undang Buruh.

Melihat kepada pindaan ini saya ingin mengulas beberapa aspek pindaan yang melibatkan para pekerja dan majikan secara keseluruhannya. Menurut peruntukan yang diberikan di bawah seksyen berkenaan, "gaji" atau "wages" diistilahkan sebagai "segala bayaran yang diberikan kepada pekerja untuk perkhidmatannya" Pengertian ini didapati kurang jelas sehinggakan berlaku pertikaian dan ketidakpuasan hati dari pihak pekerja dan majikan khususnya sejak pindaan 1980 diperkenalkan. Di dalam kes Asia Motors, Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa gaji di bawah Akta ini bermaksud gaji pokok. Pengertian ini telah didapati kurang jelas. Oleh itu cadangan meminda definisi gaji adalah perlu di mana pengertian gaji adalah terdiri dari gaji pokok dan lain-lain bayaran tunai yang dibayar kepada pekerja bagi pekerjaan yang dibuat di bawah kontrak pekerjaannya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bertujuan untuk mengatasi segala perselisihan faham di antara semua pihak berikutan dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agung. Di samping itu mengikut definisi gaji yang sedia ada, hanya bonos tahunan di luar kontrak dikecualikan dari pengertian gaji itu sendiri.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bonos tahunan adalah pembahagian hasil keuntungan syarikat kepada pekerja. Bonos tahunan yang terkandung di dalam perjanjian perkhidmatan adalah wajib dibayar kepada setiap pekerja tidak kira sama ada pekerja tersebut telah atau sedang bercuti, sama ada cuti sakit, cuti bersalin atau sebagainya. Melalui peruntukan ini seolah-olah sudah mewujudkan satu situasi di mana seorang pekerja yang bercuti

menerima gaji lebih tinggi, dari hari dia bekerja. Anomali ini menggalakkan pekerja-pekerja untuk menyalahgunakan cuti sakitnya semata-mata untuk mendapat bayaran gaji yang lebih. Melalui pindaan yang dicadangkan, segala bayaran bonos sama ada 'contractual' ataupun 'non-contractual' akan dikecualikan dari definisi gaji.

Sesungguhnya pindaan ini akan menghindar pekerja-pekerja dari berpura-pura sakit atau malingering, dengan izin, untuk mendapatkan bayaran yang lebih. Ia membawa kepada kesan negatif yang lain pula. Insentif bonos adalah satu kaedah menggalakkan pekerja-pekerja supaya meningkatkan mutu produktiviti. Kadar bayaran untuk kerja lebih masa atau overtime, dengan izin, bergantung kepada jumlah bayaran gaji yang diterima oleh pekerja dengan mengeluarkan bayaran bonos dari definisi gaji, bayaran untuk kerja lebih masa akan berkurangan.

Pengurangan kadar bayaran untuk kerja lebih masa akan melemahkan semangat pekerja-pekerja untuk bekerja lebih masa, akibatnya kerja-kerja mereka akan tertangguh dan berbagai masalah atau urusan tidak akan dapat diselesaikan secepat mungkin. Ini membawa kesan yang buruk kepada perkembangan ekonomi negara dan seterusnya membantutkan usaha Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai bayaran perkhidmatan (service charge). Walaupun tidak ada cadangan pindaan yang khusus mengenainya, izinkan saya untuk menyentuh mengenainya kerana pada tanggapan saya service charge inilah salah satu bayaran yang memainkan peranan penting dalam ekonomi negara terutama dalam perhotelan. Selain dari menerima gaji pokok, pekerja-pekerja hotel juga mendapat 10% dari service charge yang diterima dari pelanggan-pelanggan hotel. Sungguhpun tidak ada peruntukan khas mengenai service charge di bawah Akta Kerja 1955 Mahkamah Perusahaan telah memutuskan bahawa service charge adalah termasuk ke dalam definasi gaji. Akibat dari keputusan ini hotel-hotel terpaksa membayar bayaran untuk kerja lebih masa berdasarkan gaji pokok dan juga service charge. Berdasarkan kaedah ini hotel-hotel terpaksa membayar jumlah yang lebih besar kepada pekerja-pekerja mereka untuk kerja lebih masa. Ini menjadikan industri perhotelan negara kita tidak competitive kerana terpaksa menanggung kos buruh yang tinggi dan hasrat Kerajaan untuk menarik tumpuan pelancong ke negara ini juga akan terjejas.

Justeru itulah saya mencadangkan supaya diadakan satu peruntukan khusus untuk mengecualikan service charge dari definasi gaji. Perjanjian perkhidmatan antara pihak hotel dan pekerja-pekerja

mereka sepatutnya cuma meliputi bayaran gaji pokok dan lain-lain bayaran contractual. Service charge yang diterima dari pelanggan-pelanggan hotel adalah tiada kena-mengena dengan perjanjian bersama (collective agreement). Kutipan yang diterima dari service charge datangnya dari pihak ketiga yang tidak ada kaitan dengan perjanjian perkhidmatan para pekerja berkenaan. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya service charge dan gaji pokok hendaklah diasingkan dalam perkiraan kadar bayaran untuk kerja lebih masa. Rasional di sebaliknya cadangan ini ialah supaya ia dapat dijadikan sebagai faktor penggalak kepada industri perhotelan dan seterusnya memajukan sektor pelancongan.

Selain dari itu, apa yang telah saya sebutkan sebentar tadi, saya juga ingin menyentuh mengenai bayaran insentif produktiviti kepada pekerja-pekerja yang produktif. Kerajaan telah mencadangkan supaya bayaran berkenaan dikecualikan dari definasi gaji, malangnya cadangan tersebut terpaksa digugurkan setelah mendapat bantahan dari Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC). Kesan yang timbul dari ini ialah kenaikan dalam kadar bayaran untuk kerja lebih masa. Pada hemat saya bayaran insentif produktiviti haruslah dikecualikan dari definasi gaji dengan alasan bahawa gaji pokok dan lain-lain bayaran contractual adalah independent dari bayaran insentif produktiviti yang lebih berbentuk non-contractual. Jika bayaran insentif produktiviti ini dikecualikan dari definasi gaji, kadar bayaran kerja lebih masa akan berkurangan dan ini akan menjimatkan kos pengeluaran. Di samping itu, para majikan juga akan mendapat galakan supaya memperkenalkan skim bayaran ini untuk meningkatkan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh dengan se-berapa ringkas yang boleh tentang peruntukan bagi pindaan ke atas kadar kerja lebih masa. Peruntukan bagi perkara berkenaan adalah termaktub di bawah seksyen 60(2)(c) dan 60D(3)(aa). Pada tahun 1980 apabila pindaan dibuat ke atas kadar bayaran lebih masa, para majikan telah terpaksa mengikuti kadar yang diberi di bawah Akta yang telah dipinda itu dalam menandatangani perjanjian bersama (collective agreement) antara pihak majikan dan pekerja, akan tetapi setelah lebih kurang 8 tahun, setelah pelaksanaan didapati bahawa kadar bayaran lebih masa adalah terlalu tinggi dibandingkan dengan negara-negara jiran dan merupakan satu yang negatif dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan. Oleh itu pindaan adalah dicadang yang bertujuan untuk menurunkan kadar bayaran lebih masa dari 3 kali ke 2 kali kadar gaji sejam pada kerja yang dilakukan pada hari rehat mingguan dan dari 4.5 kali kepada 3 kali pada hari cuti am. Bagaimanapun, keberkesanan pindaan ini adalah kurang jelas serta diragui. Ini adalah kerana memandangkan wujudnya perjanjian bersama yang masih berkuatkuasa antara pihak majikan dan pekerja.

Pindaan yang dicadangkan ke atas kadar bayaran lebih masa ini tidak akan membawa apa-apa kesan ke atas perjanjian bersama yang sedia wujud dan masih berkuatkuasa di waktu ini. Justeru itu, adalah dicadangkan supaya dibuat peruntukan dalam pindaan Rang Undang-undang ini bagi membolehkan majikan yang masih tertakluk kepada perjanjian bersama sebelum pindaan ini mengurangkan kadar bayaran kerja lebih masa selaras dengan kadar yang dicadangkan dalam pindaan. Akta Kerja ini supaya matlamat pindaan itu tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang kita bahaskan hari ini apabila dikuatkuasakan kelak diharap akan memperbaiki dan mengukuhkan lagi hubungan perusahaan yang harmoni dan aman damai antara pekerja dan majikan. Di dalam proses peningkatan produktiviti hubungan majikan dengan pekerja haruslah baik, bersih dan sihat. Hubungan yang baik ini akan menjadikan pengaliran komunikasi lebih licin. Oleh itu, jika terdapat sebarang masalah di dalam syarikat ia akan dapat diselesaikan dengan lebih baik tanpa campurtangan dari pihak luar. Di samping itu, melalui pindaan ini juga saya harap agar kos pengeluaran dapat dikurangkan supaya barangan keluaran negara mampu untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Peningkatan kos pengeluaran yang tidak munasabah akan menaikkan harga barangan keluaran negara dan ini akan mengakibatkan kejatuhan dalam permintaan luar negeri. Jika barangan kita tidak mampu bersaing di pasaran antarabangsa, terutama dari segi harga, akibat yang nyata ialah meningkatnya permintaan pada barangan import dan ini akan membawa kesan yang negatif kepada imbangan bayaran negara. Melalui pindaan ini juga saya berharap agar mutu produktiviti pekerja-pekerja berjaya dipertingkatkan lagi.

Menyedari bahawa faktor kemahusiaan adalah penting di dalam proses pengurusan produktiviti dan kawalan mutu yang menyeluruh adalah menjadi tanggungjawab setiap organisasi negara ini supaya memberikan latihan yang berterusan kepada para pekerja, ini penting kerana dalam diri para pekerja tersimpannya daya kerja optima bagi memastikan faktor kemanusiaan itu dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Saya akhiri perbincangan saya kali ini dengan mengulangi sokongan saya ke atas pindaan kepada Akta Kerja 1955. Saya juga mengharapkan supaya segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan sebentar tadi mendapat perhatian.

Sekian, saya sudahi dengan ucapan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput, Yang Berhormat.

5.38 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bersama-sama dengan rakan-rakan untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955.

Dalam huraian meminda Akta ini ada 22 Fasal. Saya suka menyentuh beberapa perkara, iaitu perkara pertama, Fasal 3 meminda bagi memperuntukkan bahawa apa-apa perlantikan, yang ini saya rasa sangat bijak sekali Kerajaan kita kerana berbuat demikian, kerana pertukaran ini juga bukan sahaja masalah pentadbiran tetapi juga masalah perbelanjaan dan juga kepada pegawai-pegawai yang ditukarkan itu kerana masalah-masalah pertukaran daripada satu negeri ke negeri lain atau ke tempat lain, ini memang membebankan dan kadangkala pertukaran-pertukaran dibuat masa pertengahan tahun.

Ini juga menyusahkan terutama kalau ada anak-anak yang bersekolah atau sebagainya. Dengan adanya perkara ini, saya rasa sudah mengurangkan keadaan yang demikian, juga kita dapat menjimatkan kewangan.

Berkaitan Fasal 5, iaitu potongan gaji daripada majikan supaya pekerja-pekerja membeli syer, itu boleh bayar melalui potong gaji. Ini saya rasa sungguh bernasib baiklah, kalau kita berbuat demikian, kerana kita selalu memperkatakan untuk meningkatkan nasib rakyat kita ke taraf yang tinggi. Dengan adanya sedemikian, saya rasa satu perkara yang baik. Saya mengucapkan tahniah di atas kebijaksanaan meminda Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkaitan dengan kerja lebih masa. Ini kurang menyenangkan saya rasa. Sebab dia bukan meninggikan tetapi merendahkan balik. Kalau dia selama hari ini dapat lebih tinggi, tetapi dengan adanya Akta ini dia akan mendapat pendapatan yang kurang. Saya rasa ini kalau boleh kita potong, tidak payah ada pindaan, biar ikut macam biasa, kerana bukan senang headak memikat hati pekerja-pekerja ini. Baik daripada Jabatan Kerajaan, begitu juga daripada syarikat-syarikat. Jadi, kalau biasa dia sudah terima macam itu, selepas ini dia dapat kurang, saya rasa kerja pun nanti bertambah kurang. Sedangkan kita buat macam itu pun dia buat kerja kurang, umpamanya, waktu kerja 8 jam dia tidak berapa buat kerja, tetapi bila masa overtime, dia buat kerja lebih. Ini faham-fahamlah, banyak perkara yang macam ini berlaku yang kita boleh nampak sendiri. Saya rasa yang ini mungkin pekerja-pekerja kita, rakyat-rakyat kita yang bertugas merasa kurang senang dengan

Akta ini, dengan sebab sedikit perkara ini nanti akan merosakkan perkara yang lebih baik yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan wanita. Ada tadi rakan-rakan saya menyatakan kalau bersalian 60 hari dapat cuti, saya rasa tidak. Yang 60 hari cuti ini orang yang bekerja dengan bank. Kalau pegawai-pegawai Kerajaan dapat 42 hari - itupun kadang-kadang tidak tentu. Selepas itu dia tidak boleh beranak lebih daripada 5 orang. Kalau 6 orang tidak ada cuti bergaji, cuti pun susah. Di satu masa Kerajaan kita hendak rakyatnya 70 juta, tetapi di satu masa yang lain tidak boleh lebih daripada 5 orang. Dia kalau boleh tidak hendaklah lebih daripada 5, gaji tidak ada, stop setakat itu. Tidak ada kejayaan dan kemajuan lepas itu. Bukan semua rakyat itu boleh dapat 5, kadang-kadang 3. Apa salahnya kita lebihkan. Ada orang yang boleh sampai 10, biarlah dia dapat, ada orang yang 3 sahaja, memadailah dia mengikut undang-undang ini. Ini juga harus kita perbaiki. Kalau dulu 5 sekarang ini kita hendak buat berapa, 8, 10, tidak apa - 12 pun boleh. Ada satu keluarga 22 orang, satu ibu, satu bapa - dia boleh hidup dengan kerja makan gaji sahaja.

Jadi, ini juga patut diambil perhatian dan kalau boleh perkara itu sudah berlaku, maka kita tukarkan dengan adanya pindaan **ini**. Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kerana untuk kebaikan, terutama sekali kepada wanita. Macam saya kata tadi, kalau cuti am itu sudah termasuk dalam cuti bersalin, dipotong, ini rugilah. Berilah peluang, apa salahnya satu, dua hari selepas daripada 42 hari. Orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, hari pantangnya 44 hari, dapat cuti 42 hari, kalau ada cuti am, termasuk dalam cuti itu, yang itu

pun dia tidak dapat. Kalau dia ada cuti, umpamanya, cuti Hari Raya, ada 2 hari itu termasuk dalam cuti pantang, dia sudah tidak dapat 44 hari cuti, dapat 42 hari juga. Jadi, apa salahnya kita beri 2 hari itu. Bukan, semua orang, kepada orang-orang yang berkaitan dengan perkara itu. Jadi, kita bertambah adil terutama sekali wanita.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan cuti pekerja wanita-wanita yang bersalin ini tidak setakat 42 hari, kita buat macam pekerja-pekerja di swasta diberi 60 hari cuti. Jadi, 60 hari itu kalau dia sudah tahu dia punya dua sekian, sekian, dia pun boleh rehat dua, tiga hari di rumah, selepas bersalin dia boleh dapat lagi rehat, kemudian dia datang kerja dengan badan yang sihat dan bertambah baik. Ini saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan Fasal 15, iaitu berkenaan cuti. Saya berasa gembira kerana doktor gigi pun boleh beri cuti sakit. Bukan sahaja kerana sakit gigi, tetapi sakit yang lain, kerana memandangkan keadaan ini agaknya kekurangan. Ini amat baik sekali tetapi kepada pekerja-pekerja pula janganlah ambil kesempatan apabila Kerajaan kita longgarkan, maka kita pun cari doktor-doktor gigi, kadang-kadang kena kawan sendiri, maka kita pun cuti, cuti. Ini kurang baiklah. Jadi, saya rasa saya tidak akan bercakap banyaklah, terutama kepada bonus yang telah dipercakapkan oleh beberapa rakan saya tadi. Bonus ini saya suka menyentuh kepada pekerja-pekerja yang bekerja di kilang-kilang. Ini amat kasihan walaupun saya telah bercakap, tetapi perkara ini patutlah kita ambil berat kerana selalu berlaku banyak sekali. Dia beri kerja, umpamanya, macam saya

kata, cukup setahun patut dapat bonus, tetapi dia buang pekerja-pekerja sebelum sampai bayar bonus dan dia ambil orang baru. Ini suatu yang tidak adil. Kementerian Buruh patut mengambil perhatian yang berat atas perkara ini, kerana membela nasib-nasib anak-anak kita yang bekerja di kilang-kilang.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya saya bercakap semalam, tetapi oleh kerana cepat kita luluskan itu saya tidak ada peluang, iaitu berkenaan dengan EPF. Ini juga banyak pekerja-pekerja kita yang telah menemui saya bahawasanya dia bekerja dengan syarikat, gajinya dipotong kerana EPF bertahun-tahun, tetapi dia tidak pernah sekalipun menerima laporan dari EPF. Jadi, dia sangsi adakah gajinya yang dipotong oleh majikan tidak dimasukkan ke dalam EPF ataupun ke mana lesapnya. Sebabnya kalau dia bayar kepada EPF, setiap tahun dia dapat laporan, tetapi ini tidak ada. Ada juga perkara-perkara yang macam ini berlaku. Ini selalu terkena kepada wanita. Saya banyak membangkitkan perkara-perkara wanita di dalam Dewan ini oleh kerana saya wanita dan berdamping rapat dengan mereka, saya dapat banyak perkara-perkara yang macam ini. Ini juga patut diperhatikan, terutamanya di pihak swasta yang sentiasa tertindas, yang kita bercakap kita hendak meninggikan taraf mereka, tetapi setengah-setengahnya walaupun dia bekerja, tetapi ditindas oleh majikan. Mereka kalau bekerja dengan majikan dia tidak sebagaimana yang dikatakan supaya berbaik-baik dengan majikan supaya majikan mengambil berat terhadapnya.

Kalau majikan kepada satu syarikat yang kecil, dia memang baik-lah, tetapi kalau satu kilang yang besar, dia tengok bossnya pun takut. Jadi ini masalahnya, ada beberapa lapis lagi pentadbir-pentadbir di bawah pengurus yang besar ini. Maka perkara-perkara ini berlaku kepada yang paling bawah sekali tidak sampai ke atas-perkara-perkara itu. Maka, ini patut kita siasat, Tuan Yang di-Pertua, kerana kilang-kilang kita ini banyak berbuat demikian.

Saya pernah pergi ke satu kilang, kita kata tadi kalau 8 jam bekerja ada masa rehatnya $\frac{1}{2}$ jam atau 45 minit, tetapi saya pernah pergi ke satu kilang, dia beri cuma 20 minit sahaja masa rehat, makan tercungap-cungap hendak kerja balik dan masa sembahyang tidak ada, masa bercakap dengan orang lain pun tidak ada, kena buat kerja. Sampai macam ini, seolah-olah mereka itu bukan manusia, robot yang bekerja sahaja, tidak tahu makan minum. Ini ada setengah-setengah majikan, setengah-setengah kilang membuat macam, itu kepada pekerja-pekerjanya.

Jadi **ini**, sambil kita hendak maju, sambil kita tidak mahu ada pengangguran dalam negara kita, untuk membela rakyat, maka perkara-perkara yang macam ini harus diperhatikan, disiasat, lepaskan satu-satu orang untuk menyiasat perkara ini supaya dapat membuat laporan. Bila Menteri hendak datang, dia memang ke depanlah dia berbaris, buat yang elok-elok, tunjukkan bagaimana, ini bilik sembahyang yang tidak pernah orang masuk sembahyang. Ini berlaku. Bila kita datang,

ini ada masa rehat untuk sembahyang, ini bilik sembahyang, Yang Berhormat, ini bilik ini, tetapi tidak ada digunakan, hanya untuk mengabui raata kita sahaja, satu simbol sahaja. Ini juga perkara-perkara berlaku.

Dengan adanya Akta ini kita hendaklah bertindak tegas dan boleh kita tnenjalankan, kalau kita tidak jalankan - saya selalu bercakap perkara ini - kalau kita tidak jalankan, akta tinggal akta, kerana dari peringkat atasnya memang elok kita susun, kita atur supaya dia sampai ke bawah tetapi apabila kadang-kadang di peringkat-peringkat inilah tertinggal begitu sahaja. Perkara-perkara yang macam ini patutlah kita perhatikan dan ambil berat, selalu kena-periksa, kalau tidak, memang curi ayam banyak. Jadi dengan adanya satu Akta yang dibentangkan di dalam Dewan ini, saya rasa ia sangat baik, melibatkan orangramai, melibatkan rakyat kita, pekerja-pekerja kita.

Maka,dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dipinda iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Kerja, 1955. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.53 ptg.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan teriraa kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhorraat yang telah mengambil bahagian dalam membahaakan pindaan-pindaan kepada Akta Kerja, 1955 iaitu Yang Berhormat Senator C. Krishnan, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abu Bakar Lajim dan yang akhir sekali tadi ialah Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah Mohd. Akim.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah tekankan semasa saya membentangkan Rang Undang-undang ini, tujuan pindaan yang

dicadangkan kepada Akta Kerja, 1955 kali ini ialah untuk menyesuaikan kadar-kadar faedah yang terdapat di dalam Akta tersebut dengan keadaan semasa di samping membetulkan beberapa anomali yang terdapat pada undang-undang itu. Jadi, ini bermaksud berdasarkan keadaan-keadaan semasa *ini*, maka perlulah Akta ini kita pinda untuk menyuaikannya lagi dengan keadaan pada masa *ini*.

Suka saya nyatakan di *sini* iaitu Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan telah mengadakan persidangannya yang mana kita mengumpulkan wakil-wakil daripada majikan, pekerja dan pihak Kerajaan. Berkenaan dengan Akta ini kita telah mencapai satu bentuk persetujuan kepada perkara-perkara yang kita bantangkan di dalam Dewan *ini*. Perkara-perkara yang ditentang dengan hebat oleh mana-mana pihak telah kita gugurkan daripada cadangan kita yang asal. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh itu penjelasan ini penting kepada Ahli-ahli Dewan untuk mendapat gambaran ataupun latarbelakang bagaimana kita mencapai persetujuan-persetujuan sehingga kita bawa ke dalam Dewan ini pindaan—pindaan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong dan membahaskan pindaan kepada Akta ini. Perkara yang seterusnya, secara ringkas izinkan saya memberikan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Yang pertama daripada Senator C. Krishnan, yang mula-mula sekali membangkitkan masalah bencana alam seperti banjir di mana seorang pekerja tidak hadir, adakah cuti ini dianggap cuti dengan gaji ataupun tanpa gaji.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya sipekerja adalah bergaji bulanan, ia akan terus menerima gaji penuh. Bagi pekerja-pekerja bergaji harian, ia tidak akan menerima gaji pada mana-mana hari di mana ia tidak bekerja. Walau bagaimanapun, ketidakhadiran

ini adalah ataa sebab-sebab munasabah, maka tindakan tata-tertib tidak boleh diambil oleh majikan yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator C. Krishnan juga membangkitkan masalah gantian cuti bersalin. Sekarang ini seseorang pekerja wanita menerima 60 hari cuti bersalin. Untuk tempoh ini majikan membayar pekerja itu gaji penuhnya ataupun \$6.00 sehari, mana yang lebih. Barang yang dibuat hendaklah dihargai kerana pada 60 hari pekerja itu tidak bekerja, majikan membayar gaji penuh ataupun \$6.00 sehari yang mana lebih. Untuk menghendaki seseorang majikan membayar cuti am gantian apabila cuti am itu jatuh dalam tempoh cuti bersalin, ia-nya merupakan satu kehendak yang tidak begitu adil khususnya, sebab majikan dikehendaki mebuat bayaran elaun bersalin yang agak berat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abu Bakar Lajim membangkitkan, pertamanya berkenaan dengan masalah definisi 'gaji', definisi 'gaji' yang dipinda kerana definisi yang sedia ada tidak menggariskan sempadan-sempadan yang jelas kepada liputan pengertiannya dan kesamaran ini seringkali menimbulkan perbalahan. Jadi, pindaan bertujuan untuk mempernyatakan dengan jelas makna sebenar yang dimaksudkan iaitu 'gaji' terdiri dari gaji pokok dan lain-lain bayaran tunai yang dibayar kepada para pekerja bagi pekerjaan yang dibuat olehnya di bawah kontrak pekerjaan. Definisi baru ini mengelakkan kekeliruan yang telah berlaku pada masa ini iaitu gaji hanya bermakna gaji pokok atau 'basic wage' sahaja. Sebenarnya 'gaji' termasuk semua bayaran tunai kepada pekerja sebagai upah pekerjaannya, kecuali bayaran-bayaran yang dikeluarkan dari pengertian 'gaji'. Kebanyakan hal-hal yang diketepikan dari pengertian 'gaji' adalah serupa seperti pada definisi yang sedia ada kecuali 'bonus tahunan'.

Dalam definisi yang sedia ada 'bonus tahunan' dalam kontrak dikira sebagai gaji, tetapi di dalam definisi yang dicadangkan ini 'bonus tahunan' sama ada di dalam atau di luar kontrak, diketepikan dari pengertian 'gaji'.

Dengan pindaan ini, para majikan tidak dihalang malahan digalakkan meraberi bonus kepada para pekerja dan ini akan mendorong mereka meningkatkan prestasi dan produktivitinya.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim juga membangkitkan masalah mengeluarkan bayaran insentif dari definisi gaji, sebagai sambungan daripada yang tadi. Memang benar cadangan untuk mengeluarkan bayaran insentif ini dikeluarkan daripada definisi gaji, tetapi ia tidak dimasukkan dalam pindaan-pindaan ini. Ini adalah kerana selepas dipertimbangkan dengan mendalam dan teliti Kementerian tidak memasukkan perkara ini, kerana masalah yang dihadapi dari segi konsep, apakah yang merupakan insentif, yang boleh dianggap insentif, adalah sukar ditentukan. Ia akan menimbulkan pertikaian di antara majikan dan pekerja. Mungkin selepas konsep ini dikaji dengan mendalam dengan pekerja dan majikan kelak, cadangan ini boleh dipertimbangkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Senator Datuk Haji Abu-Bakar bin Lajim, dan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim, membangkitkan soal kadar lebih masa, iaitu menurunkan kadar lebih masa bagi kerja-kerja yang dilakukan pada hari cuti mingguan dan hari kelepasan am.

Saya ingin menjelaskau kepada Dewan ini, kajian perbandingan yang telah dibuat, menunjukkan kadar-kadar bayaran kerja lebih masa pada hari cuti mingguan dan pada hari kelepasan am yang sedia ada, jauh melebihi kadar-kadar yang terdapat di negara-negara Thai, Singapura, Jepun dan Britain. Kadar lebih masa pada hari cuti mingguan di Singapura misalnya, ialah 3 hari gaji, di negeri Thai, sehari gaji dan di Jepun hanya 25% sahaja lebih dari gaji biasa, tetapi di Semenanjung Malaysia tiga kali ganda kadar jam biasa. Kadar lebih masa pada hari kelepasan am di Singapura ialah sehari

lebih dari, gaji biasa iaitu dua kali ganda, demikian juga negara Thai dua kali ganda, di Britain tidak ada peruntukan undang-undang mengenainya. Tetapi kebanyakan kontrak pekerjaan menentukan 1 1/2 atau dua kali ganda gaji biasa, tetapi di Semenanjung Malaysia ialah 4 1/2 kali ganda kadar jam biasa. Nyatalah bahawa kadar-kadar lebih masa, tersebut di Semenanjung Malaysia terlalu tinggi parasnya sehingga membangkitkan kesulitan kepada para majikan terutamanya dalam suasana ekonomi yang meleset. Jika kadar-kadar tersebut dikekalkan, ia tidak dapat tidak akan meningkatkan kos pengeluaran, istimewa di kalangan syarikat-syarikat yang perlu menjalankan kerja-kerja lebih masa untuk memenuhi pesanan-pesanan yang mendesak atau untuk menyahut tuntutan urusan dengan segera. Dengan yang demikian, sukarlah disangkal kemungkinan para pelabur memberikan keutamaan, yang rendah kepada Malaysia, berbanding - dengan negara-negara, lain dalam perhitungan mereka memilih negara untuk melaburkan, modal. Demikianlah pindaan dicadangkan kadar lebih masa seperti yang telah dibentangkan dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim, ada juga membangkitkan masalah wanita yang bersalin, yang mana tidak sama ataupun tidak seragam di antara peruntukan di bawah Akta- ini dengan yang diberikan oleh pihak Kerajaan. Perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kita berharap Ahli Yang Berhorraat dapat menyarankan kepada majikan, pekerja-pekerja di sektor Kerajaan ini supaya menyamakan perkara ini, dan bagi pihak Kementerian Buruh kita tidak boleh membuat apa-apa kerana bukan dalam bidanguasa kita.

Berkenaan dengan KWSP, biasa juga dibangkitkan. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah dalam bidang Kementerian Kewangan iaitu KWSP di bawah Kementerian itu. Kita bolehlah juga memberikan maklumat-maklumat ini kepada rakan sejawat kita, jika kita telah diberitahu ataupun aduan dibuat, kalau sampai kepada kita, kita biasa melanjutkan juga pada yang berkenaan ataupun pihak KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, yang akhirnya, Senator Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim, ada membangkitkan satu perkara lagi, yang khusus, yang saya perlu terangkan ataupun jelaskan, iaitu berkenaan dengan bayaran service charge, dengan izin.

Bayaran service charge ini biasanya, terdapat di industri hotel dan restoran yang mengenakan service charge yang berjumlah lebih kurang 20%-30% gaji pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, jika service charge ini dikeluarkan daripada definisi gaji, ini bermakna pekerja-pekerja di perusahaan ini akan hilang 20%-30% kadar bayaran gaji biasa yang dibuat apabila mereka menikmati kemudahan-kemudahan seperti cuti tahunan, cuti sakit dan sebagainya. Oleh itu, dengan lain-lain perkataan, ia melibatkan perkiraan kepada cuti tahunan, cuti sakit dan sebagainya. Selain daripada itu jika service charge ini dikeluarkan daripada definisi gaji, ini tidak merupakan satu tindakan yang adil, kerana lain-lain perusahaan juga ada melakukan ataupun menikmati pembayaran seperti ini, misalannya pemandu-pemandu lori, dibayar gaji melalui trade, sebagai bayaran insentif, kemudian pekerja-pekerja penjualan dibayar komisyen, ini akan melibatkan majikan-majikan diperusahaan

seperti yang disebut akan. meminta pula supaya bayaran-bayaran itu dikeluarkan daripada definisi gaji.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dan juga membahaskan Rang Undang-undang Akta Pindaan sebentar tadi dan perkara-perkara yang saya tidak dapat jawab ataupun tidak sempat-saya jawab tadi, Kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara-perkara yang telah diutarakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dari disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Seksyen 6(3), saya meminta Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom untuk mempengerusikan Mesyuarat ini. Dipersilakan Yang Berhormat.

[Tuan Haji Shaharom **mempengerusikan Mesyuarat**]

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.19 ptg.

Timbalan Henteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, menurut bancian terakhir mengenai industri perkilangan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 1985 adalah didapati 64% dari jumlah firma industri perkilangan terdiri dari industri kecil. Secara keseluruhannya industri-industri kecil menyumbangkan 16.5% dari jumlah guna tenaga, 9.2% jumlah nilai ditambah dan 7.8% dari jumlah harta tetap bagi sektor perkilangan. Sektor industri kecil mempunyai potensi yang besar untuk menyumbangkan kearah pencapaian matlamat Dasar Perindustrian Negara dan memainkan peranan sebagai penggenap industri besar dalam membekalkan komponen bahagian dan perkhidmatan. Kepentingan peranan industri kecil dalam pembangunan sektor perindustrian dapat dilihat daripada pengalaman negara-negara seperti Jepun, Republik Korea dan Taiwan

di mana industri kecil telah memainkan peranan yang penting dalam menyediakan rantaian bantuan dan teknologi bagi menjamin kejayaan pembangunan industri besar. Pelan Induk Perindustrian telahpun mengenalpasti pembangunan dan pemodenan sektor industri kecil sebagai satu langkah penting bagi memesatkan perkembangan sektor perindustrian negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan fakta-fakta ini Kerajaan baru-baru ini telah memberi penumpuan yang lebih kepada pembangunan sektor industri kecil di Malaysia dengan tujuan menambah beberapa kemudahan galakan cukai dan bantuan kewangan untuk sektor ini .

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kerajaan mencadangkan pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ini adalah untuk membolehkan satu Skim insentif yang lebih sesuai daa berpatutan- disediakan untuk, industri kecil bagi mempercepatkan lagi pertumbuhannya .

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada dasarnya, industri kecil adalah, layak untuk memohon semua galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Walau bagaimanapun memandangkan industri kecil dijangka akan memainkan peranan yang lebih besar dalam mewujudkan linkages dengan industri besar dan dalam pengilangan keluaran-keluaran nilai ditambah bagi pasaran tempatan dan eksport, galakan-galakan tambahan akan disediakan oleh Kerajaan untuk industri kecil. Sekim galakan yang diliputi oleh, Rang Undang-undang ini adalah hasil daripada ulangkajian yang telah dilakukan oleh Kerajaan ke atas galakan-galakan yang ada sekarang.

Untuk industri kecil, galakan-galakan baru ini telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 21hb Oktober, 1988 sewaktu beliau membentangkan Belanjawan 1989 sebagai

satu strategi untuk menggerakkan perkembangan sektor industri kecil sebagai industri sokongan kepada industri besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Pertama ialah untuk memberi galakan taraf perintis kepada industri kecil yang memenuhi kriteria tertentu di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, semua syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti atau keluaran yang disenaraikan sebagai aktiviti keluaran digalakkan layak memohon untuk taraf perintis. Industri kecil yang terlibat dalam aktiviti keluaran tersebut juga layak memohon taraf perintis. Rang Undang-undang ini akan membolehkan industri kecil diberi taraf perintis jika memenuhi salah satu daripada kriteria yang ditetapkan selain daripada kriteria-kriteria yang ada sekarang.

Bagi syarikat-syarikat perkilangan yang membeli komponen-komponen untuk digunakan dalam perkilangan keluarannya dari industri kecil, Rang Undang-undang ini memperkenalkan satu galakan baru di dalam bentuk mengurangkan pendapatan larasan atau abatement of such an income berdasarkan 5% daripada amaun pembeliannya daripada industri kecil atau 5% daripada pendapatan larasan yang mana lebih rendah. Insentif ini bertujuan menggalakkan industri-industri perkilangan yang besar membeli komponen-komponen dari industri kecil dan dengan demikian dapat mempertingkatkan lagi linkages di antara industri kecil dan industri besar.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan menghadkan galakan-galakan tambahan ini kepada syarikat kecil-kecilan yang bermastautin

di Malaysia dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1963 untuk tujuan mentadbirkan skim galakan dengan berkesan.

Pindaan-pindaan lain yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini merupakan pindaan consequential sahaja. Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga perlu dibuat keatas Seksyen 14A Akta Penggalakan Pelaburan 1946 untuk tujuan penjelasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di—Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun:

6.18 ptg;

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan mengenai Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Saya menyokong dengan penuh kesedaran dan keinsafan bahawa Akta ini memang sebenarnya akan menolong industri-industri kecil, lebih-lebih lagi memandangkan industri ini akan berkembang pesat di kawasan-kawasan yang kurang maju seperti mana di Pantai Barat Malaysia.

Sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang datang dari Negeri Kelantan, saya memandang Akta di depan kita ini sebagai satu langkah yang amat tepat pada masanya memandangkan kepada strategi-strategi Kerajaan sekarang yang menekankan pelaburan pihak swasta untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang saksama bagi seluruh negara.

Tetapi saya bimbang dan ragu tentang strategi yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang- takut-takut ianya tidak akan berjaya menggalakkan pertumbuhan industri-industri terutamanya industri kecil di kawasan-kawasan yang tertinggal sepertimana negeri Kelantan.

Negeri Kelantan sebagai negeri yang terpencil di Semenanjung ini sehingga akhir-akhir ini pun masih lagi sukar untuk mendapat pelaburan, sama ada dari dalam ataupun dari luar negeri. Walaupun dengan ada penggalakan daripada pihak Kerajaan sepertimana yang kita saksi dengan Akta pada hari ini, saya rasa sesuatu yang lebih daripada itu perlu diadakan untuk negeri-negeri yang mundur ini. Kelantan sekarang ini mempunyai 1.1 juta rakyat. 95% dari mereka adalah bumiputera dan 90% daripada aktiviti negeri ini bergantung kepada pertanian ataupun dalam bidang-bidang yang berkaitan. Hanya segelintir sahaja rakyat negeri Kelantan terlibat dengan industri terutamanya dengan industri pembuatan. Industri pembuatan yang ada negeri Kelantan itu bukan sahaja tidak cukup untuk menampung keperluan penambahan buruh tiap-tiap tahun tetapi juga tidak dapat menghasil pertambahan. pendapatan bagi Negeri Kelantan untuk mengendalikan negeri itu sendiri. Bahkan Negeri Kelantan sekarang ini mempunyai pendapatan hanya secukup sahaja untuk membayar gaji dan kos operasi harian negeri sahaja. Untuk pembangunan, Kerajaan negeri Kelantan bergaantung besar kepada grant daripada Kerajaan Persekutuan.

Maka perancangan untuk Negeri Kelantan hendaklah difikir sedalam-dalamnya sebab implikasi-implikasi daripada tidak majunya negeri Kelantan membawa kesan yang amat buruk dari segi pencapaian

purata bumiputera mengikut Dasar Ekonomi Baru. 1.1 juta rakyat negeri Kelantan yang mana 95% adalah bumiputera akan memperlihatkan kemudian kalaulah tidak ada sesuatu dibuat kemunduran keseluruhan orang Melayu di Malaysia.

Berdasarkan kepada pola atau trend yang berlaku sekarang, saya tidak yakin industri kecil ini pun akan dapat tumbuh di negeri Kelantan. Tambahan pula emphasis yang diberi dalam Pelan Induk Perindustrian Negara yang meletakkan negeri Kelantan dan negeri Pantai Timur dalam 'mini corridor' yang tidak dengan cara sendirinya akan tidak memberi prioriti atau keutamaan dari segi pelaburan. Oleh itu, kalaulah dibiarkan keadaan ini sudah tentu para pelabur berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan perniagaan tidak akan pergi ke negeri yang serba kekurangan ini. Malahan sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sekejap tadi kepada soalan tambahan saya, pihak Kerajaan juga menekankan kepada memaksimumkan kemudahan-kemudahan asas yang sudah sedia ada dan kemudahan - kemudahan asas yang sedia ada ini ialah terdapat di Pantai Barat. Jadi, kalaulah usaha tidak dibuat untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas di Pantai Timur dan di negeri-negeri yang mundur, sudah pasti sampai ke bila pun negeri ini tidak akan menarik pelabur, lebih-lebih lagi pelabur besar. Oleh itu, saya berpendapat pihak Kerajaan hendaklah memikirkan dengan sedalam-dalamnya sesuatu strategi yang khusus untuk kawasan-kawasan ini untuk menjamin pertumbuhan ekonomi di negeri ini tercapai sepertimana negeri-negeri di Pantai Barat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, negeri Kelantan ini terkenal sebagai negeri yang melahirkan ramai usahawan-usahawan yang berjaya. Tetapi akhir-akhir ini kerana kemelesetan ekonomi, hasil daripada recession yang luar biasa dua tiga tahun kebelakangan ini,

sekarang tidak ramai lagi usahawan-usahawan ini yang tertinggal yang boleh berdiri di atas kaki sendiri. Bahkan kalau Yang Berhormat Ahli-ahli dari Dewan ini pergi ke Kelantan, Kelantan tidaklah lagi merupakan negeri di mana kita boleh bangga dengan usahawan-usahawan yang berjaya, bahkan kalau kita pergi ke Kelantan sekarang ini selain daripada pekedai-pekedai kecil, itu pun mati kerana persaingan dengan supermarket dan sebagainya, tidak ada perniagaan-perniagaan yang baru muncul. Sepanjang tahun 1987 dan saya rasa pada tahun ini kalau kita pergi ke Kota Bharu tidak sampai pun barangkali 10 perniagaan-perniagaan baru yang diusahakan oleh orang-Melayu muncul.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada di antara usahawan-usahawan yang sanggup melabur mengambil peluang insentif-intentif untuk industri kecil ini belum terjamin lagi dari segi pemasaran. Saya tahu banyak firma-firma, yang kecil yang ditubuhkan di merata-rata di tanahair ini mengalami masalah pemasaran. Walaupun benda itu boleh dimajukan tetapi keupayaan usahawan bumiputera terutamanya daripada negeri-negeri yang kurang maju ini untuk bukan sahaja mendirikan kilang, menghasilkan hasil pembuatan masing-masing tetapi masalah pemasaran menjadi masalah yang amat rumit dan besar bagi mereka. Bagaimana mereka hendak penetrate market yang sedia ada sebab tidak ada satu barang pun yang mereka buat yang baru yang tidak ada persaingan dengan barang-barang yang sedia ada. Dengan lain perkataan, apa-apa sahaja yang mungkin mereka adakan sekarang iai akan menghadapi persaingan dan dalara menghadapi persaingan masalah pemasaran menjadi satu perkara yang amat besar untuk menjamin kejayaan mana-mana industri yang baru ditubuh itu. Oleh itu bukan sahaja masalah penggalakan dengan insentif-insentif tadi, tetapi untuk memastikan bahawa sekiranya

industri ini tumbuh pasaran itu ada untuk mereka.

Yang disebut tentang linkages oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya tidak pasti sama ada industri yang dimajukan oleh usahawan bumiputera ini mempunyai linkages yang diperlukan untuk menjamin kejayaan sebab bidang-bidang yang mereka akan menceburi sudah tentu ada perkara-perkara yang biasa sahaja, tidak perkara-perkara yang baru yang boleh menjamin pasaran yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada apa yang dialami di negeri Kelantan, saya rasa negeri-negeri lain di Pantai Timur dan juga di Malaysia Timur masalah yang sama dialami. Jadi, saya berharaplah sangat-sangat kepada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan pihak Jabatan Perdana Menteri terutamanya .Unit Perancangan Ekonomi untuk sekali lagi mengkaji dengan sedalam-dalamnya strategi yang Kerajaan amalkan sekarang. Sebab strategi yang Kerajaan amal sekarang sudah pasti sekiranya tidak ada penekanan dari segi pengagihan dalam pertumbuhan ini sudah tidak menjamin pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, bahkan strategi ini saya bimbang akhirnya akan mengembalikan kita kepada keadaan sebelum Dasar Ekonomi Baru ini dilancarkan pada 1970.

Sebabnya para pelabur ini, yang kita tekan ialah para pelabur swasta, para pelabur swasta ini dengan tersendirinya tidak perlu dihurai adalah terdiri daripada bukan bumiputera sama ada dari luar ataupun dari luar negeri dan dengan sendirinya masa depan bumiputera, peranan mereka dalam ekonorai akan menjadi lebih kecil. Oleh itu saya menyeru kepada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan pihak Jabatan Perdana Menteri yang berhubung dengan perancangan ekonomi untuk sekali lagi mengkaji strategi yang Kerajaan amal sekarang supaya kita tidak akan kembali kepada keadaan sebelum Dasar Ekonomi Baru dilancarkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sila Yang Berhormat Datuk Haji Nasir bin Haji Manap.

6.31 ptg

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang, di-Pertua, saya juga berdiri bersama dengan rakan-rakan untuk membincangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengamati Rang Undang-undang yang bentangkan, agak banyak perkara-perkara penting yang telah diketengahkan untuk diluluskan. Di antaranya saya berpendapat Kerajaan agak menggalakkan kepada syarikat-syarikat kecil-kecilan untuk diberi taraf perintis dan juga agar syarikat kecil-kecilan dapat membuat beberapa unit yang agak dibuat pada masa dahulu oleh syarikat-syarikat yang besar maka ini boleh menjadikan syarikat

kecil-kecilan itu berupaya dari semasa ke semasa. Kalau ini satu usaha daripada pihak Kerajaan maka berkemungkinan pada suatu masa yang akan datang negara kita juga terjumlah kepada sebuah negara industri.

Tuan Yang di-Pertua, tertakluk di dalam Fasal 3 Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 6 supaya taraf perintis boleh diberikan kepada syarikat kecil-kecilan. Kita tahu taraf perintis ini pada masa-masa yang lalu diberikan kepada khususnya syarikat-syarikat yang besar dan datangnya dari luar negara kita. Dalam hal ini kita meyakinkan sebagaimana yang dimaklumkan khususnya menggalakkaa syarikat-syarikat tempatan di mana syarikat berkenaan sebagai syarikat kecil-kecilan diberikan taraf perintis. Dalam hal ini maka saya juga tertarik dalam masalah pemberian taraf perintis ini di antaranya memberi kuasa kepada Menteri mengkaji semula senarai kriteria dari masa ke semasa dan mengenakan apa-apa syarat yang boleh bagi memberikan taraf perintis. Maka ini adalah diberi satu kuasa penuh kepada Yang Berhormat Menteri untuk meletakkan sesebuah syarikat itu sebagai taraf perintis. Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini saya suka menarik perhatian berhubung dengan selalu kita memikirkan supaya rakyat di dalam negara Malaysia ini digalakkan membuat beberapa unit ataupun pengetahuan teknologi industri dan mungkin di satu masa akan datang kita tidak lagi memerlukan syarikat-syarikat dari luar ataupun pakar-pakar perindustrian dari luar dan seterusnya kita boleh melaksanakan oleh anak negeri kita sendiri. Sama juga kalau kita menoleh ke belakang pada masa-masa yang lalu agak negara kita

kekurangan doktor tetapi dengan adanya galakan-galakan daripada Kerajaan menghantar anak negerikita belajar ke luar negeri dan mengadakan pelajaran kedoktoran di universiti-universiti maka masalah ini telah dapat kita atasi dari masa ke semasa.

Dalam hal ini saya perhatikan di mana-mana industri khususnya industri luar negeri, mereka memberikan pekerja-pekerja yang melaksanakan satu-satu unit daripada satu-satu komponen. Kalau ini mereka laksanakan dari masa ke semasa, maka saya rasakan sampai bila pun rakyat Malaysia tidak akan dapat melaksanakan satu-satu kerja yang kita maksudkan.

Jadi, ini perlu diambil perhatian oleh- pihak Kerajaan supaya tiap-tiap unit daripada sesuatu komponen yang di laksanakan oleh pihak iadustri dapat dibuat oleh anak negara kita ini. Dengan ini mungkin di satu masa akan datang kita tidak perlu lagi mendapatkan pekerja-pekerja yang mahir daripada luar negeri. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menarik perhatian berhubung dengan industri-industri ini mereka menjalankan kerja dengan sepenuh masa dengan maksud satu hari suntuk yang dibuat di dalam jangka masa-jangka masa yang tertentu atau kita biasa sebut menggunakan 'shift' dibahagikan kepada tiga jangka masa. Pada saya dengan adanya pihak industri yang diberikan taraf perintis maka ini menjadikan keuntungan kepada mereka sepenuhnya. Misalannya kalau dalam satu hari mereka bahagikan pada 3 jangka masa dan kita boleh contohkan bermula jangka masa pertama dari pukul 8 pagi misalannya hingga 4 petang kemudian pekerja itu balik ke rumah, kemudian disambung mungkin daripada 4 petang hingga 12 malam itu jangka masa yang

kedua dan selepas itu jangka masa ketiga pula di antara jam 12 malam hingga 8 pagi. Bermaksud kalau biasa kerja-kerja pejabat daripada 8 pagi hingga 4 petang dan sebagainya mereka menggunakan tiga kumpulan masa. Dengan tidak secara langsung saya memikirkan kalau dalam masa mereka diberikan peluang taraf perintis ini selama setahun bermaksud mereka telah menjalankan kerja industri di negara kita selama 3 tahun.

Kalau kita beri peluang selama 5 tahun, bermaksud mereka telah menjalankan industri di negara kita selama 15 tahun.

Pada pendapat saya perlu pihak Kerajaan mengambil kajian yang sungguh-sungguh supaya rakyat di dalam negara kita ini biarlah di waktu malam mereka dapat rehat sebagaimana pekerja-pekerja di pejabat dan berilah peluang kepada mereka menentukan jangka masa bekerja agak daripada pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang ataupun kalau hendak sambung, sambunglah dari 4.00 petang hingga tengah malam. Tidak usahlah sampai subuh.

Perkara ini perlu kita laksanakan kerana kita perhatikan daripada pekerja-pekerja kilang yang kadang-kadang mereka itu bukan datang sejauh satu batu, dua batu, daripada tempat kediaman mereka, kerana mereka menyediakan bas-bas untuk mengambil pekerja-pekerja dan bekerja dengan masa di jalan sudah memakan masa dua tiga empat jam. Hal ini perlu diambil perhatian dan kajian supaya keseluruhan hari itu tidak diletakkan sebagai satu masa kerja bagi pekerja-pekerja di dalam negara kita.

Saya berpendapat kalau misalannya kerja-kerja yang ada kaitannya dengan masyarakat, dengan orang ramai seperti hotel dan sebagainya yang agak sampai tengah malam, barangkali ini kita tidak hairan. Ini mereka melaksanakan sesuatu barang yang diperlukan oleh mereka, takkanlah sampai pukul 3.00 pagi, pukul 5.00 pagi pun mereka hendak meletakkan rakyat negara kita ini bekerja juga.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya agak sedih juga memerhatikan di antara pekerja-pekerja kilang yang mereka meng-

harapkan sedikit gaji ataupun sedikit sumbangan, sudahlah gaji mereka itu ala kadar yang diberi dan selalu dibangkitkan oleh saudara-saudara saya dalam Dewan ini, kadang-kadang gaji \$5, \$6 dan sebagainya, tetapi mereka tidak meletakkan bayaran sewa rumah dan sebagainya. Ini kita tahu kadang-kadang seeengah-setengah daripada pekerja-pekerja kilang itu terdiri daripada wanita-wanita, mereka menyewa rumah yang dua bilik sampai 10 orang. Bagaimana selesanya mereka tinggal di dalam sebuah rumah satu bilik 4, 5 orang dan sebagainya. Ini agak tidak diambil perhatian oleh pihak majikan yang kita gelar sebagai taraf printis yang telah kita berikan selama ini.

Oleh sebab mereka hendak menampung keperluan makanan harian dan keperluan tempat tinggal, maka itulah menyebabkan kita ketahui ramai di antara pekerja-pekerja kilang yang umumnya tinggal di dalam sebuah rumah yang dua bilik sampai 10 orang dan sebagainya. Ini perlu pihak Kerajaan meletakkan selain daripada gaji, sama ada gaji rendah dan sebagainya, maka perlu juga diletakkan satu bayaran yang khusus iaitu sebagai bayaran sewa rumah. Maka ini boleh melonggarkan sedikit kepada pekerja-pekerja yang bekerja di kilang - kilang dan mereka bolehlah menyewa atau menentukan rumah-rumah yang ditetapkan oleh pihak pekilang itu bagi tempat kediaman pekerja - pekerja mereka.

Pada umumnya kita mendapat kepastian lebih kurang 60% ataupun 70% daripada wanita-wanita yang bekerja di kilang-kilang itu masih lagi belum berumahtangga, mungkin boleh kita letakkan mereka di satu-satu tempat yang khusus. Kalau misalannya mereka berulang alik

perlu juga diberi mereka satu bayaran yang kita tafsirkan sebagai bayaran sewa rumah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu -saya juga agak merasakan, tadi dijelaskan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan maka ini menjadikan satu nafas yang baik kepada syarikat kecil-kecilan selain daripada memberikan taraf printis, maka berkemungkinan syarikat-syarikat ini diberi peluang untuk membuat beberapa komponen yang biasanya dahulu dibuat oleh sesebuah syarikat yang besar, tetapi beberapa komponen yang dibuat oleh syarikat yang besar digihkan kepada syarikat kecil-kecilan. Dengan ini kita, merasakan berkemungkinan besar syarikat kecil-kecilan ini akan menjadi baik berhubung dengan kewangan mereka dan tidak terdapat syarikat-syarikat yang akan tutup dari masa ke semasa .

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya sampaikan bagi membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini dan dengan iai saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Sekian, terima kasih.

6.48 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon izin supaya membenarkan saya menyertai dalam perbahasan Pindaan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang baru dibentang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di atas usaha-usaha yang dibuat untuk meminda Akta Pelaburan. Saya menyokong penuh terhadap pindaan tersebut memandangkan tindakan yang

diambil adalah paling tepat dan sesuai pada masanya. Pindaan terhadap Akta itu pasti akan menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana. Secara tidak langsung, ia juga akan mempengaruhi pembangunan industri-industri besar di negara kita. Ini kerana industri, kecil dan sederhana sebagaimana kita sedia maklum merupakan tulang belakang industri besar.

Buat masa ini didapati bahawa, industri tempatan masih menggunakan bahan-bahan keluaran kilang yang diimport dari negara asing. Ini disebabkan kualiti dan harga barang-barang tempatan yang kurang memuaskan. Oleh itu Kerajaan patut mengambil langkah yang wajar untuk menghapuskan sebarang cukai yang dikenakan ke atas perindustrian tempatan, pertamanya, cukai jualan demi membolehkan industri kecil dan sederhana tempatan bersaing dengan negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memberi insentif kepada pengusaha kecil dan sederhana, Kerajaan juga harus memandang berat terhadap masalah-masalah yang boleh menyekat perkembangan industri kecil dan sederhana. Ini adalah kerana pembangunan yang pesat di kawasan desa telah mengakibatkan ketidak sesuaian lokasi industri kecil dan sederhana dan mereka terpaksa pindah ke kawasan baru. Masalah ini telah merumitkan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana kerana mereka seolah-olah telah dipaksa untuk mencarikan tapak baru. Hal ini telah menjadi masalah serius yang dihadapi oleh para pengusaha industri tersebut.

Saya timbulkan satu contoh, iaitu di Negeri Melaka. Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih kurang 250 buah kilang perabot telah diarahkan oleh pihak Majlis Perbandaran Melaka untuk berpindah ke satu kawasan perindustrian, iaitu Kawasan Perindustrian Bukit Rambai sebelum tahun depan dan jikalau tidak, lesen perniagaan mereka tidak akan diperbaharui. Langkah ini telah menjejaskan hasil pendapatan para pengusaha industri kecil dan tidak dinafikan juga ialah perkembangan industri ini terus terancam.

Langkah Kerajaan untuk memindahkan serta memusatkan perusahaan-perusahaan industri kecil dan sederhana ke satu kawasan perusahaan yang baru adalah satu tindakan yang wajar, namun demikian kita harus menyedari hakikat bahawa pengusaha-pengusaha yang telah lama menjalankan perusahaan perabot secara perseorangan dan berskel kecil akan menghadapi masalah ketidakupayaan untuk membeli tanah perindustrian yang baru dan membiayai kos pemindahan. Kerajaan seharusnya mengambil perhatian terhadap masalah ini dan mengambil langkah positif untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pindaan Akta Penggalakan Pelaburan pada petang ini akan membawa manfaat kepada semua pengusaha industri kecil dan sederhana di seluruh negara pada amnya dan mereka yang berada di Melaka khususnya. Keutamaan tersebut harus diberi kepada pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana yang menghadapi masalah yang saya sebutkan tadi. Keistimewaan harus diberi dalam bentuk bantuan kewangan dan pinjaman yang merupakan masalah utama yang menghalang perkembangan industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk menubuhkan sebuah pusat penyelarasan pelaburan seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian baru-baru ini, sehubungan-dengan pindaan pada petang ini, pusat penyelarasan pelaburan sebagai 'one stop agency' dengan izin, adalah satu keputusan yang bijak dan tepat pada masanya. Saya juga berharap setiap Kerajaan Negeri juga menubuhkan sebuah pusat seumpama ini di negeri masing-masing sebagai usaha untuk mempercepatkan proses dan memudahkan prosedur-prosedur permohonan lesen dan pelan yang dikemukakan oleh para pengusaha. Saya berharap layanan yang sama juga diberi kepada pelabur-pelabur tempatan demi membangunkan industri kecil dan sederhana di negara kita. Namun demikian saya juga berharap 'one stop agency' dapat menolong industri kecil dan sederhana dalam usaha meningkatkan teknologi jentera moden. Jawatankuasa yang diamanahkan untuk menjalankan tugasnya juga mesti memastikan supaya insentif-insentif diberikan kepada para pengusaha yang berkeelayakan. Ini akan mengelakkan sebarang penyelewengan oleh setengah-setengah pihak.

Tuan. Yang di-Pertua, selain daripada memberi bantuan tersebut, Jawatankuasa ini juga boleh menolong membuka pasaran antarabangsa baru supaya hasil pengeluaran industri kecil dan sederhana tempatan dapat dieksport ke luar negeri. Ini pasti meningkatkan pertukaran wang asing negara kita dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pindaan Akta tersebut, sebenarnya mengikut kenyataan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian baru-baru ini bahawa kelayakan bagi industri kecil yang telah disebutkan ialah satu industri yang kumpulan pegangan saham (shareholders' fund) sebanyak \$500,000 ke bawah, saya berpendapat bahawa Kementerian sepatutnya meningkatkan kelayakan tersebut di mana meningkatkan daripada \$500,000 kumpulan pegangan saham ke \$1 juta dan ke bawah sebagai kelayakan industri kecil. Saya sebut pendapat demikian kerana ia boleh membantu pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana mengembangkan perniagaan mereka pada masa akan datang kerana masa kini pegangan saham \$500,000 cuma hanya mencukupi untuk seorang pelabur tempatan membeli tanah dan kos pembinaan dan juga kos infrastruktur dan jentera sahaja. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya meningkatkan satu daripada syarat kelayakan iaitu kumpulan pegangan saham daripada \$500,000 ke \$1 juta ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan piujaman di bawah kerjasama yang telah disebutkan baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian iaitu di bawah kerjasama ASEAN-Japan yang dinamakan 'ASEAN-Japan Development Fund', dengan izin, baru-baru ini amat menggalakkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru

semua pengusaha industri kecil dan sederhana supaya dapat menggunakan peluang tersebut dengan sepenuhnya. Pihak bank juga harus memberi lebih banyak kelonggaran kepada pengusaha-pengusaha tempatan supaya mereka dapat memajukan sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga pihak Dewan Perniagaan Melayu, Cina dan India dapat memainkan peranan masing-masing dan menyokong usaha Kerajaan dalam memajukan industri kecil dan sederhana demi kebaikan bersama. Saya juga mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengadakan satu unit bergerak khas dan mengadakan lawatan ke semua negeri sebagai langkah membantu pelabur-pelabur tempatan dalam permohonan lesen pinjaman dan insentif. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sila Yang Berhormat Foo.

6.58 ptg.

Tuan Foo Boon Liang: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan lagi pelabur tempatan, setiap pelabur asing supaya mereka terus melabur di negara kita dan dengan itu menggiatkan lagi sektor perindustrian dan pengilangan, maka saya dengan sukacita menyokong sepenuhnya Akta Penggalakan- Pelaburan 1986 dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelabur di negara-kita patut dipuji. Selain dari mengurangkan kadar pengangguran, langkah-langkah itu juga mencapai objektif-objektif iaitu sektor perindustrian dan pengilangan terus berkembang, dengan itu ekonomi negara pun terus maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada satu kesulitan yang dihadapi oleh para pelabur atau syarikat-syarikatnya. Ini mengenai kesukaran mereka untuk mendapatkan certificate of fitness, dengan izin, untuk client mereka. Mereka dikehendaki mengemukakan permohonan mereka kepada beberapa agensi Kerajaan, termasuk Kastam dan Bomba, akibatnya mereka lambat mendapat sijil itu dan dikenakan denda kerana telah melampaui masa yang ditetapkan itu.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Ahli Yang Berhormat, sebentar. Mesyuarat saya tempohkan selama 20 minit untuk solat Maghrib. Yang Berhormat Foo boleh menyambung selepas itu. Mesyuarat ditempohkan.

Persidangan ditempohkan pada pukul 7.01 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.25 malam.

[Tuan Haji Shaharom **mempengerusikan Mesyuarat**]

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Foo Boon Liang menyambung perbahasan.

7.26 mlm.

Tuan Foo Boon Liang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akibatnya mereka lambat mendapat sijil itu dan dikenakan denda kerana telah melampaui masa yang telah ditetapkan itu. Kadangkala ia boleh mengambil masa selama satu tahun atau 1 1/2 tahun. Perkara yang menyakiti ialah bukan mereka yang salah, tetapi agensi Kerajaan sendiri. Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan lebih flexible, dengan izin, dalam aspek ini dan berikan kelonggaran di mana wajar.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kerana pada bulan Oktober tahun ini telah menubuhkan 'One-Stop Agency' bagi tujuan memproses permohonan untuk mendapat Certificate of Fitness supaya segala kesulitan itu dapat dielakkan, untuk memudahkan syarikat-syarikat pelaburan menjalankan proses permohonan dengan lebih cepat dan licin.

Saya mencadangkan bahawa "One-Stop Agency" juga ditubuhkan pada peringkat tiap-tiap negeri. Jikalau ini dapat dilakukan, maka banyak kerja permohonan dapat diproseskan demi menjimatkan masa permohonan. Bagi pelabur-pelabur masa itu adalah wang dan sebarang

penanggungan bermaksud kerugian wang dari segi faedah dan juga persaingan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sila Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria.

7.28 mlm.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian dengan serba ringkas membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Penggalakkan Pelaburan.

Daripada penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan sebentar tadi, pindaan Akta ini bertujuan untuk menggalakkan dan memajukan industri kecil-kecilan di mana industri besar akan mengambil barang-barang buatan daripada industri kecil ini iaitu komponen-komponen yang diperlukan dengan mengubah beberapa perkara yang membolehkan industri ini berkembang.

Saya kurang pasti apakah definisi industri kecil-kecilan ini. Kalau sekiranya sebuah industri itu modalnya \$500,000, itu bukan industri kecil tetapi itu industri besar. Kalau modalnya dinaikkan kepada \$1 juta, lebih besar lagi.

Saya baru-baru ini pernah melaut ke Taiwan dan juga ke Bangkok, Thailand, dan Korea dan melihat bagaimana industri kecil ini berfungsi. Sebenarnya di sana Kerajaan mereka memberi begitu banyak kelonggaran untuk pengusaha-pengusaha industri kecil ini yang lebih merupakan kepada saya seolah-olah dengan izin, cottage industries ataupun backyard industries di mana rumah-rumah kedai boleh digunakan oleh industri ini dengan banyak kelonggaran. Umpamanya sebuah

syarikat Televisyen yang besar di Taiwan mengambil komponennya daripada backyard industry yang disuahkan oleh satu keluarga. Dia mengambil dua, tiga komponen yang dibuat dengau mudah, dengan banyak kelonggaran. Tetapi kalau sekiranya kita mengadakan industri kecil dengan banyak modal, dengan banyak regulations yang ketat, ini tidak menggalakkan kepada saya.

Daripada apa yang saya lihat berlaku di Taiwan, di Thailand mahupun di Korea sendiri, inilah usaha yang sedang dibuat untuk menggalakkan industri kecil-kecilan yang boleh memberikan komponen atau supply componentis kepada syarikat besar-besaran yang mengusahakan barang-barang jenama yang terkenal di Taiwan, di Korea, mahupun di Thailand. Jika keadaan itu dapat dibuat di sini, saya yakin dan percaya bahawa industri kecil-kecilan ini akan dapat dimajukan dan lebih orang ramai akan dapat mengambil bahagian dalam industri yang begini dengan galakan-galakan yang diberikan oleh Kementerian . Tetapi sekiranya cadangan Yang Berhormat sahabat saya daripada Melaka tadi untuk menaikkan modal ini kepada \$1 juta diamalkan, maka tidak ramai orang yang akan mengambil bahagian dan hanya mereka yang ada wang atau modal yang besar sahaja akan dapat mengambil bahagian, akan diberikan kemudahan di bawah takrif industri kecil-kecilan, dan akan diberikan taraf perintis. Jadi saya rasa itulah pandangan yang saya berikan kepada Kementerian ini untuk menggalakkan industri kecil-kecilan ini daa memang sudah sampai ketikanya bagi negara kita untuk memaju dan mengembangkan perindustrian kecil-kecilan yang saya sebutkan, yang telahpun dibahas dan diberikan banyak pandangan.

Ini pandangan yang dapat saya berikan dari apa yang saya lihat sebenarnya berlaku di negara-negara yang berkerabang maju dengan negara kita. Ini ada hubungannya dengan company-company atau syarikat yang besar-besar untuk meraberi pekerjaan kepada lebih ramai lagi rakyat yang tinggal mahu pun di bandar dan di luar bandar walau bagaimanapun, saya menyokong Akta ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Jika tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

7.32 mlm.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengarabil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk menyampaikan pandangan, teguran dan menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Seterusnya izinkan saya untuk menyentuh beberapa perkara pokok yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Yang Berhormat Senator Hassan bin Harun dari Kelantan menyuarakan kebimbangan strategi pembangunan industri kecil akan hanya tertumpu di kawasan-kawasan yang membangun manakala kawasan-kawasan yang kurang maju seperti Kelantan akan tertinggal.

Sukalah saya meyakinkan Yang Berhormat bahawa skim insentif

industri-industri kecil ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan dengan secara adil dan saksama. Kesemua kawasan dari negeri akan diberi layanan yang sama dari segi menggalakkan industri kecil berkembang. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri berkenaan tidaklah boleh mengharapkan semata-mata kepada galakan-galakan atau kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan sahaja.

Pada fikiran saya Kerajaan Negeri boleh bersama-sama memberi galakan tambahan jika itu telah menjadi strateginya untuk menggalakkan pertumbuhan industri kecil di negeri tersebut. Saya ingin mengambil kesempatan ini memaklumkan Yang Berhormat Senator dari Kelantan bahawa Negeri Kelantan di bawah Pelan Induk Perindustrian adalah diberi keutamaan dari segi pembangunan periindustrian dengan mengistiharkan kawasan-kawasan di Pantai Timur sebagai mini corridors, Kerajaan telah memberi pengenalan bahawa kawasan-kawasan ini patut ditumpukan pembangunan industri untuk membuat kawasan-kawasan ini lebih menarik kepada pelabur asing khususnya Kerajaan Negeri perlulah mengambil tindakan yang lebih positif lagi dengan menyediakan beberapa tarikan seperti yang telah dilakukan oleh beberapa negeri di Pantai Barat.

Berhubung dengan linkages di antara industri, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan memang sedar akan kekurangan ini maka dengan itu Rang Undang-undang ini lebih mencadangkan insentif bertujuan untuk mendorong industri-industri besar membeli komponen-koraponen daripada industri kecil dan dengan itu akan terjaminlah pasaran bagi industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Nasir dari Melaka telah mencadangkan supaya Kerajaan sentiasa mengkaji

kriteria-kriteria yang telah ditetapkan untuk insentif-insentif ini dari masa ke semasa. Saya ingin memberi jaminan, kepada Yang Berhormat bahawa ini memanglah menjadi tujuan Kementerian saya. Sesuatu skim insentif akan sentiasa diulangkaji untuk memastikan bahawa skim ini akan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran setelah mengambil kira perubahan ekonomi dan masalah semasa.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berhubung dengan waktu kerja dan gaji adalah lebih berkait dengan bidang tugas Kementerian dan Jabatan Buruh. Saya percaya pegawai-pegawai Kementerian berkenaan yang ada bertugas petang ini akan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Dato' Haji Zakaria telah menyentuh tentang perlunya industri-industri kecil diberi peluang mengeluarkan semua komponen dan bahagian-bahagian yang digunakan oleh industri besar dan tidak menghadkan kepada beberapa komponen sahaja. Sukalah saya menjelaskan bahawa dari segi dasarnya industri kecil dibenar mengeluarkan kesemua keluaran-keluaran yang disenaraikan sebagai keluaran atau aktiviti yang digalakkan di bawah Akta ini, terpulanglah sama ada industri kecil mempunyai keupayaan atau tidak untuk mengeluarkannya dan jika berupaya galakan-galakan yang menarik telah disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Melaka iaitu Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay yang telah bercakap dengan panjang lebar dan memberi cadangan-cadangan yang sangat bernas. Yang Berhormat daripada Melaka telah mencadangkan supaya Kerajaan mengambil langkah untuk menghapuskan cukai-cukai yang dikenakan ke atas industri tempatan

terutama sekali cukai jualan yang juga dikenakan kepada industri kecil. Sukalah saya memaklurkan Yang Berhormat bahawa buat ketika ini industri-industri kecil atau syarikat kecil memang diberi keistimewaan di mana di dalam mengenakan cukai jualan, mereka adalah dikecualikan daripada cukai ini.

Berhubung dengan masalah yang sedang dihadapi oleh 250 kilang perabut yang telah diserahkan oleh Majlis Perbandaran Melaka untuk berpindah ke kawasan perindustrian Bukit Rambai, sukalah saya meyakinkan Yang Berhormat bahawa Kementerian akan mengambil susulan mengenai perkara ini dengan Kerajaan Negeri berkenaan melalui saluran yang ada, oleh kerana isu-isu tanah ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Saya percaya masalah ini boleh diatasi setelah kita mengadakan rundingan dan perbincangan. Jika didapati ada di antara syarikat perabut ini yang tidak dilesenkan oleh Kementerian saya maka kerjasama daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, dan Kementerian atau Jabatan yang lain yang ada berkaitan akan juga diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, galakan-galakan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini hanyalah menyentuh galakan cukai, akan tetapi skim galakan bagi industri kecil yang telah disediakan oleh Kerajaan juga meliputi galakan-galakan dalam bentuk bantuan kewangan dan pinjaman seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Melaka. Kerajaan memang sedar bahawa salah satu masalah utama yang menghalang pembangunan industri kecil dimasa yang lalu ialah kesukaran mereka mendapat pinjaman dengan syarat yang berpatutan.

Untuk tujuan mengatasi masalah yang rumit ini, maka Kerajaan telah menyediakan satu kemudahan pinjaman di bawah ASEAN Japan Development Fund seperti Yang Berhormat telah sedia maklum. Daripada sejumlah \$900 juta yang telah diperuntukkan industri kecil dan sederhana akan diberi keutamaan bagi pinjaman tersebut dengan kadar faedah yang menarik iaitu 6.5% untuk tempoh majoriti selama 15 tahun, dengan grace period juga dari 3 hingga 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang berkenaan juga telah mencadangkan penubuhan 'One Stop Agency' atau (COI) di peringkat negeri. Itu pun ada ditekankan oleh Yang Berhormat Senator Foo Boon Liang, Sukalah saya maklumkan bahawa telah sedia wujud pada ketika ini pusat-pusat penyelarasan yang serupa di beberapa negeri untuk membantu para pelabur mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Saya percaya satu One Stop Agency telah ditubuhkan di negeri Melaka. Saya percaya juga seperti apa yang berlaku di peringkat Persekutuan, tugas One Stop Agency di peringkat negeri juga sewajarnya meliputi perkara-perkara berhubung dengan masalah-masalah perindustrian kecil.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Melaka juga supaya One Stop Agency (COI) itu raembantu industri kecil di dalam mendapat pasaran, sukalah saya memaklumkan bahawa pada ketika ini telah wujud satu skim bernama Sub-contracting Exchange atau Skim Kontrak Kecil bagi industri kecil yang dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bertujuan membantu industri-industri mendapatkan pasaran dengan membekalkan keluaran mereka kepada industri-industri yang sedia wujud. Walau bagaimanapun, jika langkah ini masih didapati tidak mencukupi, saya percaya

perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian berkenaan.

Berhubung dengan gesaan Yang Berhormat supaya takrif perindustrian kecil ini ditingkatkan dalam kumpulan pemegang saham atau shareholders' fund dari \$1 juta untuk membolehkan industri-industri ini berkembang, di sini juga saya hendak menyentuh Yang Berhormat Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya pun ada membangkit perkara ini dan dia pun ada beri butir-butir dari negeri jiran kita di sini saya berpendapat pada permulaannya biarlah kita cuba skim galakan di tahap yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu \$500,000 dan bawah. Di sini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Akta kita, dalam Fasal 2, definisi syarikat kecil-kecilan tidak menghadkan jumlah atau taraf industri kecilan. Tetapi pada masa sekarang Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian berpendapat, dan saya bersetuju, kita ingin menghadkan paaa \$500,000 dan bawah. Kalau wajarnya, kalau sesuai, pada masa depan kita boleh menaikkan taraf itu. Lagi pun di tahap ini projek-projek yang ada di dalam lingkungan melebihi \$500,000 masih boleh memohon untuk galakan-galakan cukai yang suara di bawah Akta Penggalakan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Foo Boon Liang dari Pahang telah menyarankan tentang terlalu banyak lesen yang perlu diperolehi oleh industri kecil daa terlalu banyak agensi yang perlu dihubungi. Kerajaan memang sedar akan masalah ini dan oleh itu pada permulaannya bagi insentif-insentif yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini industri kecil tidak perlu pergi ke agensi-agensi yang banyak. Di sebaliknya mereka hanya perlu pergi ke MIDA yang kini menjadi One Stop Agency (COL) di peringkat Persekutuan di mana pegawai-pegawai daripada Jabatan-jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan, Jabatan Imigresen dan lain-lain ada ditempatkan di sana. Di peringkat negeri juga, saya

percaya mereka bukan pergi ke pusat-pusat penyelarasan negeri untuk mendapatkan bantuan.

Menyentuh kepada Yang Berhormat Senator Dato Haji Zakaria dari Selangor, pada pandangan Yang Berhormat takrif syarikat kecil-kecilan di dalam Rang Undang-undang ini akan hanya meliputi industri-industri kampung mengikut tarif yang digunakan oleh negara-negara jiran seperti Taiwan, Korea dan Jepun. Saya tidak mahu mengangkat hakikat ini kerana kalau mengikut definisi negara Jepun umpamanya bolehlah dikatakan kesemua industri-industri yang ada di negara ini ditakrif sebagai industri kecil dan sederhana, oleh kerana di negara Jepun definisi industri-industri kecilan kalau saya tidak salah adalah US\$5 juta. Tetapi kita perlulah merangka skim galakan mengikut keadaan di dalam negara ini dan definisi kita mesti mengikut keadaan di negara kita dan pada masa ini kami berpendapat \$500,000 adalah sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sukacitalah saya menyatakan bahawa semua perkara yang telah dibangkitkan akaa diambil perhatian jua. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Shaharom **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****7.56 mlm.****Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan untuk memansuhkan Akta Cukai Pemindahan Syer [Syarikat Berasaskan Tanah] 1984 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca buat kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat dalam Ucapan Belanjawan 1989.

Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bab II adalah berkenaan pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan takrif baru iaitu "keraian" atau "(entertainment)" di dalam Seksyen 18 Akta tersebut.

Fasal 5 bertujuan memasukkan Seksyen baru 38A untuk menghadkan potongan ke atas perbelanjaan keraian bagi meraikan pelanggan hanya dihadkan setakat amaun elaun keraian yang dibayar oleh majikan sahaja.

Fasal 6(d) bertujuan meminda Seksyen 39 Akta tersebut iaitu mengenai bayaran bonus yang dibayar kepada seseorang pekerja. Mulai tahun taksiran 1989, bayaran bonus dihadkan kepada \$2,000 atau dua bulan gaji yang boleh ditambah tidak melebihi dua kali ganda peratus kenaikan keuntungan bersih mengikuti yang mana lebih tinggi.

Fasal 6(g) bertujuan untuk memasukkan dua perenggan baru iaitu perenggan (1) dan (m) ke dalam seksyen 39. Perenggan (1) menyatakan perbelanjaan keraian termasuk elaun keraian tidak dibenarkan sebagai potongan kepada majikan melainkan beberapa kategori perbelanjaan keraian. Perenggan (m) pula menyatakan kos tambang percuma kepada pekerja tidak dibenarkan sebagai potongan kepada majikan.

Fasal 9 bertujuan meminda Seksyen 108 Akta di mana dividen yang diterima oleh pemegang-pemegang syer dalam tahun 1988 akan disifatkan telah menanggung cukai pada peringkat puncanya sebanyak 35%. Perbezaan di antara cukai yang sebenarnya dipotong iaitu sebanyak 40% dan cukai yang disifatkan yang telah dipotong sebanyak 35% itu akan dibawa ke depan sebagai bakian kredit kepada syarikat yang membayar dividen itu.

Fasal 10 menetapkan bahawa amaun cukai yang disifatkan telah dipotong sebanyak 35% itu akan dibenarkan sebagai kredit kepada pemegang syer.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 bertujuan meminda Bahagian I, Jadual 1 kepada Akta di mana bagi tahun taksiran 1989 kadar cukai bagi syarikat individu bukan pemastautin, badan-badan amanah, wasi-wasi dan penerima-penerimanya dikurang daripada 40% kepada 35%.

Fasal 12 adalah bertujuan memasukkan Jadual baru 4A ke dalam Akta untuk membenarkan seseorang yang menjalankan projek pertanian yang diluluskan membuat pilihan supaya perbelanjaan modal untuk projek pertanian berkenaan dibenarkan dipotong daripada pendapatan agregatnya termasuk daripada sumber-sumber lain.

Fasal 13 bertujuan meminda berenggan 13 Jadual 6 kepada Akta yang mana menghendaki Institusi Khairat memohon kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi mendapatkan pengetahuan cukai. Selain dari itu Institusi Khairat hendaklah membelanjakan bagi sesuatu tahun tidak kurang daripada 70% pendapatan tahun lalunya semata-mata untuk tujuan khairat di Malaysia.

Fasal 14 bertujuan meminda Jadual 7 kepada Akta untuk menaikkan elaun pelaburan, semula daripada 25% kepada 40% mulai tahun taksiran 1989. Bagi syarikat-syarikat kecil elaun pelaburan semula diberikan sebanyak 50% mulai daripada Tahun Taksiran 1990. Galakan ini tidak akan diberi kepada syarikat-syarikat yang menuntut pengurangan pendapatan tahunan sebanyak 5% di atas pembelian daripada syarikat-syarikat kecil di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Bab III adalah berkenaan pindaan kepada Akta Petroleum iaitu cukai pendapatan 1967 dan Fasal 16 bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memberi takrif baru orang yang boleh dikenakan cukai atau chargeable person. Peruntukan mengenai perubahan anggota-anggota perkongsian dan takrif bagi keraian atau entertainment, dengan izin. Mengikut takrif baru orang yang boleh dikenakan cukai iaitu cukai akan ditaksirkan mengikut setiap satu perjanjian.

Fasal 17 menetapkan bahawa pendapatan yang boleh dikenakan cukai selain daripada Petroleum National Berhad (PERNAS) akan ditentukan dengan merujuk kepada setiap satu perjanjian.

Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 10 Akta di mana mulai Tahun Taksiran 1989, nilai pasaran bagi petroleum yang boleh dikenakan cukai yang dihantar serah ke logi pemerosesan gas disifatkan sebagai

pendapatan kasar seseorang yang boleh dikenakan cukai. Pindaan kepada seksyen 18, Akta di dalam Fasal 20 telahpun memperuntukan had potongan bayaran bonos yang tidak membenarkan apa-apa potongan berkenaan dengan perbelanjaan keraian serta tambang cuti peruntukan kepada seorang pekerja.

Fasal 21 bertujuan meminda Jadual 1 kepada Akta di mana elaun tahunan minimum bagi perbelanjaan mencarigali dinaikkan daripada 5% kepada 15% mulai Tahun Taksiran 1989.

Fasal 22 pula bertujuan meminda Jadual 2 kepada Akta untuk menaikkan kadar elaun tahunan perbelanjaan logi yang layak bagi secondary recovery daripada 6% kepada 10%,

Tuan Yang di-Partua, Bab IV kepada Rang Undang-undang mengandungi pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976.

Fasal 24 bertujuan memasukkan perenggan baru 34A di dalam Jadual 2 kepada Akta. Pindaan ini bertujuan untuk memastikan bahawa orang-orang perseorangan tidak menggunakan syarikat untuk memperolehi tanah dan kemudiannya melupuskan syernya dalam syarikat berkenaan untuk mengelakkan daripada membayar cukai keuntungan hartanah. Pindaan ini diperuntukan bagi syarikat-syarikat terkawal yang memegang hartanah sebagai aset utama sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Keuntungan daripada pelupusan syer-syer syarikat-syarikat yang sedemikian akan dikenakan cukai keuntungan hartanah.

Fasal 25 (a) bertujuan meminda perenggan 4 Jadual 3 kepada Akta untuk membolehkan orang perseorangan memilih untuk mendapatkan

pegecualian sekiranya harta ini diduduki atau diperakui layak diduduki sebagai tempat kediaman.

Fasal 25(b) pula bertujuan meminda perenggan 12 Jadual 3 untuk memperjelaskan kaedah pengiraan bahagian keuntungan daripada jualan sesuatu bangunan yang sebahagiannya diduduki sebagai tempat kediaman sekiranya pemunya memilih untuk mendapatkan pegecualian.

Bab V Rang Undang-undang memperkenakan Fasal 26 mengenai pemansuhan Akta Cukai Pindahan Syer, (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984. Fasal ini juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mengambil tindakan menaksir dan mengutip cukai pindahan syer yang pada tarikh pemansuhan masih kena ditaksir ataupun dibayar.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Kasitah bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 dan untuk memansuhkan Akta Cukai Pindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 dibuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Nawawi.

8.07 mlm.

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 dan untuk memansuhkan Akta Cukai

Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Isnin yang lalu kita telah meluluskan Rang Undang-undang. Perbekalan iaitu cadangan-cadangan yang Kerajaan hendak belanjakan dalam tahun yang akan datang. Hari ini kita pula membahaskan cara-cara Kerajaan hendak membiayai perbelanjaan itu atau sebahagian daripadanya.

Setahu saya tidak ada satu orang atau satu badan atau satu organisasi pun dalam dunia ini melainkan sesebuah Kerajaan yang menetapkan dahulu belanja, kemudian menetapkan bagaimana orang lain akan bayar belanja **itu**, Alangkah baiknya kalau kita semua boleh buat semacam itu. Ini adalah kelebihan Kerajaan. Tetapi walau bagaimanapun ada hadnya kalau ghairah sangat belanja dahulu, belakang kira, macam mana pun akhirnya kita sebagai rakyat yang membayar cukai, kita jugalah yang akan menanggung beban. Itulah yang terjadi di tahun-tahun yang terdahulu. Itulah sebabnya langkah-langkah pentadbiran sekarang di bawah kepimpinan Menteri Kewangan Dato' Daim Zainuddin, langkah berjimat cermat di tahun-tahun kebelakangan ini dan yang diteruskan sekarang dan yang menekankan kepada produktiviti, dengan izin, value for money, semuanya ini sesungguhnya dan seharusnya diberi setinggi-tinggi penghargaan oleh Dewan ini dan oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah semua Kerajaan bukan sahaja Kerajaan kita, ialah bagaimana mengimbangkan hasilnya terutamanya dari cukai ke atas rakyat dengan perbelanjaan yang diperlukan kerana cuba memenuhi hasrat rakyat. Masalah yang besar ialah satu itu terhad dan yang lagi satu itu tidak terhad. Kemampuan rakyat atau kerelaan rakyat membayar cukai ada batasannya, sebaliknya kemahuan dan hasrat rakyat untuk berbagai kemudahan, berbagai perkhidmatan dan berbagai manfaat tidak ada batasan.

Inilah masalah pokok Kerajaan bagaimana mengimbangkan kedua-dua ini, tambahan pula dalam negara kita ini negara majmuk, berbilang kaum, masing-masing kaum dengan persepsi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengenakan cukai kepada rakyat pula Kerajaan terikat dengan prinsip-prinsip yang tertentu, melainkan Kerajaan zalim, Prinsip-prinsip yang tertentu yang terutama di antaranya, dengan izin, 'equality' atau samarata, prinsip jelas dan tentu, prinsip pungutan ekonomi iaitu dengan kos yang munasabah, prinsip tidak ada pilih kasih dalam mengena dan memungut cukai. Saya sebut semua ini kerana kita perlu memahami -masalah Kerajaan dalam mendapatkan wang membiayai segala perbelanjaan, sambil kita mengukur cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan dalam Rang Undang-undang di hadapan kita mengikut prinsip-prinsip yang saya-sebut tadi.

Prinsip 'equality', dengan izin. Di antara pecahan prinsip 'equality' ini ialah cukai kepala atau per kapita, cukai proportion-al, cukai progresif dan cukai regresif. Saya kira umum bersetuju bahawa prinsip progresif inilah yang terbaik sekali kerana kesannya secara umum ialah yang lebih mampu kena lebih cukai, yang miskin kurang kena bayar cukai dan cukai pendapatan yang tersebut dalam Bab II fasal 3 sehingga 14 dan Bab 3 Fasal 13 hingga 22 dalam Rang Undang-undang ini adalah contoh utama prinsip progresif tadi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, prinsip inipun walau bagaimana baik dari segi idealismenya, ada hadnya dari segi praktiknya kerana bila sampai kepada satu tahap, kalau terlalu tinggi kadar cukai maka kesannya akan menjadi negatif iaitu, dengan izin, 'disincentive' kepada kesediaan rakyat bekerja kuat. Maklumlah apa guna teruk-teruk kerja kalau Kerajaan ambil terlalu banyak daripada hasil

usaha-usaha itu. Apa guna kita bangunkan perusahaan teruk-teruk kalau Kerajaan ambil terlalu banyak daripada hasil usaha itu.

Saya yakin bahawa Kementerian Kewangan sudahpun membuat kajian mengenai tahap mana kadar cukai pendapatan, yang di peringkat itu tidak lagi menambahkan cukai atau menambahkan hasil yang dipungut seperti kajian yang disebut sebagai 'lever', 'curve' dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini disedari oleh banyak Kerajaan dalam dunia ini. Negara-negara yang dahulunya mengalami kemelesetan keusahawan disebabkan kadar cukai yang begitu tinggi. Itulah juga sebabnya saya sendiri selalu pemimpin sektor ekonomi sudah lama mengesyorkan kepada Kerajaan supaya diturunkan cukai pendapatan. Cadangan penurunan ini, alhamdulillah, diterima oleh Menteri Kewangan dan dilaksanakan melalui Fasal 11 yang menurunkan kadar cukai pendapatan daripada 40% hingga ke 35%. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan telah mengumumkan juga pemansuhan berperingkat-peringkat mulai tahun taksiran 1990 cukai pembangunan yang sekarang ini di tahap 5%. Saya telah baca Rang Undang-undang ini dengan teliti, sudah habis saya baca, saya balik kepada permulaannya dan saya cuba perhatikan di bawah Bab II, Fasal 3(2) yang berkata: "Seksyen 14(b) dan (e) hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1990 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya." Maka saya pun cuba oleh kerana Menteri Kewangan telah menjanjikan pemansuhan cukai pembangunan mulai 1990, saya cuba lihat di bawah 14(3), tetapi sama ada saya tak faham kerana naskhah ini sahinya bahasa Inggeris atau kerana memang tak ada, tetapi saya tak jumpa. Puas saya cari, Tuan Yang di-Pertua, saya tak jumpa pindaan yang jelas yang mengatakan bahawa cukai pembangunan diturunkan mulai 1990

seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan. Dalam penjelasan oleh Timbalan Menteri pun atau yang tertulis dalam Rang Undang-undang ini tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada sebab-sebab tertentu atau mungkin tertinggal, ini perkara biasa. Kadang-kadang Menteri jawab, ini sebab hanya akan berkuatkuasa tahun 1990. Jadi sebelum dia jawab **itu**, itu sebab saya sebut tadi Rang Undang-undang ini sendiri telah menyebutkan bahawa seksyen 14(b) and (e), dengan izin, "shall have effect in the assessment year 1990". Maknanya semualah pindaan yang bermula pada tahun 1990 seharusnya saya dapati dalam Rang Undang-undang **ini**, tetapi tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan kita telah timbulkan cerita cukai pembangunan, saya terpaksa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mengulangi perkara-perkara yang saya bangkitkan dalam ucapan saya minggu sudah semasa kita membahaskan Belanjawan, kerana dalam ucapan menggulung oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan langsung tidak menyentuh perkara pokok ataupun yang saya kira pokok yang saya bangkitkan dalam ucapan **itu**. Saya yakin ini bukan kerana beliau tak mengindahkan apa yang saya timbulkan, ada juga kadang-kadang, dengan izin, 'is not that I didn't hear you but I am ignoriag you'. Saya yakin ini bukan kedudukannya. Tetapi, saya yakin ini kerana. Yang Berhormat Timbalan. Menteri tak sedar bahawa saya telah membuat ucapan kerana saya telah berjumpa beliau dan beliau berkata agaknya saya ingin jadi pemerhati sahaja kali **ini**. Yang sebenarnya saya telah membuat ucapan, tetapi masa saya membuat ucapan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada dalam Dewan ini dan agaknya wakil-wakil Kementerian pun sudah pulang kerana sudah pukul hampir 10.30 malam. Jadi terpaksa saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mengulangi pendek sahaja apa yang saya sebut pada masa itu. Yang anehnya ucapan saya telah dipetik oleh Menteri lain, dalam konteks lain, menjawab yang sebenarnya petikan daripada ucapan saya. Ini yang saya sebut dalam ucapan saya itu.

Dalam hal ini saya hendak menegaskan dua prinsip yang seharusnya dipegang: satu, mengelakkan daripada pengkuatkuasaan sesuatu cukai balik ke belakang, dengan izin, retrospective effect, dan kedua, kesaksamaan. Kalau kita perhatian, Yang Berhormat Menteri Kewangan berpegang kepada prinsip pertama tadi dengan menetapkan cadangan-cadangan berkuatkuasa umpamanya mulai dari hari Belanjawan, mulai dari 1hb Januari, 1989 dan sebagainya.

Dalam dua perkara iaitu perbelanjaan keraian dan tambang percuma untuk pekerja-pekerja yang sekarang tidak dibenar ditolak dari kiraan pendapatan yang dikenakan cukai, tarikh kuatkuasaannya adalah tahun taksiran 1989. Oleh sebab yang agak teknikal dan tidak perlu saya huraikan di sini, walaupun pada zahirnya nampaknya sebagai tidak retrospective, pada hakikatnya kesannya adalah, dengan lain, retrospective, disebabkan tahun tafsiran berbeza dengan tahun kewangan. Saya telah kemukakan hal ini dalam soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan dalam perjumpaan di Kementerian baru-baru ini. Jawapannya ialah tanya, dengan izin, satu 'package', maknanya penurunan kadar cukai syarikat 35% perlulah diambil kira bersama. Malangnya 'package' ini tidak sama kepada semua perniagaan, kerana banyak juga perniagaan yang bukan berbentuk syarikat, tetapi firma ataupun perseorangan. Ini menyentuh prinsip kedua iaitu kesaksamaan. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi perhatian kepada perkara ini.

Saya sambung, saya juga telah mengemukakan soalan mengenai cukai pembangunan yang tidak dimansuhkan terhadap perniagaan firma yang bukan syarikat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan,

bukan yang ada dalam Dewan ini, menjawab bahawa tidak timbul ketidaksamaan. Pada pendapat saya dengan congak yang mudah kita boleh menunjukkan bahawa kesan yang berlainan akan jelas jika dibandingkan dua pembayar cukai dengan pendapatan yang sama, semua angka-angka yang sama, tetapi seorang daripadanya menerima sebagai pemegang saham dan seorang lagi bukan. Saya harap Kementerian akan menyemak semula hal ini.

Itu yang saya sebut pada hari itu. Saya bawa soal prinsip-prinsip, prinsip kesaksamaan iaitu sebahagian daripada prinsip utama 'equality' tadi. Jawapan Timbalan Menteri terhadap soalan yang saya kemukakan pada hari itu sungguh mengecewakan, bukan kerana saya tidak setuju dengan pendapat beliau tetapi dengan cara jawapan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang jawapan-jawapan kepada soalan-soalan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan Menteri-Timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen. Yang Berhormat saudara Azman Atar telah mendapat liputan yang luas pagi ini di dalam akhbar-akhbar berkaitan dengan ucapan beliau semalam, Saya yang sebenarnya tidak bermaksud menyertai pendapat beliau itu kerana sayapun memahami kedudukan Yang Berhormat Menteri-Menteri, Timbalan Menteri-Timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen, tambahan pula dalam musim cuti ini. Kepada saya yang pentingnya bukan siapa yang menjawab, tetapi mutu jawapan itu. Saya simpati juga dengan Menteri-menteri kalau mereka berhadapan dengan soalan-soalan yang terkeluar daripada soalan-soalan asal atau yang memerlukan notis, memang sukar untuk menjawab dengan jelas dari tepat dan dengan izin, a smart alec question may deserve

a smart Alec answer. Tetapi soalan-soalan serius yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah jelas membuat kajiselidik dengan teliti, seharusnya Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen memberi perhatian yang serius juga.

Beginilah, Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan saranan saya dalam ucapan saya dahulu supaya kita menekankan yang positif daripada yang negatif, saya syorkan supaya kita Ahli-ahli Dewan yang mulia ini buat penilaian tiap-tiap Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita beri point dengan harapan bahawa ini akan menggalakan prestasi yang lebih baik - manalah tahu kalau kita laporkan point yang tinggi-tinggi itu, mungkin mereka naik pangkat pun.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada Rang Undang-undang tadi, saya sekali lagi menegaskan bahawa hal yang saya bangkitkan itu ialah prinsip, bukan ada kepentingan apa-apa, tetapi prinsip equality, khususnya kesaksamaan antara pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu mengimbangkan cukai dengan kehendak rakyat seperti yang saya sebutkan tadi dan prinsip yang terbaik yang saya sebutkan tadi ialah kalau boleh kita mengenakan cukai yang progresif sahaja. Tetapi kalau progresif sangat pun akibatnya ekonomi akan jatuh dan semua orang akan rugi juga. Oleh itu kita perlu menurunkan cukai langsung dan kita kena cari punca yang lain. Masalah yang sebenarnya ialah asas cukai kita tidak begitu luas di negara kita ini, dan kalau kita dapat memperluaskannya maka beban cukai kepada semua kita yang membayar cukai akan

berkurangan. Oleh itu saya sangat mengalu-alukan usaha-usaha oleh Kementerian Kewangan untuk meluaskan asas cukai ataupun, dengan izin, tax base.

Pengumuman Menteri Kewangan memperkenalkan cukai baru iaitu "value-added tax", dengan izin, ialah, salah satu usaha terhadap objektif ini. Kita semua tahu bahawa "value-added tax" ini, dengan izin, adalah salah satu cukai yang tidak langsung atau indirect tax, dengan izin. Salah satu sifat cukai tidak langsung atau indirect tax ini ialah ianya lebih luas dan menyeluruh dan sebenarnya orang ramai pun tidak sedar dia bayar cukai kerana dia fikir ini sebahagian daripada harga barang. Cukai tidak langsung ini juga dapat mengimbangkan dengan cukai langsung yang progresif, kalau tidak kita terpaksa tingkatkan tahap cukai langsung atau direct tax tadi sehingga menghasilkan disincentives.

Cukai tidak langsung ini sebenarnya tidak ada sangat kesan disincentive terhadap semangat berusaha. Oleh itu ada banyak sebab mengapa cukai tidak langsung ini munasabah dikenakan bagi kepentingan ekonomi keseluruhannya dengan syarat asalkan kadar cukai itu munasabah supaya barang-barang dan perkhidmatan tidak sehingga di luar pencapaian rakyat biasa. Kita sedar bahawa cukai tidak langsung ini juga mempunyai unsur regressive, dengan izin, iaitu kesannya lebih berat kepada yang miskin daripada yang kaya dan hampir semua cukai tidak langsung sedikit sebanyak mirip kepada keinflasian atau inflationary trend, dengan izin.

'Value Added Tax', dengan izin, tergulung dalam cukai tidak langsung ini.

Saya sokong diperluaskan asas cukai (the tax base) dan saya sokong cukai tidak langsung sebagai satu perkara yang perlu dibuat dan 'Value Added Tax' inipun harus dipertimbangkan. Hanya setakat saya hendak menyuarkan peringatan bahawa pelaksanaan perlu kajian yang amat teliti terlebih dahulu. Mahu tak mahu inflasi akan timbul sedikit sebanyak, berdasarkan bukan sahaja teori ekonomi tetapi pengalaman negara-negara yang telah memperkenalkan cukai ini khususnya negara Eropah atau EEC,

Tuan Yang di-Pertua, negara Jepun selepas 10 tahun merancang dan berdebat mengenai cukai tidak langsung ini sampai pada satu ketika hampir tumbang Kerajaan pentadbiran yang ada pada masa itu kerana mengemukakan cadangan cukai baru iaitu cukai jualan.

Tujuannya sangat baik iaitu memperluaskan 'tax base' dan kerana keadaan di Jepun adalah yang membayar cukai pendapatannya keseluruhannya ialah apa yang disebutkan 'salaried man' ataupun orang yang makan gaji, yang lain ini semua lari cukai kalau boleh. Jadi tax basenya yang orang itu sahajalah kebanyakannya. Akhirnya Kerajaan Jepun terpaksa juga memperkenalkan cukai yang tidak langsung seperti cukai jualan.

Hanya saya perlu sebut, yang perlu dibuat persediaan yang sangat teliti supaya tidak membebankan sangat rakyat khususnya rakyat yang berpendapatan rendah supaya kita mengelakkan daripada banyak sangat, dengan izin, evasion dan supaya kita mengelakkan jangan terlalu tinggi sangat kos mengutip cukai ini.

Di sini saya ingin sentuh satu lagi jenis cukai yang tidak ada dalam Rang Undang-undang ini malahan tidak ada dalam mana-mana undang-undang, iaitu satu cukai yang tersembunyi, Tuan Yang di-Pertua. Cukai yang tersembunyi inilah dinamakan inflasi. Kesan inflasi ini adalah kepada semua rakyat tetapi yang lebih teruk sekali ialah khususnya kepada rakyat luar bandar. Ini benar. Jadi kita perlu berjaga-jaga, jangan timbulkan cukai tersembunyi ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada lebih 300,000 kakitangan Kerajaan yang mendapat tunggakan gaji daripada bulan Oktober - \$80 juta, dan ini akan memasukkan di dalam akaun ini wang tunai sebanyak \$80 juta dan saya ingih memperingatkan ini akan ada kesannya kepada rakyat khususnya di luar bandar dan sedikit sebanyak akan meninggikan inflasi.

Selain daripada cadangan memperluaskan tax base seperti saya sebutkan tadi yang dibuat oleh Kerajaan yang kita alu-alukan, saya sungguh-sungguh menyokong segala penekanan terhadap menutup segala lubang-lubang yang sekarang ini terdapat sama ada melalui penyeludupan dan sebagainya. Kita harus memberi sokongan penuh kepada Kerajaan dalam usaha ini kerana ini dengan sendirinya kalau berjaya akan meluaskan 'tax base' kita. Saya juga menyokong penuh segala usaha mengenalpasti dan mengenakan cukai terhadap perusahaan-perusahaan yang biasanya tidak kena cukai, iaitu industri-industri yang dalam ekonomi bawah tanah, atau 'subterranean economy' ataupun 'underground econoray'. Ini usaha-usaha yang gigih perlu dijalankan untuk mengait mereka itu masuk ke dalam 'tax base' yang kita hendak perluaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan bahawa antara pembayar cukai dengan pemungut cukai ini hendaklah kita pupuk satu suasana dan perhubungan yang baik. Janganlah menjadi satu jalan sehalu sahaja, 'one-way street'. Ini menyentuh jugalah prinsip kesaksamaan. Kalau kita lambat bayar cukai, kita diambil tindakan, kena denda macam-macam. Kalau pembayar cukai telah dilebih taksir dan telah membayar lebih daripada taksiran yang selalu terdapat mereka tidak dibayar kembali cukai yang telah dibayar lebih itu, sampai bertahun-tahun. Saya boleh contohkan banyak yang telah memberi contoh. Jabatan mengaku bahawa mereka telah ditaksirkan lebih, tetapi apabila diminta bayar, dia kata dia akan tolak, potong cukai akan datang. Ini tidak saksama, kalau masa hendak ambil cukai mesti dibayar masa itu juga, bila kawan itu telah bayar lebih, bayarlah masa itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, isu bayar lambat **ini**, saya terkeluar sedikitlah, tetapi ini dalam Kementerian Kewangan juga, bolehlah. Kerajaan saya sedar bahawa telah mengambil khususnya dari gesaan-gesaan saya sendiri, telah mengambil banyak daya-usaha untuk mempercepatkan bayaran kepada orang-orang yang berniaga dengan Kerajaan. Kadang-kadang ada juga kesannya tetapi lama-lama sedikit, dia balik kepada masalah asal. Saya ingin memberitahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa masalah bayaran lambat ini masih lagi berlaku pada hari ini sehingga menjejaskan perniagaan mereka yang berniaga dengan Kerajaan. Yang sebenarnya mereka kalau ada untung sedikit pun, habis membayar kepada bank sahajalah, kerana 'cash flow' mereka diganggu oleh kelewatan pembayaran **ini**. Saya boleh beri contoh, hari **ini**, beberapa orang peniaga bumiputera yang memang jatuh kerana kelewatan pembayaran ini. Jadi, sebagai prinsipnya saya harap Kerajaan akan terus mengambil tindakan membantu menyelesaikan

masalah **ini**. Saya sedar bahawa bukan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang bersalah dalam hal ini, bukan polisi Kerajaan tetapi pelaksanaan Kerajaan. Saya diberitahu oleh beberapa ahli perniagaan yang mereka pada hitung panjang selagi tidak empat kali menunggak kepada Jabatan-jabatan berkenaan, tidak dapat dibayar dan tiap-tiap kali menunggak itu, dengan izin, kena bawa 'buah tangan'. Saya.....

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Menapak ke Pejabat Kerajaan, naik ke Pejabat Kerajaan, begitu.

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Azman Atar bin Othman: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Maksud 'buah tangan' tadi apa sebenarnya?

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Sama-sama faham. Kerajaan....

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat ingin menuduh bahawa tiap-tiap kali hendak pembayaran itu, tiap-tiap kali dia ada korupsi? Adakah ini satu tuduhan yang melulu ataupun satu tuduhan yang spesifik?

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Terima kasih. Saya tidak menuduh semua. Saya sebut dalam ucapan saya dahulu lagi, saya telah menyebut bahawa tidak seharusnya pemimpin-pemimpin menuduh pegawai-pegawai Kerajaan dengan melulu, tetapi lebih baik Yang Berhormat baca ucapan saya, saya telah menyebut bahawa ini satu masalah yang benar yang menjejaskan prestasi dan imej pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya telah menyebut bahawa seharusnya kita tidak mengutarakan yang buruk daripada yang baik, seharusnya kita patut memberi pandangan yang besar, yang baik.....

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Penjelasan!

Dr Nawawi bin Mat Awin: Sila.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali naik, tiap-tiap kali kena bawa buah tangan, itu yang saya hendak minta penjesalan tadi ini.

Dr Nawawi bin Mat Awin: Saya akan beri penjelasan. Tetapi saya hendak jelas dahulu bahawa saya telah membuat pendirian bahawa kepada saya pegawai-pegawai Kerajaan keseluruhannya adalah orang-orang yang membuat kerja dengan baik, tetapi ada kes-kes yang saya sebut tadi, saya kata saya boleh contohkan bahawa masih terdapat ahli-ahli yang melapor kepada saya bahawa pada hitung panjang sampai 3-4 kali mereka kena menonggak ke Pejabat Kerajaan baru dapat bayaran, itu pun kata mereka kena bawa buah tangan, itu sahaja saya cakap, setakat itu sahaja dan tidak bermakna ini saya menduduh kepada semua pegawai Kerajaan, saya hanya melaporkan apa yang disebut oleh saudagar yang berkenaan.

Kalau boleh izinkan saya meneruskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sila.

Dr Nawawi bin Mat Awin: Dalam ucapan saya dahulu saya telah menyebut bahawa satu kejayaan bumiputera iaitu mencapai 30% ialah mencapai kebangkrapan. Ramai ahli-ahli peniaga Melayu seperti yang

disebut oleh Ahli Yang Berhormat Saudara Hassan Harun tadi bukan sahaja di Kelantan, tetapi di banyak tempat lain menghadapi kerana kemelesetan ekonomi. Maka usaha-usaha telah dibuat untuk menyelamatkan mereka ini dari segi kepentingan negara, Oleh itu saya merayulah kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya sambil kita mencuba menyelamatkan mereka ini melalui usaha-usaha dengan bank dan institusi kewangan saya harap mereka akan bertolak-ansurdengan tidak menekankan pula, tidak bermakna kalau kita dapat selesaikan dengan institusi-institusi kewangan ini, kalau mereka pula diheret ke mahkamah dibankrapkan melalui tindakan mengenai cukai, kerana kalau kita berjaya menyelamatkan mereka ini, hasilnya adalah mereka akan dapat membayar balik bukan sahaja hutang kepada bank-bank itu tetapi juga kepada Jabatan. Hasil Dalam Negeri.

Sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membuat-penjelasan kerana banyak disebutkan akhir-akhir ini mengenai hutang Kerajaan.

Yang sebenarnya, hutang Kerajaan bukan semestinya tidak baik, yang penting bukan beberapa banyak hutang, yang penting apa yang kita buat dengan hutang itu. Kalau kita berhutang hanya, contohnya, membayar elaun dan pencen bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini umpamanya, itu saya ingattidak wajar, walaupun kita sukalah juga. Tetapi kalau seperti di Korea, satu negara yang tahap hutangnya begitu tinggi sekali pada satu masa yang tertinggi dalam dunia kalau tidak salah saya, mereka telah menggunakan hutang ini dengan begitu produktif sekali meningkatkan industrinya sehinggalah mengikut Menteri Kewangan yang saya jumpa baru-baru ini, kata beliau

akan dapat membayar balik semua hutangnya mungkin tahun hadapan.

Ada lagi satu soal prinsip Tuan Yang di-Pertua, yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi ini bukan prinsip yang saya bangkitkan, Tetapi kerana ini penting iaitu soal kaitan bayaran mengenai dengan hak dan bantuan Kerajaan yang dibangkitkan dalam ucapan salah seorang Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan atas Ucapan Belanjawan.

Yang sebenarnya ini hanya bayangan perkara yang selalu kita dengar dan selalu kita baca dalam Majalah-majalah khususnya Majalah Luar Negeri, yang mengutarakan bahawa suatu kaum tertentu membayar cukai yang banyak dalam negara ini tetapi kaum bumiputera yang mendapat segala manfaatnya. Ini bukanlah tujuan saya hendak mengambilalih tugas atau peranan Menteri menjawab, hanya setakat memberi pandangan saya sendiri, kerana saya kira prinsip yang dibangkitkan ini penting supaya jangan lagi diteruskan, jangan lagi diperbesarkan.

Pandangan saya tidak ada negara dalam dunia ini yang mengaitkan pembayaran cukai untuk seseorang atau sesuatu kumpulan dengan manfaat kepadanya atau kepada kumpulannya, kerana prinsip utama cukai dalam mana-mana negara ialah kemampuan seseorang individu membayar, tak kira individu itu siapa, tidak kira bangsa, warna atau keturunan, kalau seseorang itu membayar cukai lebih daripada orang lain, bermakna dia sudah sampai ke tahap pendapatan yang tinggi daripada orang lain. Kalau sesuatu kaum keseluruhannya ramai yang membayar cukai yang tinggi daripada kaum yang lain, maknanya ramai daripada kalangan kaum itu yang sudah sampai ke tahap yang tinggi dari segi pendapatannya. Kaum bumiputera pun ada juga bayar cukai,

kebanyakan tidak dapat lari cukai ialah kaum bumiputera kerana banyaknya pegawai kerajaan dan pekerja-pekerja dan mereka membayar cukai bukan kerana mereka bumiputera tetapi kerana mereka telah mencapai satu pendapatan yang tertentu yang kena cukai. Satu hari, insya Allah Tuan Yang di-Pertua, ramai orang-orang bumiputera yang akan membayar cukai yang tinggi dalam negara kita **ini**, menunjukkan mereka telah mencapai kejayaan yang kita harap-harapkan, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sila Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

8.48 mlm.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan, Yang di-Pertua, pendek sahaja saya hendak bercakap, selalupun saya bercakap pendek.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Yalah, Yang Berhormat pun pendek juga [Ketawa] Sila Yang Berhormat teruskan.

Tuan Haji Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin . kepda saya untuk menyokong dan seterusnya membahas secara, ringkas di atas Rang Undang-undang yang bernama Akta Kewangan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk berdoa moga-moga Tuan Yang di-Pertua sentiasa di dalam sihat walafiat selepas persaraan, sekiranya benar akan bersara kelak, dan inginlah saya sebut di **sini** rasa kekosongan kami semua selepas persaraan Tuan Yang di-Pertua itu, bagaimanapun percayalah bahawa kami semua tidak akan lupa wajah ketokohan dalam dan luar Dewan ini

yang ditunjukkan oleh Tuan Yang di-Pertua dan percayalah [Ketawa]
Tuan Yang di-Pertua akan sentiasa di dalam ingatan kami sehingga
akhir hayat kami.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Massom: Ini masuk dalam Akta
Kewangan atau tidak? [Ketawa]

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Preamble, introduksi.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Massom: Sila!

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, balik kepada
Rang Undang-undang ini, inginlah saya sentuh hanya dua perkara, yang
pertama, entertainment allowance yang tidak boleh lagi dituntut
sebagai expense dalam profit and loss kecuali untuk kepentingan
pekerja-pekerja.

Saya sangat bersetuju dengan cadangan ini, oleh sebab memang menjadi kelaziman syarikat-syarikat untuk mengelak dari membayar cukai pendapatan mengguna tuntutan entertainment expense sebagai shield. Banyak perbelanjaan yang termasuk dalam item ini sebagai not accounted for, oleh sebab belanja-belanja yang sulit-sulit untuk orang-orang tertentu atau pelanggan-pelanggan tertentu atau principle-principle ataupun potential-potential tertentu sebagai marketing cost, bukan sebagai commission. Unsur-unsur penipuan dan manipulasi keuntungan, ini adalah termasuk dalam item ini hinggan syarikat dianggap sebagai rugi dan terlepas dari membayar cukai. Kerajaan tertipu dengan kegiatan ini tetapi Alhamdulillah sekarang, Kerajaan telahpun sedar dan akan mengambil tindakan melalui kelulusan, Rang, Undang-undang ini. Dan diharap Kerajaan, akan mendapat tambahan cukai pendapatan dari kelulusan Rang Undang-undang ini.

Yang keduanya, mengenai penurunan cukai import terhadap setengah-setengah barang, saya ingin tempoh dua kumpulan barang, iaitu kumpulan-kumpulan, yang pertamanya wooden furniture. Di dalam penyata ini mukasurat 64 dan 67 disebut wooden furniture of a kind jused in offices, wooden furniture of a kind used in the kitchen, wooden furniture of a kind used in bedroom, other wooden furniture, yang cukainya telah diturun daripada 55% kepada 40%, dan Kerajaan hendak menggalakkan supaya menggunakan perabut tempatan, menggunakan kayu tropika, Kerajaan juga turunkan cukai import terhadap perabut

kayu. Ini saya tidak faham, saya minta penjelasan mengenai hal ini daripada pihak Menteri.

Yang keduanya, penurunan cukai import pineapple juice. Mukasurat 71 di sini, daripada 105% kepada 55% sedangkan perusahaan nenas kita masih tenat kerana persaingan dari pengusaha negara lain. Hal inipun saya tidak faham, saya mohon minta penjelasan juga dalam hal ini daripada Menteri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal lain saya bersetuju dan sanjung di atas tindakan Kerajaan itu terutama demi kepentingan pengusaha-pengusaha kecil, rakyat jelata dan disektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya sokong di atas Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Kewangan ini. Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

8.55mlm.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Pertama, saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat Dr. Nawawi bahawa ucapan beliau yang sudah tidak dijawab secara khusus, walaupun saya pada ketika itu tidak ada di dalam Dewan semasa beliau memberi ucapan, tetapi ucapan beliau telah dicatat dalam Hansard dan telahpun kita teliti semua ucapan-ucapan yang telah dibuat. Oleh

kerana itu kita telahpun memberi jawapan. secara umum tetapi mungkin tidak menyentuh secara terperinci atau secara spesifik. Mungkin Yang Berhormat terasa kecil hati sedikit, sebab mungkin saya tidak sebut nama Yang Berhormat semasa saya mengulung ucapan saya.

Dr. Nawawi bin Haji Awin: [Bangun]

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia minta jalan.

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Minta tarik balik, kerana macam mana Yang Berhormat tahu saya kecil hati, yang sebenarnya saya tidak kecil hati.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya kata mungkin.

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Saya telah sebut, saya tidak kecil hati.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Baiklah, kalau Yang Berhormat mahu saya menarik balik - perkataan, itu, bukan unparliamentary. Sebenarnya perkataan itu ialah bukan perkataan yang menimbulkan di bawah Seksyen 35(9). Tetapi hanya sekadar mengatakan kalau sekiranya kecil hati, saya meminta maaf.

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya tidak habis ayat itu lagi. Walau bagaimanapun di dalam ucapan Dr. Nawawi, beliau telahpun menyatakan bahawa Kerajaan telah membuat dasar dahulu, kemudian diikuti dengan cara implementasi. Saya ingat ini ialah caranya kita membuat Rang Undang-undang tersebut. Kerajaan menentukan perbelanjaan dan kemudian mencari punca-punca, katanya. Sebenarnya di dalam menentukan Belanjawan kita telahpun menentukan punca-punca kewangan terlebih dahulu dan meramalkan hasil yang akan

dikutip dan kemudian mengagih-agihkannya untuk perbelanjaan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa sebelum sesuatu Belanjawan dibentangkan, Kementerian Kewangan akan membuat anggaran hasil yang akan diterima, Dan jika sekiranya kita meneliti ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21hb Oktober yang lepas beliau telah menyatakan, salah satu daripada strategi Belanjawan tersebut ialah mengadakan satu reformasi cukai ataupun sistem reformasi percukaian. Dan oleh kerana itulah maka kita telahpun mencadangkan beberapa perubahan dan di dalam perubahan-perubahan tersebut didapati ada yang terpaksa dipungut dan ada pula yang diberi. Oleh kerana itulah maka kita telah menyatakan bahawa ini adalah satu package yang patut diperhatikan secara menyeluruh bukan secara isolated.

Saya tidak perlu menuruni dan mencatatkan satu persatu butir-butir yang telah disebut, tetapi memadailah kita mengatakan bahawa tiap-tiap cukai yang kita turun itu, kita akan kehilangan pendapatan dan oleh kerana itu kita terpaksa mencari unsur-unsur pendapatan yang mungkin dikenakan kepada beberapa bahan-bahan yang tertentu seperti cukai jualan dan mungkin pada satu masa nanti kita akan memperkenalkan VAT seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dr. Nawawi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cukai pembangunan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Nawawi yang beliau katakan tidak jumpa dalam Rang Undang-undang ini, Sebenarnya cukai pembangunan hanya akan dihapuskan mulai tahun 1990 maka ia akan dimasukkan di dalam Rang Undang-undang Kewangan tahun yang akan datang dan tidak pada tahun ini. Oleh kerana itulah maka kita hanya memberi satu general statement menyatakan bahawa ia ada kaitan pada tahun 1990. Dan pada tahun hadapan, pada masa perbelanjaan

pembentangan Belanjawan tahun 1990 maka insya Allah Menteri Kewangan akan membuat pengumuman yang sewajarnya.

Yang Berhormat telah juga membangkitkan soal mengenai pengenaan cukai kebelakangan ataupun kesaksamaan berkenaan cukai kebelakangan. Sebenarnya perkara ini telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat, dan jawapan kepada soalan yang dikemukakan telahpun diberi walaupun pihak Kementerian akan menimbang apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dengan lebih teliti.

Yang Berhormat juga telah menyentuh cukai tidak langsung yang mungkin akan mengambil bentuk VAT ataupun tambahan nilai ataupun value added tax yang mana akan mengakibatkan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya inflasi tidak semestinya disebabkan oleh VAT sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam pelaksanaan VAT kajian telahpun dijalankan dan akan dijalankan terus sebelum ianya dilaksanakan. Di dalam kajian ini semua pertimbangan yang baik atau buruknya akan diambil kira. Dan tentu sekali kita akan mencari pendapat-pendapat ataupun meminta pendapat-pendapat daripada beberapa pihak yang berkenaan untuk mencari apakah jalan yang sebaiknya untuk mengimplementasikan cadangan tersebut.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan soal perhubungan di antara pemungut cukai dan pembayar cukai dan soal bayaran balik ataupun remittance cukai yang dibayar secara lebih. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memang sentiasa mencari jalan untuk mewujudkan hubungan baik di antara pembayar cukai dengan pemungut cukai. Mungkin akhir-akhir ini terdapat salah faham sedikit apabila Jabatan Hasil Dalam Negeri mempergiatkan aktiviti mereka untuk mendapat cukai yang pada ketika ini telahpun saya umurkan dalam Dewan ini juga bahawa hanya 5,2% sahaja orang individu yang membayar cukai dan 13% daripada syarikat-syarikat yang membayar cukai. Oleh kerana itulah maka timbul sedikit kegelisahan. Walau bagaimanapun, kita akan sentiasa peka kepada sebarang cadangan dan masalah yang mungkin timbul daripada exercise atauoun aktiviti tersebut. Tetapi soal bayaran cukai yang terlebih adalah lebih baik dan mudah dari segi pentadbiran bahawa bayaran cukai yang lebih itu akan dikreditkan kepada pembayar dan dibayar balik kepada pembayar cukai. Tetapi bagi jumlah bayaran terlebih yang mana jumlahnya besar, kita akan membuat remittance secepat mungkin. Sebenarnya dalam Dewan Rakyat yang lepas kita telahpun meluluskan sebahagian besar wang untuk diremitkan kembali kepada pembayar-pembayar cukai yang telah membayar secara lebih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Nawawi juga telah menimbulkan mengenai tindakan mahkamah diambil oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri yang akhir-akhir ini membawa kepada seseorang itu bankrap. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum satu-satu tindakan mahkamah itu diambil iaitu sebagai satu tindakan yang terakhir, the last resort, beberapa surat peringatan dan amaran telahpun diberi

terlebih dahulu. Tindakan mahkamah seperti yang saya mengatakan akan diambil hanya sekiranya semua peringatan dan amaran yang telah dihantar itu tidak diendahkan langsung oleh seseorang pembayar cukai itu. Jika sekiranya sebarang masalah timbul daripada cara membayar cukai itu oleh kerana seseorang itu menghadapi masalah, saya telahpun menyarankan; banyak kali di dalam Dewan ini dan luar Dewan ini bahawa mereka patutlah datang kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mencadangkan satu rescheduling of payment, dengan izin, supaya dapat dipertimbangkan oleh Jabatan tersebut. Apatah lagi jika sekiranya mereka kurang terima atau kurang yakin bahawa assessment yang dibuat itu tidak tepat, maka mereka patut juga datang kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk disemak semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan orang-orang yang datang ke Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk menyelesaikan masalah telahpun dilayan dengan sewajarnya. Lagipun banyak, daripada kes-kes ini dirujuk bukan sahaja pada pejabat saya, pejabat Menteri dan pejabat Timbalan Menteri lagi satu, tetapi juga kepada pegawai-pegawai yang lain dan kita dapati dan kita telahpun mengarahkan; meminta supaya pegawai-pegawai ini memberi layanan yang sewajarnya menimbang adakah rayuan mereka itu boleh diterima atau tidak. Saya yakin sebahagian besar daripada rayuan-rayuan ini boleh diterima sekiranya mereka datang dan membincang dengan hati terbuka masalah yang mereka hadapi. Jadi, sekiranya mereka tidak endah kepada peringkatan-peringkatan yang telah dihantar itu, maka bukan sahaja, Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mengambil tindakan, bank-bank mana pun akan mengambil tindakan yang serupa. Jadi, saya harap pihak-pihak yang berkenaan ini yang menimbulkan masalah ini bolehlah menasihati orang-orang yang berkenaan ataupun syarikat-syarikat yang

berkenaan untuk datang ke Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk membincang masalah mereka sebelum sesuatu tindakan mahkamah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Nawawi walaupun antara lain Yang Berhormat telahpun mencadangkan supaya diberi 'points' kepada Menteri ataupun Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen semasa menjawab. Saya ucapkan terima kasih kalau sekiranya cadangan ini dapat dijalankan dan kita mungkin ada 'champion' ataupun satu 'trophy' diberi kepada seorang yang dapat points yang tertinggi sekali. Tetapi kita mesti ingat juga kalau kita memberi points kepada orang, orang pula boleh memberi points kepada kita semasa kita membuat soalan ataupun membuat ucapan. Oleh kerana itu, maka jika sekiranya cadangan ini boleh dipertimbangkan dengan lebih mendalam lagi, berkemungkinan kita akan diadakan satu competition dalam Dewan ini. It may become a stage for action ataupun untuk bertanding mendapat tempat yang tinggi atau points yang tinggi, maka hilanglah segala tujuan kita menjawab atau seriousness, dengan izin, kita menjawab. Tetapi saya ingin menyatakan di sini dengan secara ikhlas bahawa tidak ada Menteri atau Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen yang menjawab soalan tanpa memberi satu perhatian yang serius kepada soalan-soalan yang diberi. This is not a joking matter, dengan izin.

Jadi, oleh kerana itu, maka sebelum kita menjawab, kita telah membuat perbincangan dan penyelidikan sebelum datang ke Dewan ini. Tetapi kadang-kadang sesuatu soalan yang ditanya itu agak tidak di-'anticipate', dengan izin, maka perlulah kita meminta notis untuk menjawab soalan-soalan tersebut. Tetapi sebagai satu cadangan,

bolelah diambil perhatian Tetapi saya hendak menegaskan di sini, tidak ada Menteri, tidak ada Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen yang datang ke Dewan ini untuk mencari points semasa menjawab, tetapi untuk memberi satu jawapan yang ikhlas, yang tepat dan jika sekiranya tidak ada maklumat tambahan maka diminta notis.

Tuan Yang di-Petua, mengenai bayaran lambat kepada kontraktor-kontraktor dan dakwaan, ini saya gunakan perkataan "dakwaan", bahawa ada kontraktor jatuh hanya kerana bayaran lambat, ini adalah satu dakwaan yang agak serius, of high order, dan jika sekiranya ada kes-kes yang tertentu yang mempunyai corelation yang amat rapat di antara kejatuhan seseorang kontraktor itu dengan kelambatan bayaran, maka saya meminta supaya Yang Berhormat memberi kes-kes ini terus kepada saya untuk saya siasat supaya tidak timbul lagi perkara, yang tuduh menuduh di dalam kita berusaha untuk mempertingkatkan lagi taraf khususnya kontraktor bumiputera, saya ingin memberi jaminan di sini di dalam Kementerian Kewangan apabila sesuatu order itu, diterima, apabila kita hantar kepada Accountant General, maka kita telah mengarahkan mereka tidak perlu mengambil lebih daripada 3 hari untuk membayar. Jika sekiranya bayaran itu lambat, kita boleh menyatakan bahawa habis tinggi 5 hari.

Tetapi jika sekiranya masalah timbul di tempat-tempat lain, kita tidak bolehlah menyatakan bahawa oleh kerana Kerajaan lambat maka ia jatuh daripada perniagaan. Saya dengan ikhlas mengatakan kurang yakin terdapat co-relation yang begitu rapat hanya kerana bayaran lambat maka ia jatuh dalam perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat memadailah saya mengulas ataupun menggulung sebahagian besar daripada butir-butir yang telah dibangkitkan oleh Dr. Nawawi dan saya minta maaf kalau sekiranya timbul salah faham apabila saya menyebut perkataan kecil hati tadi, sebenarnya saya tidak bertujuan untuk menyakitkan hati Yang Berhormat Dr, Nawawi dan jika sekiranya timbul salah faham, saya minta maaf.

Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun, saya ingin menyatakan dengan ringkasnya bahawa pengurangan import duti ke atas barang-barang ini sebenarnya adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai menikmati barang-barang import sebahagian daripada tujuannya, bukan the only reason, dengan izin. Selain daripada itu pengurangan duti import juga ke atas barang-barang ini adalah bertujuan untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pengeluar-pengeluar tempatan supaya mereka cuba menambahkan lagi mutu pengeluaran mereka dan harga yang lebih bersaing dapat diadakan. Tetapi dari segi prinsipnya kita mahu mengurangkan tarif perlindungan, kerana kita sendiri telahpun di peringkat antarabangsa (international stage) meminta supaya negara-negara yang maju menurunkan atau mengurangkan tarif mereka, jadi oleh kerana itu maka kita kena reciprocate sedikit.

Jadi seperti diumumkan dalam Dewan ini dan Dewan Rakyat bahawa Kerajaan sedang menimbang untuk mengurangkan tarif itu daripada 5% ke 37% kalau tak salah saya, dengan izin, kalau silap, minta maaf. Tetapi lebih kurang begitulah bezantarnya untuk menentukan bahawa pengeluaran tempatan adalah lebih kompetitif. Jadi jika sekiranya kita terus mengadakan tarif yang tinggi dan ini menimbulkan satu keadaan yang kurang sihat dan mungkin ada over dependence, dengan izin, kepada tarif sedemikian, jadi lambat laun bukan kita yang mendapat faedah tetapi akan dapat kerugian, sebab barang yang akan kita keluarkan nanti lebih mahal lagi. Itulah lebih kurang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun iaitu berkenaan kayur-kayar perabut dan juga berkenaan dengan henas dalam tin.

Jika perkara-perkara lain, saya tak sebut, saya minta maaf. Walau bagaimanapun semua telah pun dicatit dan selepas ini kita akan meneliti balik semua ucapan-ucapan ini dan akan menjadi asas untuk kita membuat dasar-dasar pada masa depan. Sebenarnya semua ucapan-ucapan Yang Berhormat dalam Dewan ini, apatah lagi dalam Dewan Negara ini diambil kira dan cadangan-cadangan yang telah diberi akan diberi perhatian.

Sebenarnya Kementerian Kewangan sentiasa menilai pendapat-pendapat ini dan teguran-teguran yang kadang-kadang juga menjadi salah satu daripada pokok untuk kita bergerak. Dengan kata-kata itu, saya mengucapkan sekali lagi kepada Yang Berhormat Dr. Nawawi dan Yang Berhormat Tuan Dahalan, saya ingin sekali lagi meminta maaf kepada Yang Berhormat Dr. Nawawi, mungkin salah faham tadi. Terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Shaharom **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 26 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

SELAMAT TAHUN BARU

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah Dewan Negara ini bersidang selama tiga minggu, mesyuarat Dewan Negara, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh mencatat satu sejarah di dalam persidangan Dewan Negara kita terutama sekali ahli-ahli telah meningkatkan perbahasannya di dalam Belanjawan Negara seramai 42 orang mengambil bahagian dalam perbahasan dengan perbahasan yang bermutu.

Saya bagi pihak Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara mengucapkan "Selamat Tahun Baru" kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi pihak Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara mendoakan supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat berada di dalam keadaan sihat wala-fiat dan berjumpa di dalam sidang Dewan yang akan datang tahun 1989.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak diri saya sendiri, oleh kerana ini adalah persidangati terakhir dan saya diberi penghormatan untuk mempengerusikan sidang kita beberapa kali, saya memohon ampun dan maaf kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama kepada Yang di-Pertua Dewan, Timbalan Yang di-Pertua Dewan; kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada Dewan Negara, Yang Berhormat Datuk Kasitah Gaddam; kepada Setiausaha Dewan dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Dewan yang memberi kerjasama kepada saya selama dua penggal saya menjadi Ahli Dewan ini.

Kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan yang menghadiri Dewan ini selama 6 tahun sejak saya berada dalam Dewan ini, saya menuntut ber-banyak maaf, kalau ada kesilapan-kesilapan dalam ucapan saya yang pernah saya sampaikan sepanjang saya menghadiri Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Dewan ini saya diminta oleh Dato' Yang di-Pertua untuk kita memohon kehadiran Allah s.w.t. dengan doa supaya negara kita Malaysia, pemimpin-pemimpin kita dan sekalian rakyat jelata dilindungi oleh Allah s.w.t. dalam keadaan selamat, aman dan damai. **[Doa]**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dengan hormatnya saya tangguhkan Dewan yang mulia kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.21 malam.